

1875
1876
1877
1878
1879
1880
1881
1882
1883
1884
1885
1886
1887
1888
1889
1890
1891
1892
1893
1894
1895
1896
1897
1898
1899
1900

SEDANG DISELENGGARAKAN AUTOBIOGRAFI
YANG LEBIH KONTRAVERSI

1. 4 BULAN DALAM BURUAN

DENGAN TULUS DAN IKHLAS
DARIPADA
JAMIL DAN SHAH ENTERPRISE
4B-1, Bangunan UDA,
Jalan Pantai Baru,
Kuala Lumpur.

**Hakcipta Terpelihara
JAMIL DAN SHAH ENTERPRISE**

Harga: \$5.00

Dicetak oleh:

PERCITAKAN REGION OFFSET SDN. BHD.

Catitan:

**Sebarang perbuatan rompak cipta akan diambil
tindakan undang-undang.**

183888

**14 BULAN DALAM TAHANAN
SEORANG DIRI**

Oleh:

ZULKIFLI HAJI AHMAD
Bekas Presiden PBMUM Universiti Malaya

Diterbitkan oleh:
JAMIL DAN SHAH ENTERPRISE

APB

286284

3-JAN 1993

Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN**MUKA**

1.	14 BULAN DALAM TAHANAN SEORANG DIRI	1	-	13
2.	BERTUGAS DI MARA DAN FAMA	14	-	15
3.	BERKENAL DENGAN ZAKARIA AHMAD	16	-	18
4.	PILIHANRAYA 1969 - SATU PUKULAN KEPADA UMNO	19	-	21
5.	PANGGILAN TELEFON KEPADA TENGKU	22	-	40
6.	HARI DITAHAN	41	-	47
7.	INTROGASI DI MALAM PERTAMA	48	-	64
8.	AMBIL H.S.C.	65	-	76
9.	SEPINTAS LALU MENGENAI LAYANAN DALAM TAHANAN KESELURUHAN— NYA	77	-	79
10.	KEGIATAN DI KAMPUS	80	-	89
11.	TAHANAN ISA KALI KEDUA — 1975	90	-	105
12.	PERISTIWA TENGKU MEMINTA SAYA MENEMUI DIA SELEPAS DIBEBAS— KAN	106	-	112
13.	SIKAP PERIBADI SAYA TERHADAP PEMIMPIN UMNO	113	-	115
14.	SIKAP POLITIK SAYA SEKARANG	116	-	127
15.	SIKAP SAYA KEPADA KEPIMPINAN NEGARA SEKARANG	128	-	133

Oleh kerana buku ini diterbitkan sebaik-baik sahaja selesai perhimpunan Agong UMNO pada 26.6.1981, kami mengambil kesempatan mengucapkan setinggi tahniah diatas perlantikan YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO dan YB Dato Musa Hitam sebagai Timbalannya. Kami juga merakamkan setinggi tahniah kepada YB Dato Harun yang diberi kepercayaan oleh ahli UMNO dan dipilih sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO walaupun beliau masih lagi di dalam penjara.

Kami percaya kepimpinan yang baru ini akan dapat memenuhi aspirasi generasi muda yang inginkan satu revolusi pemikiran, physical dan spiritual dan destinasi negara kita seharusnya diarahkan kepada Sains dan Teknologi dengan Islam sebagai 'CORE' untuk mencakup perpaduan manusia Islam sejagat dan nasionalisma yang berdasarkan keadilan dan kemanusiaan untuk semua lapisan rakyat.

Semoga Allah memberi taufik dan hidayah kepada pemimpin kita. Amin.

DARI PENGARANG

'14 BULAN DALAM TAHANAN SEORANG DIRI' adalah satu lagi liputan dari insiden hidup saya yang sebenar telah berlaku. Dan ia adalah satu lagi kisah hidup bergaris hitam yang mencetuskan problem dan dilema yang masih belum berakhir. Maka jelaslah, penahanan 14 bulan ini lebih merupakan satu 'conspiracy' politik untuk menutup satu perbuatan keji. Akibatnya, satu demi satu 'character' yang terlibat, telah, sedang dan akan terhukum oleh kuasa Ilahi. Tetapi, saya bukanlah seorang wali. Janganlah ada orang yang sanggup jadi wira dari perbuatan salah gunakuasa ini. Kerana terlalu yakin akan kekuasaan Allah, saya tidak khuatir jika ada yang ingin terus menghukum saya secara salah atau secara benar (wrongly or rightly).

Namun, '14 BULAN DALAM TAHANAN SEORANG DIRI' dengan implikasi yang penuh dengan liku-liku kepahitan hidup saya ada juga menghasilkan pengalaman yang penuh bermakna. Hidup tanpa menempuh perjuangan dan kepahitan adalah hidup sebagai satu pemberian hadiah yang diperolehi dengan melacurkan nama, kedudukan dan darjat orang lain. Dengan sebab itu, sukar untuk kita lihat seorang yang dapat memahami apa sebenarnya kehendak dan perasaan orang lain, apa sebenarnya aspirasi dan inspirasi orang lain kerana dia tidak pernah, walau sekali dalam hayatnya, melalui duri dan ranjau dalam menyeberangi titian hidupnya sejak ia lahir ke dunia ciptaan Ilahi ini. Dia tidak pernah lapar, tidak pernah berpanas, tidak pernah berhujan, tidak pernah mendaki gunung dan tidak pernah mengharung lurah. Kalau dia seorang pemimpin bangsa pula, jauh sekali dia berjuang dengan darah dan airmata untuk menegak kedaulatan, kesucian negara dan bangsa. Hinggakan dia tidak per-

nah insaf dan kasihan pada jiran dan kawannya sendiri yang ditindas dan tertindas. Dia tidak pernah tahu erti penderitaan rakyat di kampung, di desa, petani, nelayan, buruh dan berbagai ragam kesusahan hidup manusia sebangsanya, jauh sekali untuk memikirkan nasib jenerasinya yang akan datang, asalkan dia sendiri punya seribu satu macam kemewahan. Yang diketahuinya hanyalah istilah 'susah' semata-mata.

Dalam politik misalnya, UMNO adalah parti nasionalis yang dapat dianggap pengkalan kepada bangsa Melayu. Masih jauh jalan yang akan dilalui oleh UMNO. Kerana UMNO bukan hanya berjuang untuk orang Melayu tetapi terpaksa menghadapi tekanan-tekanan yang semakin kuat dari kaum-kaum yang menguasai semua sektor ekonomi yang jadi sekutunya dan perhatikanlah mereka ini sedang cuba menawan dan mempengaruhi pemimpin-pemimpin UMNO dengan berbagai method ala Yahudi, seperti yang dilakukan oleh kaum modal Yahudi di zaman pemerintahan Hitler di Jerman dahulu. Gulungan mereka di Malaysia ini digelar 'The Jews of The East'.

Lihatlah percubaan-percubaan kaum modal asing yang jadi sekutu UMNO cuba memiliki bank-bank, taman-taman perumahan, tanah-tanah strategik yang dahulunya khas untuk Bumiputra; satu demi satu dibeli oleh mereka ini. Dan hal ini sedang berlaku di mana-mana sahaja.

Tidak cukup dengan wang mereka gunakan kelemahan setengah-setengah pemimpin kita dengan 'women and wine'. Bukan kita tidak dengar bagaimana Dato Ibrahim yang cuba membaiki keadaan di R.I.M.V. terpaksa ditukarkan ke lain jabatan atas tekanan politik pihak tertentu dari parti sekutu UMNO. Ketua Penga-

rah Immigrisyen, diperintahkan tukar setelah beliau cuba melaksanakan peraturan yang kerajaan sendiri menetapkan. Ini merupakan satu dua contoh sahaja.

Semua ini kalau dianalisa, akan mendedahkan beberapa bentuk penyelewengan yang sedang berleluasa. Kalau ini terus berlaku kita tidak tahu apalah nasib bangsa kita, katakanlah 20 tahun lagi. Mengenai rasuah memanglah sudah jadi pengetahuan umum. B.S.N. tidak bebas untuk memberkas mereka yang ada pengaruh dan kuasa. Hanya segelintir sahaja yang terhukum. Adakah Penjara Pudu itu terhad kepada penjenayah ikan bilis dan satu dua kerat ikan yu?

Mungkin ada orang yang tidak dapat mengerti letusan hati saya ini. Atau, mereka anggap saya sudah tidak 'centre' lagi. Biarkan. Itu hak mereka. Tetapi percayalah, suatu hari dan suatu ketika, sejarah tidak akan membohongi kita semua. Apa yang kita anggap mustahil boleh berlaku akan jadi satu realiti dan fenomena yang mencabut akar umbi segala rupa hidup yang sekian lama jadi tradisi bangsa. Mustahil sesiapa dapat membendung angin perubahan lebih-lebih lagi perubahan itu diminta oleh rakyat sebagai hak mereka yang diabaikan selama ini.

Sekian.

'14 BULAN DALAM TAHANAN SEORANG DIRI' saya abadikan untuk jadi bahan bacaan, pengetahuan dan ingatan kepada anak-anak saya, sahabat handai dan masyarakat seluruhnya masa kini dan masa akan datang.

Saya abadikan juga buku ini sebagai penghargaan khas kepada Encik Wan Yaakob Ibrahim (kini Dato), Penolong Pesuruhjaya Polis Malaysia. Dato Wan Yaakob (tahun 1969 - berpangkat DSP) adalah pegawai yang bertanggungjawab menguruskan penahanan, proses, introgasi dan pembebasan saya. Adalah penghormatan bagi saya menyebut nama beliau di sini lantaran beliaulah yang telah menggalak, menasihati dan menyelenggarakan urusan saya belajar semasa di dalam tahanan (iaitu 6 bulan sebelum saya dibebaskan).

Tanpa inisiatif dan galakan Encik Wan Yaakob, kemungkinan besar, hanya menjadi impian hati saya berjaya melanjutkan pelajaran. Dia bukan sahaja menguruskan nota-nota, buku-buku rujukan yang perlu buat persediaan saya mengambil peperiksaan H.S.C. tetapi dia juga memastikan saya benar-benar belajar. Ada masa beliau melawat saya secara senyap-senyap dan mengintai dari celah-celah pintu apakah saya sedang belajar atau menangis. Sungguh saya ketahui, dia tidak pernah nampak saya tidak membaca biarpun lawatannya itu dibuat tengah malam, subuh atau siang hari.

Dalam membuat liputan mengenai tekanan jiwa saya semasa saya ditahan, bukanlah menjadi niat saya untuk menyalahkan Dato Wan Yaakob kerana menangkap dan menahan saya. Pihak polis bertugas sebagai agen sahaja.. Dan dalam penahanan saya selama setahun itu


tidaklah wajar saya mempersalahkan polis atau Encik Wan Yaakob yang bertanggungjawab diatas penahanan saya.

"I dapat perintah orang atas dan perintah itu mesti dilaksanakan," kata Encik Wan Yaakob.

Jadi, "Siapakah orang atas itu?"

Hanya setelah saya dibebaskan dan pergi menemui Tengku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Malaysia, (didasar permintaan Tengku melalui Dato Senu), baharulah saya dapat penjelasan bahawa penahanan saya itu bukan di atas perintah Tengku. Tengku hanya diberitahu setelah saya ditahan. Begitu juga dengan penahanan saya yang kedua. Polis telah bertindak diatas arahan pihak atas. Walaupun begitu, andaian saya ialah, polis juga mempunyai pengaruh dalam proses menyenangkan atau menyusahkan seseorang yang terlibat itu dalam laporan mereka kepada pihak yang berkenaan. Polis ada mempunyai peluang-peluang untuk menjadi laporan atas kes itu ringan atau berat.

Dipendekkan cerita, persoalan siapa bertanggungjawab atas penahanan saya ini tidak begitu penting lagi. Ia sekadar menjadi pengetahuan dan pengalaman sahaja.



14 BULAN DALAM TAHANAN SEORANG DIRI

Maksud saya dengan 14 BULAN DALAM TAHANAN SEORANG DIRI ini ialah saya telah ditahan di bawah kuatkuasa satu undang-undang yang serupa iaitu 'Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri - ISA' atau dalam bahasa Inggerisnya 'Internal Security Act' bagi tempoh 2 jangka waktu atau periodisasi. Kali pertama saya ditahan ialah pada hari Sabtu, 18.10.1969, sehingga hari Khamis, 1.10.1970, iaitu hampir setahun. Kali kedua saya ditahan ialah pada bulan Disember, 1974 hingga bulan Februari, 1975.

Oleh kerana kedua-dua penahanan ini bersangkutan dengan satu undang-undang, iaitu ISA, saya cantumkan ke dua-dua tempoh penahanan ini untuk memudahkan sorotan atas peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam tempoh dua jangka waktu tersebut.

Tidaklah memadai kalau saya tidak menulis sedikit sebanyak latar belakang kegiatan politik saya selama lebih kurang 20 tahun (1960-1980), kerana akibat dari kegiatan politik yang begitu kuat telah membawa saya ke dalam jurang ISA, sehingga perlu bagi pemerintah untuk menahan saya. ISA ialah satu undang-undang

yang khusus untuk menahan tanpa perbicaraan orang-orang yang **dianggap** membahayakan keselamatan Negara.

Sudah tentu tidak perlu saya nyatakan pendapat saya adil atau tidak undang-undang ISA ini kerana adalah hak mana-mana kerajaan, hak mana-mana negara untuk menghalalkan tindakan-tindakannya melalui Parlimen untuk menjaga apa yang dianggap keselamatan negara itu sendiri. Kita harus realistik dalam perkara itu iaitu, jika mereka yang hari ini membangkang ujudnya undang-undang seperti ISA ini, satu masa nanti bila mereka juga berkuasa mereka juga akan merestui undang-undang seperti ISA ini atau satu undang-undang yang lebih 'drastic' lagi bagi mengekalkan kuasa politik mereka. Lihat sahaja negara-negara jiran kita di mana mereka yang berkuasa hari ini pernah dahulu menjadi pembangkang dan berjuang untuk menghapuskan undang-undang yang mereka anggap sebagai menekan dan menindas hak asasi rakyat. Tetapi apabila mereka ini berkuasa, mereka yang dahulu membangkang, memperkenalkan akta-akta baru dengan harapan akta-akta ini dapat menjamin mereka itu tidak dapat digulingkan. Kalau mungkin, mereka ingin berkuasa selagi ada matahari dan bulan...

Sebaik-baiknya, saya mulakan naratif ini dengan menyingkap kembali kegiatan politik saya semenjak 1960an, di Singapura.

Mula-mula saya bergiat dalam politik melalui parti UMNO pada tahun 1960, sewaktu mula-mula bertugas di Studio Shaw Brothers di Jalan Ampas, Singapura. Bagi saya ketika itu UMNO mempunyai teras pegangan orang-orang Melayu dan keyakinan begini masih kuat sehingga saat ini, walaupun dalam beberapa hal.

saya menentang setengah-setengah pemimpin individu dalam parti ini.

Justeru kerana itu, penglibatan saya dalam UMNO bertolak dari semangat dan minat. Semangat yang bertunjang sejak dibangku sekolah menengah lagi.

Sewaktu kecil-kecil, waktu bersekolah Ugama di Johor Bahru, saya masih ingat iaitu saya selalu mengikut orang tua-tua pergi ke pesta-pesta, pasar minggu anjuran UMNO. Di sana saya sungguh terpengaruh dan terpesona dengan ucapan Allahyarham Dato Onn, ayahanda kepada YAB Dato Hussein Onn Perdana Menteri kita. Dan apabila saya bersekolah di Segamat (sekolah menengah - 1954) sekali lagi, sekali sekala saya dapat mengikuti pidato Dato Onn, yang ketika itu bukan lagi Presiden UMNO tetapi Presiden Parti Negara. Saya tidak sekadar mendengar pidatonya tetapi buat pertama kalinya saya berpeluang berbual dengan Dato Onn itu. Kata-katanya yang masih saya ingat ialah "Orang-orang muda mesti mencampuri politik, mesti cintakan negara, mesti cintakan bangsa, mesti sanggup berjuang kerana bangsa....."

Saya juga ingat, perasaan kebangsaan saya yang meluap-luap terbawa-bawa ke dalam karangan saya (essay) di bangku sekolah atau ketika masa-masa saya diminta bersyarah atau berpidato di hadapan kawan-kawan sedarjah. Rasa anti penjajah (British) begitu ketara ketika itu. Saya selalu anggap British telah menguasai negara kita samada di dalam dasar ekonomi, sosial dan pendidikan dan dengan itu perlu mempertahankan kepentingan mereka dirantau ini dengan menghimpunkan beberapa 'Division' askar-askar British di negara kita (sebelum merdeka)

Dan akhirnya, minat berpolitik itu menjadi begitu



Allahyarham Dato Onn bin Jaafar. Saya mengkagumi cara beliau berpidato.

'practical' bagi saya dengan timbulnya situasi yang ujud di Studio Jalan Ampas, diantara tahun 1962 hingga 1967 apabila studio itu terpaksa ditutup dan menu- lar kepada keadaan sosial ekonomi golongan minoriti di Singapura terutamanya orang-orang Melayu menja- dikan saya lebih aktif dan lebih lancang membuat ucapan-ucapan atau kenyataan-kenyataan akhbar melalui cawangan UMNO di Singapura. Singapura masa itu masih dalam gagasan Malaysia. Askar-askar Melayu banyak ditempatkan di pulau tersebut. Bilang- an Melayu dalam pasukan polis di Pulau Mutiara itu masih merupakan majoriti. Usaha-usaha membaiki keadaan sosio-ekonomi orang-orang Melayu Singapura galak dimajukan oleh MARA satu agensi yang benar- benar jadi harapan Melayu Singapura setelah pulau itu bergabung dalam gagasan Malaysia.

Prestasi UMNO Singapura di kala itu sangat tinggi. Utusan Melayu sebagai penyambung lidah Melayu Singapura adalah media yang sangat penting ketika itu. Setiap isu yang memperkatakan orang-orang Melayu, lantang, terpampang di muka hadapan akhbar ini. Mi- noriti jadi majoriti. Itulah hak istimewa dari rasa ketuanan Melayu ke atas Pulau Mutiara, Pulau Indah, pintu masuk dari Timur ke Barat dan pelabuhan yang ke 5 besarnya di dunia yang disifatkan oleh Tengku Abdul Rahman New York bagi Malaysia. Rasa ketuan- an ini begitu mencengkam hati hampir setiap Melayu Singapura.

Mula-mula saya memasuki UMNO Cawangan Whit- ley Road tidak jauh dari Jalan Ampas. Sebagai ahli biasa dulu, kemudian dilantik menjadi pegawai pene- rangannya. Hampir semua rakan-rakan kerja di Studio Jalan Ampas, seniman dan seniwati saya pengaruhi

supaya memasuki UMNO dan di hari perasmian cawangan itu yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Khir Johari (ketika itu Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Singapura) kelihatan banyak para seniman dan seniwati yang hadir. Upacara perasmian itu sungguh meriah.

Tidak lama kemudian, saya bergiat menubuhkan sebuah lagi cawangan UMNO di Toa Payoh, juga tidak jauh dari Jalan Ampas. Toa Payoh merupakan kubu kuat parti P.A.P. yang memerintah ketika itu. Dalam tempoh ini, kegelisahan para artis Melayu, tidak puas hati dengan layanan majikan (Shaw Brothers) semakin bergelora, tegang dan agresif. Ia seolah-olah menjadi semakin hebat, semakin mengharu-birukan pihak majikan. Sesudah menggabungkan diri dalam UMNO, artis-artis yang dulu semacam buih-buih kecil sudah bertukar menjadi jalinan ombak-ombak besar yang berkali-kali melanda pantai. Majikan menjadi semakin cemas. Dan kemasukan seniman dan seniwati Melayu ke dalam UMNO lebih mencemaskan mereka. Mereka tahu, kepentingan perniagaan mereka di Tanah Besar Malaysia sungguh banyak dan andainya campurtangan UMNO dalam perjuangan artis-artis Melayu menuntut hak pembahagian rezeki yang lebih patut tidak boleh diketepikan begitu sahaja selagi Singapura merupakan sebahagian dari Malaysia.

Dari rangkaian peristiwa-peristiwa mogok diikuti dengan sedikit sebanyak perubahan yang lebih baik (lihat buku saya 'Eksplotasi Terhadap Bintang Filem') akhirnya tidak juga memberi stabiliti yang kekal kepada perjalanan studio itu. Shaw Brothers sebagai majikan tidak dapat berbuat apa-apa dari tindakan mogok para artis itu. Dan bolehlah dikatakan kerana UMNO berdiri di belakang artis-artis itu, majikan mahu

tidak mahu, bertolak ansur juga. Dominic Puthocery yang mewakili para artis dan kakitangan di Jalan Ampas harus diberi pujian kerana berjaya mengemukakan tuntutan-tuntutan artis yang sebahagiannya diterima oleh majikan.

Oleh kerana pergolakan krisis studio banyak saya tulis dalam 'Eksplotasi Terhadap Bintang Filem', saya hanya perlu membuat liputan mengenai hal-hal yang ada sangkut paut dengan politik sahaja. Cuma saya ulangi lagi, penutupan studio Jalan Ampas itu lebih disebabkan oleh tekanan politik P.A.P. Singapura terhadap majikan. Ini lebih logik kerana penutupan itu berlaku setelah Singapura disingkir keluar dari Malaysia, disingkir keluar atas inisiatif Tengku Abdul Rahman sendiri selaku Perdana Menteri Malaysia ketika itu.....

Dalam 'Eksplotasi Terhadap Bintang Filem' saya sebutkan bahawa diantara sebab-sebab penutupan studio Jalan Ampas ialah:

1. Keuntungan Shaw Brothers semakin merosot akibat dari tuntutan demi tuntutan, para artis dan pekerja studio Jalan Ampas.
2. Tekanan politik oleh kerajaan P.A.P. sendiri.

Yang anihnya, Tengku Abdul Rahman Perdana Menteri ketika itu, sewaktu Singapura dalam Malaysia tidak begitu ghairah mahu jadi penulis skrip yang prolifik dan mengambil daya usaha membentuk satu perusahaan filem yang mampu menerbitkan filem-filem hasil dari karya sendiri. Keghairahan Tengku dalam perfileman agak mendadak setelah Singapura diusir keluar. Tengku telah menulis skrip filem berjudul 'RAJA BERSIONG' di mana Shaw Brothers dikatakan telah membayar \$30,000/= kepada Tengku. Filem 'RAJA BERSIONG' setelah di tayangkan menempuhi

rugi besar. Belumpun Shaw Brothers dapat memberi statistik kerugian 'RAJA BERSIONG' ini Tengku telah bersedia dengan skrip kedua dan ketiga untuk diserahkan kepada Shaw Brothers untuk difilemkan lagi. Shaw Brothers terasa agak 'boring' dengan inisiatif Tengku ini.

Dan dari kaca mata Kerajaan P.A.P. Singapura, kegiatan Tengku selalu berkunjung ke Singapura (studio Jalan Ampas) setelah Tengku sendiri menentang Singapura keluar dari Malaysia, tidak disambut baik, tidak bijak dan tidak disukai. Kerana setiap kali Tengku berkunjung ke Singapura, setiap kalilah Tengku diberi sambutan meriah oleh orang-orang Melayu Singapura yang bukan lagi dapat dianggap orang Malaysia ketika itu.

Jika secara kebetulan Tengku berada di Singapura pada hari Jumaat dan bersembahyang di salah sebuah masjid di Pulau itu, beliau akan dikerumuni oleh orang-orang Melayu, seolah-olah Tengku itu masih dianggap Perdana Menteri mereka lagi.

Dengan tersimpulnya rantai-rantai dari tindak tanduk kegiatan Tengku di Singapura dan dari gejala-gejala perasaan tidak puas hati para artis Melayu terhadap Shaw Brothers yang tidak disenangi oleh kerajaan Singapura, penutupan studio boleh dimengertikan. Ia timbul dari rasa 'boring' dan keciwa kedua-dua P.A.P dan Shaw Brothers dari fakta yang sama.

Menyingkap kembali kepada perjuangan UMNO Singapura sebelum Singapura keluar dari Malaysia, bolehlah dianggap UMNO Singapura di bawah pimpinan Ahmad Haji Taf, aktif, kuat memperjuangkan hak kepentingan orang Melayu. Dia lantang meminta sesuatu. Melalui media Utusan Melayu, suara-suara

kritis mendesak, bukan merayu, membangkang bukan menyeru, supaya kerajaan P.A.P. menyediakan lebih banyak kemudahan sosio-ekonomi dan pelajaran kepada anak-anak watan Singapura yang ketinggalan.

Saya masih ingat ketika menjadi Setiausaha UMNO Cawangan Toa Payoh dan ahli Jawatankuasa Bahagian Bandaraya Singapura dibawah pimpinan Tuan Syed Ali Redza, banyak isu-isu mengenai orang-orang Melayu Singapura disiarkan secara besar-besaran oleh Utusan Melayu. Dan pemberita Utusan Melayu (ketika itu) yang banyak bekerjasama dengan saya ialah Encik Ahmad Idris. Kini beliau sudah menjawat jawatan Ketua Penolong Penyunting Kanan akhbar Utusan Melayu di Kuala Lumpur.

Sempat juga satu pesta kebudayaan yang sangat meriah dianjurkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Singapura dalam pertengahan tahun 1965, yakni hanya beberapa bulan sebelum perpisahan Singapura dari Malaysia. Ia diadakan bersempena dengan perasmian 'Rumah UMNO' di Changi Road oleh Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman. Hampir semua menteri-menteri kabinet Malaysia turut hadir di upacara itu. Osman Abadi dan saya sebagai ahli jawatankuasa yang paling aktif dalam pertubuhan itu ditugaskan ke Kuala Lumpur dan Kota Bharu untuk mendapatkan peserta-peserta pertunjukan. Dan pertunjukan itu sungguh berjaya dan memberi kepuasan kepada para hadirin.

Semua aktiviti Pergerakan UMNO Singapura di tahun-tahun sebelum perpisahan itu tidak disenangi oleh P.A.P. Singapura. P.A.P. dengan 'brand' sosial demokrasinya lebih mirip kepada polisi 'Republican' (negara tanpa Monarki). Dan kebetulan P.A.P. Singapura yang majoritinya ditadbir oleh orang-orang keturunan China adalah mengikut arus yang tidak sealiran

dengan UMNO baik dalam segi apapun, misalnya dalam bidang kebudayaan, sosial mahupun ekonomi. Dan dasar kerajaan pusat Malaysia meletakkan polisi ketenteraan dan kepolisan dalam tangan Bumiputra merupakan dasar yang sangat ditakuti oleh bukan Bumiputra dan tidak sekali mereka senang.

Logiknya, setiap orang Melayu Singapura (walaupun peratus penduduk antara China dan Melayu jauh dari seimbang) menganggap Pulau Mutiara ini hak Melayu yang mesti dipertahankan hingga akhir zaman. Dan kehadiran Singapura ke dalam gagasan Malaysia dianggap sangat mulia, sangat dialu-alukan dan kena pada masanya. Orang Melayu di Singapura dengan bilangan lebih kurang 370,000 atau 15 peratus dari jumlah penduduk 2.5 juta memang terdesak dalam lapangan pelajaran, ekonomi, sosial, mahupun kebudayaan. Satu-satu harapan mereka ialah ujud di bawah satu pemerintahan pusat yang dikuasai oleh orang Melayu dalam Malaysia.

Kerajaan Pusat yang menguasai kuasa politik akan tentu berusaha segera cuba mengatasi jurang perbezaan sosio-ekonomi orang-orang Melayu Singapura melalui akta-akta Parlimen. Dan hak istimewa mereka akan diujudkan dalam Perlembagaan, yang meliputi hak istimewa Melayu Singapura.

Dan hak kepentingan Melayu di Singapura akan sama-sama terjamin baik dengan hak yang dinikmati oleh orang Melayu di Tanah Besar.

Bagaimana pula dengan strategi P.A.P. yang bersetuju memasuki gagasan Malaysia? Adakah mereka juga mempunyai pendekatan atau 'approach' yang sama dari kaca mata orang Melayu Singapura?

Dari kaca mata pemerhati politik yang matang dan mengikuti pergerakan P.A.P. ia mempunyai konsep dan objektif yang berlainan. P.A.P. dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang dedikasi, berpengalaman dan berkelibar besar dan 'sophisticated'. Dipimpin oleh seorang yang diakui sangat bijak, memiliki intergreti moral dan material yang suci murni - Lee Kuan Yew. Sangat malang bagi orang Melayu Singapura ialah walaupun Lee Kuan Yew dikagumi, dihormati, dia orang China, berketurunan China dan berkebudayaan China.

Sekurang-kurangnya dia bukan muallaf menganut Islam seperti Omar Ong Yoke Lin misalnya. Kalau Lee Kuan Yew orang China, tetapi sekurang-kurangnya seperti Omar Ong Yoke Lin kemungkinan orang-orang Melayu Singapura boleh menerima beliau sebagai pemimpin. Donald Stephen - bila masuk Islam jadi Tun Fuad Stephen dan masih dapat diterima kepimpinannya oleh rakyat Sabah.

Dan kerana Lee Kuan Yew orang Chinalah maka sebijak-bijak beliau, sepetah-petah beliau bertutur, berbahasa Melayu (lebih baik bahasa Melayunya dari setengah-setengah orang Melayu), beliau masih dikatakan orang China, mengagung-agungkan kebudayaan China, negara China, bangsa China hatta makanan China. 'Crismatic' ketokohan beliau melampaui Hou Kuo Feng, boss Republik Rakyat China sendiri.

Ekoran dari latar belakang ini, Lee Kuan Yew tidak dapat diterima oleh orang Melayu sebagai pemimpin yang mutlak. Faktor-faktor ini juga yang menjadi pertimbangan dan 'catalyst' yang menolak keluar Singapura dari Malaysia dan dari tarikh ini Melayu Singapura telah masuk gulungan 'ethenic' - sekelompok

puak minoriti yang keciwa. Gejala perpisahan itu dima-
rakkan lagi oleh sikap dan ucapan perkauman oleh Lee
Kuan Yew dan rakan-rakannya sewaktu Singapura
berada di dalam Malaysia.

Oleh kerana saya akan menulis secara 'detail'
mengenai gejala-gejala politik yang telah membawa
perpisahan Singapura dan Malaysia dalam tajuk
'PERPISAHAN SINGAPURA DARI MALAYSIA —
Implikasinya terhadap Malaysia di hari muka', saya
tidak akan menulis lebih lanjut mengenai hal ini. Saya
hanya akan memusatkan pandangan personal dan poli-
tik saya terhadap sikap politik Tengku khususnya
dalam soal perpisahan Singapura ini, yang membawa
kepada peristiwa saya menalipun Tengku di Residensi
pada 9.5.1969, supaya meletakkan jawatan Perdana
Menterinya dengan membawa akibat saya ditahan
selama hampir satu tahun dalam 'solitary confinement'
(Tahanan Seorang Diri)

Sikap politik saya terhadap Tengku agak negatif dari
rasa keyakinan bahawa politik Tengku (dalam penying-
kiran Singapura dari Malaysia) adalah 'naiv' dan diang-
gap tidak menguntungkan bangsa Melayu untuk jangka
panjang masa depan. Dan rasa tidak puas hati dari isu
ini menjadi begitu 'personal' hingga saya tergamak
(pada masa itu) menganggap Tengku bukan berdarah
Melayu Asli. Justeru kerana itu beliau tidak memikir-
kan sangat cabaran-cabaran hebat yang mungkin diha-
dapi oleh orang Melayu Singapura khasnya dan rakyat
Malaysia amnya di satu masa nanti dan cabaran ini
akan terus dirasakan dari satu dekad ke satu dekad.

Tahun 1966 setahun (setelah Singapura keluar dari
Malaysia), saya mendapati satu period perusahaan
dan politik yang tidak 'stable' di Jalan Ampas. UMNO

Singapura sudah ditukar kepada 'Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura' dan perkembangannya semakin disekat, semakin mundur dan semakin lumpuh. Akhirnya bergerak seolah-olah ia sebagai suatu badan kebajikan sahaja.

Rakyat Malaysia yang masih ada di Singapura tidak dibenarkan menjadi ahli Pertubuhan Politik Singapura. Dan saya masih ingat bagaimana rumah saya di 9T, Boon Teck Road didatangi oleh polis Singapura untuk menentukan saya tidak lagi menjadi ahli UMNO Singapura.

Dalam tahun yang sama, saya mengambil keputusan meletakkan jawatan sebagai Penolong Pengarah Filem di Jalan Ampas. Dengan jasa baik YB Tan Sri Ghazali Shafie, yang begitu berusaha pada awalnya menyelesaikan mogok di Studio Jalan Ampas dahulu, telah merekmenkan saya bertugas di Sabah menguruskan pementasan-pementasan kebudayaan bagi tujuan kempen pilihanraya parti USNO.

Masa di Sabah inilah saya mengenali Tun Dato Mustafa (ketika itu Ketua Menteri Sabah) secara yang lebih dekat lagi. Hanya 6 bulan saya berada di Sabah. Saya sekadar sempat menguruskan pengumpulan iklan-iklan untuk 'Buku Cenderamata' berkaitan dengan 'Pesta Kebudayaan' yang dicadangkan untuk diadakan di seluruh Sabah.

Dalam buku '12 TAHUN BERSAMA SARIMAH' saya ada menyebut sepintas lalu sebab-sebab yang memaksa saya tidak mahu tinggal lebih lama di Sabah dan menyelesaikan tugas saya yang belum sempat dilaksanakan.



Tun Dato Mustapha, bekas Ketua Menteri Sabah dan Presiden USNO pada satu masa sangat berkuasa dan ditakuti di Sabah.

Dalam jangka 6 bulan saya di Jesselton (sekarang Kota Kinabalu) sempat 4 kali saya pulang ke Singapura menemui anak dan isteri yang dirindui. Dan apabila saya ketahui bukti-bukti yang menunjukkan isteri saya waktu itu sedang dipujuk, dirayu melalui surat-surat cinta oleh seorang V.I.P. Sabah, keputusan saya meninggalkan Sabah jadi muktamad. Dari Singapura saya membawa satu kotak berisi 'surat-surat cinta' kepada Allahyarham Tun Razak di 'Seri Taman' dan memberi taklimat kepada YAB itu mengapa saya tidak mahu kembali lagi ke Sabah. Sekian itu tugas saya di Sabah.

2

BERTUGAS DI MARA DAN FAMA

Setelah beberapa minggu kembali dari Sabah, Allahyarham Tun Abdul Razak Timbalan Perdana Menteri (waktu itu) merekmenkan saya bertugas di Ibu Pejabat MARA sebagai penulis dalam bahagian Seranta. Tugas saya sekadar menulis rencana-rencana untuk penerbitan MARA. Sewaktu bertugas di MARA inilah saya membeli nota-nota untuk mengambil peperiksaan M.C.E. sebagai calon persendirian. Ketika itu bekas isteri saya masih berada di Singapura, masih menjadi pelakun di Jalan Ampas. Berkat tekun dan azam yang kuat, sayapun berjaya dalam peperiksaan M.C.E. dan F.M.C. Peperiksaan yang saya ambil di Singapura setelah hampir 9 tahun meninggalkan bangku sekolah yang formal di Pekan, sewaktu saya berada di Tingkatan 4 dalam penggal yang pertama.

Sungguhpun kelulusan M.C.E. tidak merupakan satu 'achievement' yang istimewa bagi orang lain, tetapi bagi saya ia merupakan rahmat dari Allah yang sangat bermakna. Ianya satu 'achievement' atau pencapaian yang tidak diduga. Kerana setelah begitu lama berhenti sekolah dan tidak pernah menjejak kaki walaupun ke tingkatan 5. Dan masa yang saya ambil untuk belajar pun secara sambilan kerana tugas resmi dengan MARA

itu sudah cukup membuat saya begitu 'occupied'.
Tuah yang saya nikmati dari kelulusan M.C.E/F.M.C.
ini terbukti apabila saya dinaikkan ke jawatan Pegawai
MARA Daerah (P.M.D) mula-mula di Johor Bahru
kemudian bertukar ke daerah Kuala Kubu Bharu, Se-
langor, iaitu setelah penutupan studio Jalan Ampas,
Singapura dan bekas isteri saya ditawarkan berlakun
dalam filem-filem keluaran studio Merdeka, Ulu Ke-
lang. Tawaran berlakun dari sebuah filem ke sebuah
filem sahaja.

Supaya saya selalu berada di rumah saban malam
untuk kemudahan bekas isteri saya pergi balik ke stu-
dio Merdeka di Ulu Kelang waktu ada penggambaran
saya pun menyewa sebuah rumah 2 tingkat (linked
house) di 198, Happy Garden, Jalan Kuchai Lama,
Kuala Lumpur. Sewa rumah ketika itu (1967) ialah
\$140/ = sebulan.

Setiap pagi untuk beberapa bulan, saya berkereta
berulang alik dari Kuala Lumpur ke Kuala Kubu Bha-
ru. Dalam pada itu terasa berat juga berulang alik itu,
tidak sahaja kerugian masa tapi wang ringgit guna
membeli petrol. Masa rihat bagi saya tidak cukup. Ada
masa-masa boleh rihat digunakan untuk pergi meng-
hantar dan mengambil pulang isteri dari 'shooting'
di studio Ulu Kelang.

BERKENAL DENGAN ZAKARIA AHMAD

Kesibukkan begini tidak memungkinkan saya aktif semula dalam politik melalui UMNO seperti waktu di Singapura dulu. Aktiviti politik merupakan satu kecenderongan saya yang semula jadi.

Ketika yang sama, Encik Ghafar Baba, bekas Ketua Menteri Melaka baru dilantik sebagai Pengerusi kedua-dua Badan Berkanun MARA dan FAMA. Dan apabila FAMA memerlukan seorang Pegawai Seranta, saya cepat-cepat buat permohonan. Oleh kerana saya punya kelulusan dan pengalaman yang diperlukan, FAMA menerima permohonan saya diikuti oleh satu temuduga ringkas di Ibu Pejabat FAMA di Bangkok Bank, Jalan Bandar.

Dari MARA saya bertugas di FAMA. Tugas baru ini saya cuba laksanakan dengan sebaik-baik yang mungkin. Ia sesuai dengan saya. Saya ditugaskan memberi penerangan ke sekolah-sekolah di sekitar Selangor dan di negeri-negeri lain di Malaysia Barat. Encik Aziz Yassin (Timbalan Pengarah FAMA ketika itu) sentiasa membawa saya pergi ke kampung-kampung nelayan di Perlis, Pulau Pinang dan tempat-tempat lain di mana melibatkan tugas-tugas saya sebagai Pegawai Pene-

rangan. Saya juga ditugaskan untuk meng 'up-date'kan bilik Gerakan FAMA di Jalan Dato Onn disamping tugas-tugas yang melibatkan penerbitan-penerbitan penerangan, penerbitan yang dikeluarkan oleh FAMA; mengadakan 'press-conference', mengadakan kempen-kempen 'Makanlah Lebih Banyak Buah-buahan Tempatan' dan sebagainya.

Seminggu atau 2 minggu sekali saya pergi ke Bilik Gerakan di Jalan Dato Onn untuk meng 'up-date'kan carta-carta Kemajuan aktiviti FAMA di papan tanda Bilik Gerakan yang khusus kerananya.

Sepanjang masa dalam tahun 1968 saya bertugas di FAMA itu saya pun menjalin persahabatan dengan Zakaria Ahmad, Setiausaha Sulit Allahyarham Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri (ketika itu). Zakaria tidak 'ego', 'action', jika dibandingkan dengan Abdullah Ahmad, Setiausaha Politik Allahyarham Tun. Zakaria juga ramah, suka menolong dan ikhlas. Dari pergaulan saya dengan dia, saya dapati dia sangat dedikasi dengan tugas dan berapi-api perasaan 'pro'nya kepada Allahyarham Tun Abdul Razak. Satu hal yang natural kepada orang-orang seperti Zakaria yang mesti bersikap dedikasi, taat setia yang bulat kepada ketua dan pemimpin.

Satu hal yang natural lagi ialah setiap pertemuan saya dengan Zakaria, maka perbualan kami banyak berkisar dan tertumpu kepada kesungguhan Tun menadbir negara, dedikasi Tun dan cintanya pada bangsa dan negara. Zakaria selalunya menunjukkan sanjungannya terhadap Tun secara bersungguh-sungguh.

Sebaliknya bagi Zakaria dan mungkin bagi kebanyakan orang juga Tengku Perdana Menteri adalah 'easy-go-lucky' sahaja. Tun Razak Bapa Pembangunan, Tun Ra-



Allahyarham Tun Razak, bekas Perdana Menteri yang benar-benar dedikasi terhadap pembangunan negara. Malangnya, diakhir-akhir beliau menjadi Perdana Menteri, Beliau dikelilingi oleh beberapa orang 'opportunist' yang mengeksploitasikan kelemahannya.

zak Bapa Harapan Bangsa Melayu, Tun Razak Pembela orang-orang Melayu dan ini lebih terasa ketika tercetus titik hitam peristiwa berdarah 13 Mei, 1969 yang bersejarah itu.

Saya memang akur sungguh-sungguh dengan pendapat Zakaria lebih-lebih lagi kerana Tun Pembesar Pahang, Tun Orang Pahang dan Tun juga saya kenal secara peribadi. Watak kepimpinan Tun terhadap bangsa dan negaranya memang diakui oleh semua orang Melayu dan ia terkenal di kalangan antarabangsa.

Bagi saya, sejauh ini kepimpinan Tun, kasih dan cintanya kepada bangsa sendiri lebih jelas dan sukar dipertikaikan jika mahu dibandingkan dengan pemimpin 'contemporary' dalam zamannya.

PILIHANRAYA 1969 — SATU PUKULAN KEPADA UMNO

Rasa tidak puas hati setengah-setengah kalangan ahli UMNO dan orang Melayu terhadap kepimpinan Tengku di waktu itu makin jelas. Rasa tidak puas hati yang mula berputik dari inisiatif Tengku menolak keluar Singapura dahulu. Satu inisiatif yang dianggap tidak bijak kerana Tengku tidak pernah merujuk isu penting itu kepada rakyat melalui apa yang dikatakan pungutan suara atau 'referendum' untuk menentukan sikap rakyat samada perpisahan itu merupakan satu tindakan yang bijak, tindakan yang akan menentukan jenerasi kini dan jenerasi yang akan datang khususnya orang Melayu di Singapura dan rakyat di Malaysia amnya.

Rasa kekesalan dan kekeciwaan orang Melayu (orang Melayu Singapura khasnya) ini banyak saya tumpukan dalam penulisan buku saya yang berjudul 'PERPI—SAHAN SINGAPURA DARI MALAYSIA — implikasinya kepada Malaysia di hari muka.' Dan berbalik kepada rasa kekeciwaan saya sendiri dapat saya lahirkan dalam perbualan-perbualan kecil saya dengan Zakaria Ahmad. Kerana saya mempunyai sebab-sebab yang

sama, pendapat dan pandangan yang sama dengan golongan yang tidak 'secocok' dengan polisi Tengku ketika itu iaitu ketika Tengku menjadi Perdana Menteri. Sanjungan saya terhadap Tun makin lantang dan kunjungan ke bilik Zakaria makin kerap saya lakukan.

Ketaatan dan menghormati pemimpin adalah tradisi orang Melayu turun temurun yang ditambah dengan cara susun lapis masyarakat yang masih lagi berakar umbi hingga ke saat ini. Kalau adapun golongan Hang Jebat di dalam UMNO ketika itu atau 'Young Turk' bilangannya terlalu kecil, dalam seribu ada satu, terlalu 'negligible' untuk menjadi perhitungan. Justeru kerana itu, walaupun perasaan tidak puas hati kepada kepimpinan Tengku Abdul Rahman itu begitu meluas, ia habis begitu sahaja, lenyap ditelan bayu, hilang laksana debu. Tidak ada ahli UMNO dari atas sampai bawah yang sanggup buat kenyataan yang kritis terhadap Tengku, jauh sekali untuk berhadapan dengan Tengku sendiri mengatakan sikap tidak setujunya kecuali Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar yang menunjukkan sikap penentangannya dengan meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agong UMNO kerana bantahan beliau di atas keputusan penyingkiran Singapura dari Malaysia iaitu satu isu yang begitu hangat di perkatakan ketika itu.

Kerana Tengku itu anak Raja, mempunyai darah kebangsawanan dan 'educated', kepimpinannya sukar dicabar dan hinggakan Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri walaupun secara 'private' dikatakan tidak ber-setuju dengan Tengku tetapi beliau sendiri tidak berani berterus terang untuk menyatakan pendiriannya sendiri. Lagipun ketika Tengku menjadi Presiden UMNO belum ada lagi watak Sulaiman Palastine seperti sekarang ini. Kebanyakkan kerana mahu menjaga kedu-

dukan masing-masing, tidak ada pemimpin UMNO yang berani menunjukkan laki-lakinya menyanggah Tengku hinggakan tindakan Tengku mengambil daya usaha (atas dasar kemanusiaannya yang melimpah-limpah untuk mendapatkan pengampunan dari Sultan Johor mengenai 11 orang China yang telah dijatuhkan hukuman gantung kerana aktiviti subversive tidak ada siapa yang berani menegur dan sebaliknya Tengku dapat sokongan kuat dari komponen parti perikatan yang lain terutamanya M.C.A dan M.I.C.

KEPUTUSAN PILIHANRAYA 1969

Pengumuman keputusan pilihanraya 1969 (awal bulan Mei, 1969), jelas menunjukkan kekalahan teruk calon-calon UMNO. Diantara yang kalah itu termasuklah Encik Senu Abdul Rahman (kini Dato) ditangan parti lawan.

Di sana sini undi-undi calon UMNO begitu merosot. Maka sudah menjadi lumrah apabila dalam setiap kekalahan, maka suara-suara salah menyalah, tuduh menuduh, kata mengata sudah menjadi perkara biasa dan rasa tidak puas hati terhadap Tengku seperti api dalam sekam, retak menanti belah. Sudah ada yang berani bercakap pada mulanya dari belakang-belakang sahaja supaya Tengku meletakkan jawatan untuk digantikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak timbalannya atau UMNO dan Perikatannya akan terguling atau hanyut terdampar di batu karang terguling dari pemerintahan negara.

PANGGILAN TELEFON KEPADA TENGGU

Kekalahan teruk calon-calon UMNO dalam pilihan raya bulan Mei itu telah menjadi bahan perbualan hangat 'talk of the town.' Di mana-mana juga dari peringkat cawangan-cawangan hingga ke bahagian-bahagian telah timbul salah menyalahkan, tuduh menuduh antara satu pihak kepada pihak yang lain.

'Post-mortem' yang tidak diresmikan telah dilaksanakan. Spekulasi masa depan UMNO dianalisa. Apakah UMNO boleh terus berkuasa jika corak kepimpinan yang ada tidak ditukar ganti? Apakah UMNO akan digulingkan dan tidak akan bangkit kembali? Apakah sudah sampai masa untuk tentera mengambil alih sebagai satu alternatif mengekalkan kuasa bumiputra. Berbagai-bagai andaian dan tanggapan diperdebatkan, dipertikaikan dan dibahaskan tanpa sebarang kepastian dengan tidak putus-putus.

Ketegangan dalam parti begitu meruncing terutama di dalam UMNO sendiri dan memang resam manusia dan lumrah alam jika dalam peperangan, misalnya yang kalah maka generallah yang dipertanggungjawabkan. Dalam politik, pemimpin parti dipertanggungjawabkan jika parti itu menemui kekalahan dalam

pilihanraya. Dengan lain perkataan, Tengku Perdana Menteri menjadi tumpuan dan sasaran yang disalahkan.

“Jentera pilihanraya parti tidak berkesan, tidak betul tidak jelas, dasar parti tidak tegas, tidak meyakinkan rakyat lagi atau rakyat yang telah tidak yakin lagi kepada parti.” Inilah persoalan-persoalan yang hebat diperbahaskan dan dipertikaikan sesudah pilihanraya.

Tengku telah dituduh oleh setengah kalangan ahli UMNO sebagai terlalu banyak bercakap “tidak apa”, terlalu ‘flexible’ dalam beberapa isu yang dianggap jadi prinsip parti, prinsip negara, yang melibatkan kepentingan parti, kepentingan negara.

Dalam saat-saat begini, saya juga turut jadi begitu ‘emotional’ seolah-olah saya turut merasa begitu kesal dari kesan kekalahan calon-calon Melayu dalam UMNO. Setiap pagi dari tarikh pengumuman undi pilihanraya itu, saya selalu sahaja berada di bilik Zakaria Ahmad, Setiausaha Sulit Allahyarham Tun Abdul Razak.

Bagi saya UMNO adalah merupakan sebuah parti ‘nationalist’ yang sesuai dengan jiwa ‘nationalist’ saya walaupun terdapat perkara-perkara yang menjadi tentangan saya terutamanya tentang sikap beberapa orang pemimpin individu yang menyalah gunakan kuasa tetapi itu tidak menjadi satu bahan yang mesti saya tentang UMNO secara habis-habisan. Sebagaimana juga kita dalam menganut ugama Islam. Apabila penganut ugama itu mundur, tidak bererti ugama Islam yang mundur tapi penganut itu sendiri yang mundur dan tidak mahu maju dan tidak bersatu padu.

Kalau difikirkan, kenapa saya begitu beria-ia sangat kesal atas kekalahan UMNO itu padahal bukan saya yang hendak jadi menteri, bukan saya yang hendak jadi ahli Parlimen dan bukan saya yang mahu jadi pemimpin. Kenapa tidak orang-orang UMNO tulin yang benar-benar berjuang, berterus terang kepada Tengku supaya Tengku mengosongkan jawatan Presiden UMNO untuk digantikan oleh Tun Razak.

UMNO sebagai tulang belakang kerajaan yang memerintah, apa juga dasar UMNO, ia tetap melibatkan bukan saja ahli UMNO tetapi juga yang bukan ahli UMNO iaitu Bangsa Melayu kerana UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO. UMNO bukan kepunyaan mana-mana kumpulan, puak ataupun kaum keluarga walaupun terdapat pola-pola 'nepotism' dalam beberapa segi tindak tandok pemilihan, untuk menjadi calon dan menjadi pemimpin atau sebagainya. Ini adalah satu perkara yang tak dapat dielakkan dan berlaku di mana-mana sahaja.

Tindak tandok Tengku dalam isu Singapura keluar dari Malaysia misalnya, bukan melibatkan UMNO sahaja bahkan melibatkan orang Melayu Singapura khususnya dan melibatkan seluruh masa depan bangsa dan negara Malaysia sendiri.

Sejarah akan membuktikan kesangsian rakyat terhadap isu pemisahan Singapura ini. Dengan itu seandainya UMNO digulingkan oleh parti pembangkang, maka kesannya bukan saja dirasakan oleh UMNO sebagai partinya tetapi dirasakan juga oleh bangsa Melayu yang masih beranggapan UMNO adalah Melayu dan Melayu itu UMNO. UMNO sebagai pengkalan dan kubu yang

kukuh tempat berlindung bangsa yang berdaulat, anak cucu keturunan di masa muka.

Sejarah akan membuktikan lagi bahawa segala ke-sangsian rakyat terhadap inisiatif Tengku menendang keluar Singapura akan lahir dan terserlah dan sekiranya UMNO itu digulingkan, bukan sahaja ia akan meninggalkan kesan yang buruk kepada parti yang mendukung ideologi-ideologi bangsa dan nasionalisma Melayu yang berteraskan Melayu tetapi juga ia akan melibatkan masa depan keseluruhan orang Melayu kerana UMNO sudah merupakan sebahagian dari kebudayaan bangsa dan negara Malaysia sendiri.

PANGGILAN TELEFON DARI PETALING JAYA

Kalau tidak salah saya pagi 9hb. Mei, 1969, jam lebih kurang 10.00 pagi seperti selalunya saya berada di pejabat Zakaria Ahmad di Jalan Dato Onn. Ada dua orang lain di bilik beliau tetapi segera meninggalkan bilik itu sebaik-baik sahaja saya masuk sambil mengucapkan "Good Morning" kepada Zek (panggilan ringkas untuk Zakaria).

Setelah beberapa ketika berucap "itu, ini" saya pun mencelah,

"Zek, orang-orang UMNO di atas tu cakap sahaja berdegar-degar. Kalau dah tak setuju dengan Tengku, apa guna cakap belakang-belakang. Buat rombongan, jumpa Tengku dan cakap terus terang. Habis perkara."

"Siapa muka berani cakap dengan Tengku," cemuh Zakaria.

"Tulis surat saja, tak berani juga," balas saya.

"Depa semua mana ada telur!" keluh Zakaria.

"Kalau dah kerana bangsa, kerana parti takut, biar

saja, ikut saja. I bimbang, Tun tak sempat jadi Perdana Menteri. Segala urusan Negara, dia buat. Tengok rambut di kepala Tun tu berapa helai yang tertinggal lagi," saya terus membebel.

Asap berkepul-kepul dari rokok yang sedang saya dan Zek hisap. Saya bukanlah perokok, tetapi rokok 'free' 3 bungkus seharipun habis. Bilik itu kesepian kerana saya dan Zek masing-masing merenung ke siling - memikirkan sesuatu.

Seketika kemudian, sambil menenych puntong rokok Rothman, saya lalu berkata, memecah kesepian perbualan kami yang terhenti itu.

"Kenapa dia orang tidak telefon Tengku sahaja kalau tak berani tentang mata Tengku?"

"Eh you! Siapa berani nak telefon!" Zakaria menjawab dengan ketawa yang dibuat-buat.

"Allah, apa nak takutkan. Kalau you benar, I pun berani telefon."

"Gila! You nak cakap apa?" tanya Zek.

"Kita reka sama-sama apa point mustahak nak cakap. Tapi.....you ada nombor telefon Tengku?"

Agaknya Zek merasa yakin dengan cadangan saya, lalu ia berkata,

"Nanti I tengok dalam dairi ni." Zakaria mengeluarkan sebuah dairi warna kelabu asap dari saku baju ke mejanya. Setelah menyelak-nyelak muka kertas dairinya. "Hah, ini dia. You salin," katanya.

Saya mengambil kertas yang tak terpakai di meja Zek lalu mencatatkan nombor telefon rumah kediaman Tengku di Residensi.

"Heh, apa I nak cakap dengan Tengku, Zek?"

"You karang. Baca I dengar. Hai, Penolong Penga-

rah Filem tak kan tak pandai karang!" ujar Zek lagi.

Zek bangun pergi mengunci bilik itu.

Saya mengambil sekeping kertas 'full-scrap' dari meja Zakaria Ahmad, lalu mengambil 'ball-pen' saya dan menulis beberapa baris isi kata yang akan digunakan untuk berbicara dengan Tengku Abdul Rahman melalui telefon. Sesudah saya menulis, saya pun berkata,

'O.K. Zek, cuba you dengar I baca.'

Zek yang ketika itu sedang mencatatkan sesuatu, memandang tepat ke muka saya.

Setelah habis saya membaca, Zek berkata,

"O.K. I As you wish it Zul."

Sebelum bangun dan meninggalkan bilik Zakaria Ahmad, saya mengulangi menyebut kembali nombor telefon Resideni, tempat kediaman resmi Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman yang diberikan kepada saya oleh Zakaria untuk menentukan bahawa nombor telefon itu tidak salah.

Saya balik ke pejabat FAMA di Bangunan Bangkok Bank, Jalan Bandar. Saya balik ke rumah untuk makan tengahari dan balik semula ke pejabat. Saya pulang ke rumah seperti biasa, jam 5 petang itu.

Selepas sembahyang Asar, saya mengulang-ulangkan "dailog" yang hendak digunakan, dailog yang telah saya salin itu didalam bilik tanpa didengari dan diketahui oleh sesiapaupun secara senyap-senyap.

Jam 6 petang, Said yang saya sangka jiran saya (selepas saya dibebaskan baru saya tahu dia adalah orang Bukit Aman) datang ke rumah saya seperti yang selalu dilakukannya.

Said ini (saya tidak tahu namanya ini betul atau tidak) baru saja pindah bersama keluarganya ke rumah 'terrace' sebelah kanan rumah saya di Happy Garden itu.

Dia memberitahu saya bahawa ia bertugas sebagai pengurus ladang getah di Kajang. Saya percaya sebab selalu saya lihat ada beberapa orang pekerja India datang ke rumahnya untuk sesuatu hal. Dan Said pun memang bertokoh sebagai seorang pengurus ladang dan rupanya pun seperti mamak dan fasih bertutur dalam bahasa Tamil.

Sejak dia berkenalan dengan saya selalu dia datang ke rumah bersama-sama isterinya. Kadang-kadang isterinya menghantar masakan atau kueh ke rumah saya. Semakin hari semakin rapat perhubungan dan persahabatan mereka dengan kami.

Sekali-sekala Said juga mengikut saya pergi 'out-station' untuk melaksanakan tugas-tugas resmi saya di tempat-tempat tersebut.

Dan Said selalu menunjukkan simpatinya yang begitu mendalam terhadap pandangan politik saya dan sikap saya yang tidak senang terhadap polisi Tengku Abdul Rahman.

Saya membocorkan rancangan hendak menalipun Tengku itu kepada Said pada malam itu. Ia begitu ghairah mahu turut serta dan menemani saya pada malam itu. Saya benarkan.

Lebih kurang jam 7.30 malam, kami meninggalkan rumah dengan kereta saya menuju ke sebuah banglow di Jalan Gasing, Petaling Jaya. Rancangan itu tidak



YTM Tengku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Malaysia. Di sebalik sifat tolak ansur yang kadangkala tidak disenangi, beliau jujur, ikhlas dan sedia memaafkan kesalahan orang lain.

saya beri tahu kepada isteri dan anak-anak saya. Setengah jam perjalanan kamipun sampai ke perkarangan rumah yang hendak ditujui.

Rumah itu kepunyaan seorang kenalan kami H.M. Buyong yang sedang mencari penghuni yang hendak menyewa rumah tersebut. Tidak pula saya ketahui kenapa pintu rumah banglow itu tidak dikunci dan tidak dijaga. Sebelum malam itupun saya pernah datang ke situ beberapa kali untuk menggunakan telefon.

Saya masuk ke dalam, memetik suis lampu dewan besar. Said ikut dari belakang sampai ke ruangan di mana telefon itu berada. Saya menarik nafas panjang untuk menenangkan fikiran yang agak kelam kabut. Maklumlah orang yang hendak saya 'contact' itu ialah Perdana Menteri Malaysia 'Master of the country', No. 1 Boss.

Tatkala itu fikiran saya memang kacau dan debaran degup jantung seolah-olah dapat didengar dari luar tubuh. Saya keluarkan kertas yang sudah berkedut-kedut itu untuk mengingati nombor telefon Residensi dan kertas yang mengandungi dailog yang hendak ditutur kepada Tengku. Saya dail nombor Residensi tetapi pada nombor terakhirnya saya letak kembali gagang telefon. Saya sungguh merasa was-was samada mahu meneruskan atau membatalkan niat menalipun Tengku.

Seolah-olah satu perasaan yang datang melalui proses telepati bahawa perbuatan saya itu akan memberikan akibat yang sangat buruk, yang melibatkan seluruh situasi hidup saya, keluarga, isteri dan anak-anak saya iaitu perpisahan.

Di saat itu wajah Zakaria Ahmad terbayang di ruang mata seolah-olah mengejek saya kerana tidak berani melaksanakan 'mission impossible' menjadi 'mission possible'. Seolah-olah Zakaria berada di depan saya mempersendakan saya sebagai penakut dan pengecut. Baru telefon sudah takut, kalau pergi perang bagaimana? Apa salahnya telefon. Bukan Tengku tahu siapa yang telefon.

Begitulah, seolah-olah terngiang-ngiang di telinga saya akan percakapan Zakaria. Kalau tidak silap saya 3 kali saya angkat, letak gagang telefon itu. Telefon yang telah meruntuhkan rumah tangga saya dan memisahkan anak-anak saya dan saya menjadi korban yang belum lagi terbukti hasilnya. Walaupun begitu tidak lama daripada peristiwa menalipun itu tekanan kepada Tengku untuk meletakkan jawatan semakin kuat hingga beliau akhirnya meletakkan jawatan untuk diganti oleh Tun Razak.

Akhirnya pada kali ke 4, saya baca "Bismilillahirrahmanirrahim" saya dail nombor telefon Resideni yang diberi oleh Zakaria kepada saya. Saya pegang gagang telefon itu sekuat-kuatnya. Kedengaran bunyi ber...ber...ber...ber... Degup jantung saya semakin kuat, cepat seperti bunyi detik jam besar di dinding masjid di Petaling Jaya itu.

Malam yang dingin itu menjadi begitu panas rasanya. Peluh memercik halus berbintik membasahi di kening dan di dahi saya. Sambil menunggu jawapan dari Resideni itu, saya memandang ke arah Said yang sedang berdiri dan memandang saya dengan tenang. Tidak kelihatan suatu tanda takut di wajahnya.

"Hallo," tiba-tiba suatu suara terdengar dari dalam telefon itu.

“Itu Resideni ke?”

“Ya. Ini Resideni.”

Saya tahu yang menjawab itu bukan Tengku. Tentu ADCnya atau Setiausaha Peribadinya.

“Siapa tu?” suara dari Resideni bertanya.

Saya tidak menjawab tapi terus bertanya lagi,

“Tengku ada?”

“Siapa tu?” lagi pertanyaan dari Resideni.

“Ini dari UMNO Singapura. Tengku ada tak?” tanya saya lagi. Di saat itu juga saya menyedari, jikalau saya berkata benar bahawa yang bercakap ini Zulkifli, sudah tentu yang menjawab di Resideni itu meletakkan telefon kembali. Jadi mahu tak mahu saya jawab,

“Ha. Ini Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura. Hendak bercakap dengan Tengku Perdana Menteri. Ada soal yang sangat penting.”

“Nanti. Nanti Encik, saya beritahu Tengku. Ia ada di atas.”

Saya kira yang berkata dengan saya tentulah ADC atau Setiausaha Peribadi Tengku sendiri. Semasa dia pergi memberitahu Tengku, saya memegang kertas yang bertulis dialog yang diresitui oleh Zakaria Ahmad untuk dituturkan kepada Tengku Perdana Menteri sekali lagi.

Gagang telefon itu saya lekapkan ke telinga sebelah kanan. Di saat itu saya dengar tapak kaki orang berjalan semakin kuat menuju ke tempat telefon di Resideni. Kemudian saya mendengar gagang telefon di Resideni itu diangkat orang. Makin kuat gagang telefon itu saya lekapkan ke telinga saya. Tiba-tiba saya dengar,

‘Hallo,’ dari sebelah pihak Resideni. Suara yang sangat familiar didengar oleh saya bahkan oleh seluruh

rakyat Malaysia. Itulah suara Tengku Abdul Rahman Al-Haj, Perdana Menteri.

Saya mengenyitkan mata kepada Said yang berdiri tidak jauh dari tempat saya itu sebagai syarat mengatakan Tengku yang sedang bercakap dengan saya.

Kata-kata aluan "Hallo" dari Tengku itu saya jawab, "Hallo, Good Evening Tengku." Saya cuba, semungkin yang boleh untuk bercakap penuh hormat dan penuh tenang kepada Tengku.

Tengku membalas balik, "Good Evening," dan meneruskan perbualan itu dengan berkata dalam bahasa Inggeris.

"Sorry Tengku. I hope I do not disturb you at this hour."

"It is all right. Who are you?" tanya Tengku lagi.

Terus saya menjawab kembali, "I'm one of UMNO supporters in Kuala Lumpur and my friend and i feel strongly concern of the UMNO's set-back in the recent election. We mean, the defeat of so many of UMNO leaders in the election."

Mungkin sekali kerana Tengku tidak menduga itu rupanya perbualan saya kepadanya, maka buat seketika terdapat kesepian, sunyi sepi. Tanpa komen dari Tengku. Saya meneruskan lagi perbualan itu dengan berkata, "We feel that in view of this set-back, it is high time that you should give-up your position in the UMNO leadership and your premiership and give others the chance to run the party and the country. We feel that you should be grand adviser to the Alliance." Saya berkata pantas dan kegugupan kerana mahu menghabiskan semua dialog. Jangan ada yang ketinggalan dan kecaciran.

Belumpun sempat saya meneruskan satu 'paragraph' yang terakhir dari apa yang tertulis di kertas yang begitu usang yang berpuluh kali telah saya baca dialognya, tiba-tiba Tengku berkata,

"Who are you to tell me this? Are you from Kedah? Are you the follower of those who are against me?" suara Tengku kedengaran begitu meninggi.

Saya jawab, "No, no, no, Tengku. I'm a Malay. I'm a nationalist, who supports UMNO's ideology. I'm just ordinary UMNO member in Kuala Lumpur. Nobody ask me to tell you this, Tengku."

Tengku membalas kembali, "But you must tell me who you are, otherwise it is useless to talk to you."

Seketika itu juga Tengku menghempaskan gagang telefon dengan kuat. Sebentar itu juga saya meletakkan kembali 'receiver' itu ketempatnya. Saya mengeluh panjang. Terasa juga perasaan 'embarrassment'. Terasa juga 'guilty-conscious' di atas perbuatan saya tadi. 'Mission Impossible' yang sudah dilaksanakan. Tanggung jawab yang telah disempurnakan. Cabaran yang telah ditunaikan.

Saya bergegas berjalan meninggalkan ruang rumah itu, diikuti oleh Said yang hanya memandang dengan penuh ketenangan. Dalam perjalanan pulang, saya dan Said tidak berkata apa-apa. Masing-masing mengelamun dengan bermacam-macam fikiran dalam otak. Saya juga memikirkan apakah akibat dari perbualan saya itu dan apakah kesannya kepada Tengku yang saya duga seumur hidupnya belum pernah sesiapaupun yang mencabar beliau baik orang sihat ataupun orang gila.

Biar apapun yang terjadi, bagi saya ialah saya telah membuktikan kepada Zek dan kepada semua mereka yang seperti Zakaria Ahmad kata "tidak bertelur," bahawa masih ada lagi seorang yang tidak punya apa-apa kepentinganpun untuk memuntahkan perasaan hatinya dan perasaan manusia yang sepertinya kepada Tengku, walaupun dengan menggunakan cara yang berlainan.

Apa yang pentingnya ialah 'message' itu telah disampaikan kepada Tengku terus menerus tanpa sebarang orang tengah atau sebarang perantaraan.

Ya. Di kala itu masih ada orang yang menganggap perbuatan saya itu gila 'eccentric' dan sebagainya, tetapi mereka yang dikatakan siuman itu sentiasa mengutuk, menyerang Tengku dari belakang sambil senyum dan ketawa yang dipaksa-paksa bila bertemu dan bermesra dengan Tengku. Orang inilah yang mengharapkan dapat sesuatu ganjaran dari keringat dan pengorbanan orang lain. Biarlah orang lain dikorbankan asal mereka itu mencapai segala cita-citanya dan kebendaan yang diburunya. Apa yang berlaku pada hari ini ialah orang yang sanggup menyatakan pendapatnya secara terus terang, memberikan pandangannya yang membangun itu telah dianggap sebagai musuh yang mesti dimusnahkan. Tapi orang yang sanggup mengyakan saja segala perbuatan pemimpin biarpun perbuatan pemimpin itu akan memusnahkan bangsa dan negara maka orang itulah yang diberikan segala-gala ganjaran, gelaran dan jawatan.

Sebagai contoh: Inilah akibatnya yang telah menimpa Allahyarham YAB Tun Abdul Razak yang telah memberi kepercayaan, kasih sayang dan layanan istimewa kepada tiga Abdul pada zamannya. Tiga Abdul yang

telah merosakkan kepercayaan bangsa dan negara. Dalam mengelamun begitu tidak saya sedari, saya telah sampai ke rumah di Happy Garden. Setelah memasukkan kereta ke dalam pagar, Said pulang ke rumahnya.

Saya mengetuk pintu yang kemudian di buka oleh bekas isteri saya. kepadanya tidak saya ceritakan apa yang berlaku. Setelah sembahyang Isyak, saya masuk ke kamar untuk tidur. Tidur yang tidak diganggu oleh sebarang mimpi sehingga pagi.

Jam 8 pagi keesokan harinya, saya telah berada di bilik pejabat FAMA di Bangkok Bank. Tiba-tiba ring.... ring.....ring.... Telefon di atas meja saya berbunyi.

"Siapa pula pagi-pagi buta sudah menalipun," fikir saya sambil mengangkat gagang.

"Hallo."

Lantas, "Hei Zull" tiba-tiba suara Zakaria yang biasa saya dengar itu. "You betulah. You telefon Tengku semalam."

Walaupun suara dan nada Zakaria itu menekan, tetapi saya dapat menyelami rasa lega, bangga dan puas hati kerana ia tidak menduga saya begitu serius untuk melaksanakan suatu tugas yang tidak ada sesiapaupun yang sanggup melakukannya dalam cara dan bentuk apa sekalipun.

"You datang sekarang ke pejabat I," perintah Zakaria.

Setelah memberitahu Ketua Kerani, saya turun

melalui lif, berjalan kaki pergi menuju ke tempat saya menyimpan kereta dan terus pergi ke Jalan Dato Onn, pejabat Zakaria Ahmad. Tidak ada seorangpun berada dalam biliknya pagi itu.

"Once is enough," kata Zakaria memberitahu. Ia meminta saya tidak menalipun Tengku lagi. 'Cukuplah sekali itu kerana orang tua itu tentu sedar.'" Saya tidak berkata apa-apa sambil mengambil sebatang rokok dari meja Zakaria dan menghisapnya. Menghembus asap berkali-kali.

Tiga hari selepas itu tercetuslah satu peristiwa dari perbuatan menunjuk kekuatan oleh parti pembangkang yang merasakan begitu berjaya dalam pilihanraya yang baru selesai. Mereka merasa begitu sombong dan besar hati kerana mendapat kerusi yang bertambah tetapi peristiwa yang berdarah itu telah memberi kesedaran kepada kedua pihak bahawa apabila sampai ketikanya orang Melayu mendapati tembok di belakang mereka, maka tindakan 'offensive' mereka akan tidak dapat dikawal dan dilupai oleh sesiapaupun. Kerana peristiwa itulah menambahkan usaha kerajaan untuk melipat gandakan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi untuk memberi perseimbangan ekonomi antara kaum-kaum sebagai satu cara mengelakkan rasa tidak puas hati antara satu kaum dengan satu kaum yang lain hingga perlu berlaku peristiwa yang berdarah lagi.

Sebenarnya pada petang berlakunya peristiwa itu, saya dengan beberapa orang teman telah terperangkap di rumah Datuk Harun bekas Menteri Besar Selangor. Ribuan manusia berhimpun di situ. Kebanyakannya adalah terdiri daripada ahli-ahli UMNO. Diantara mereka yang saya lihat berada di sana ialah Datuk Sharif Ahmad dan Raja Nong Chik.

Manakala di luar pagar rumah bekas Menteri Besar itu, di sepanjang jalan kelihatan di sana sini bangkai kenderaan yang sedang terbakar dan mayat-mayat bergelimpangan tidak dapat dikenali lagi. Encik Mansor Mohd. Noor O.C.P.D. trafik Kuala Lumpur (kini Dato), sedang berkerja keras ke sana ke mari dengan 'radio-car'nya untuk memberi bantuan cemas kepada orang-orang yang sedang terperangkap di kawasan bahaya.

Sempat juga saya menemui Encik Mansor dan meminta beliau menghantar saya ke balai polis dengan harapan saya akan dapat dihantar ke rumah dengan kawalan. Lewat petang 13 Mei, Encik Mansor menghantar saya ke balai polis High Street dan di sana saya bertemu dengan seorang pegawai polis (pegawai keselamatan Allahyarham Tun Abdul Razak) Tun ketika itu sedang diberi taklimat di balai polis itu atas keadaan peristiwa perkembangan terakhir pada hari itu.

Dari sini pegawai polis itu mengarahkan van polis mengiring Tun pulang ke Sri Taman dan dari sana saya dapat menumpang dengan diiringi oleh beberapa orang polis bangsa Sik pulang ke rumah saya di Happy Garden, Jalan Kelang Lama.

Setelah sampai ke rumah, hari sudah subuh tetapi bekas isteri saya masih belum tidur. Berjaga menunggu kepulangan saya. Dan beberapa hari selepas kejadian itu, banyak pejabat yang masih belum dibuka dan saya cuma berihat sahaja di rumah untuk menunggu hari kembali bertugas di pejabat FAMA.

Selepas dua minggu, keadaan agak pulih seperti biasa. Satu operasi pembersihan jalanraya dari bangkai-

bangkai kenderaan dan mangsa-mangsa yang terbunuh telah dilancarkan. Pejabat-pejabat kerajaan telah di buka seperti biasa.

Minggu ke tiganya, dengan tidak diduga satu tawaran telah disampaikan kepada saya oleh Encik Aziz Yasin, Timbalan Pengerusi FAMA. Tawaran daripada Kedutaan German Barat untuk saya menghadiri satu kursus lanjutan untuk mendapatkan diploma Kewartawanan di International Institut of Journalism, Berlin Barat.

Saya juga diberitahu bahawa saudara Subki Latiff yang ketika itu sedang bertugas sebagai Penolong Penyunting di Utusan Melayu akan berangkat bersama-sama saya ke Berlin.

Peristiwa menalipun Tengku lenyap buat sementara waktu. Jika pun hal itu dilaporkan kepada polis maka mereka juga perlu mengambil masa untuk mengesan orang-orang yang bertanggung jawab menalipun Tengku.

Pada penghujung bulan Julai 1969, saya dan Subki Latiff pun bertolak dari Lapangan Terbang Subang dengan dihantar oleh sanak saudara masing-masing.

Dalam masa 4 bulan di Berlin, kami sentiasa dapat mengikut perkembangan dan pergolakan politik tanah air melalui akhbar-akhbar Inggeris yang dikirimkan ke khutub khanah di Institut itu dari London.

Melalui akhbar-akhbar ini kami dapat tahu demonstrasi para pelajar universiti dan institut pengajian tinggi di Kuala Lumpur terhadap Tengku. Surat terbuka Dr. Mahathir (kini Dato Seri) kepada Tengku, kemudian dengan perkembangan Dr. Mahathir dipecat dari UMNO.

Surat terbuka Dr. Mahathir itu tersebar luas dikalangan mahasiswa-mahasiswa dan pelajar-pelajar yang berdemonstrasi itu. Kemudian diikuti pula dengan berita Datuk Musa Hitam pula dipecat dari jawatan Menteri Muda Pertahanan dan pelbagai perkembangan politik yang sedang memaparkan kedudukan UMNO ketika itu.

Apa yang dikatakan 'popular rise' ini dipelupuri oleh satu golongan yang digelar 'Young Turk' dalam UMNO dan 'Young Turk' ini mempunyai penyokong-penyokong yang terdiri dari kalangan mahasiswa-mahasiswa, pelajar-pelajar dan sebahagian besar para intelek yang merasakan kewibawaan kepimpinan Tengku sudah begitu menurun dan perlukan penggantian.

Setelah kursus tamat dan sesudah upacara penyampaian diploma selamat dijalankan, saya tidak terus balik. Sebaliknya saudara Subki Latiff terus melanjutkan perjalanannya ke Amerika Syarikat dari pemberian biasiswa oleh kedutaan Amerika di German. Saya pula bertolak ke negara-negara Scandinavia, di Eropah sebagai maksud 'study tour' (lawatan sambil belajar) yang dianjurkan oleh Kementerian Luar Negeri Malaysia.

Dalam lawatan ini saya telah diberi layanan sebagai tetamu kepada negara-negara yang saya lawati seperti Belanda, Denmark, Sweden, Thailand dan England (yang paling lama saya tinggal) dan melawat tempat-tempat pertanian yang mempunyai perkaitan dengan aktiviti-aktiviti FAMA.

Dalam perjalanan pulang dari Eropah dan England, saya singgah di Athen, Karachi dan Thailand. Saya sampai di Kuala Lumpur pada 11.10.1969, disambut

oleh anak dan isteri yang sekian lama menanti. Turut serta menyambut kepulangan saya ialah Said dan isterinya (jiran tetangga saya).

Sebagai seorang yang sangat mengasihi anak-anak dan cintakan isteri, rasa rindu dendam terhadap mereka tak dapat dilukiskan. Tidak dapat dituliskan dengan kalam. Tidak sabar rasanya saya menunggu walaupun di Lapangan Terbang itu. Menunggu 'clearance' tempat pemeriksaan kastam.

Malam itu dan malam-malam sehingga saya ditangkap pada siangnyanya merupakan satu bonus yang lumayan dan sukar untuk dilupakan. Selama tujuh malam sebelum saya ditangkap di bawah kuat kuasa ISA, merupakan malam membuang tabiat. Tujuh malam melepaskan rindu dendam terhadap anak-anak. Tujuh malam berbulan madu yang sungguh hebat dan rancak. Tujuh malam melepaskan dahaga dan lapar yang tidak dapat di 'video-tape' kan. Tetapi 'video tape' itu sehingga hari ini masih lagi saya putar-putarkan dalam imaginasi dan ingatan yang pada saya merupakan 'carbon copy' dari sebuah filem. Pada ketika-ketika yang tertentu saya putarkannya kembali. Tujuh malam yang paling istimewa dan bersejarah. Manis, padat, penuh dengan nikmat penuh dengan aksi dan reaksi, tolak ansur dan tolak ke dasar yang mampu, ke dasar yang paling jauh oleh dua insan yang cinta menyintai, yang penuh kasih sayang, yang penuh pengalaman setelah hampir 12 tahun mendirikan rumah tangga.



Dato Seri Dr. Mahathir, bakal Perdana Menteri yang suatu masa dahulu bekerjasama dengan para pelajar. Setelah berkuasa, beliau tidak lagi perlukan kerjasama itu lagi. Ini jelas dengan lahirnya Akta Kolej Universiti.

HARI DITAHAN

Hari yang nahas itu ialah hari Sabtu, 18.10.1969. Setelah bersarapan pagi, saya mencium anak-anak dan isteri. Saya menaiki kereta meninggalkan rumah di Happy Garden untuk pergi ke pejabat saya di Bangunan Bangkok Bank. Lebih kurang jam 10.30 pagi waktu minum di pejabat, Mohd Nor (suami Dasimah adik bekas isteri saya daripada ibu yang lain) datang bertemu saya di pejabat. Dia sedang berkempen menjual kereta Colt Gallant. Mohd Nor ini adalah 'salesman'. Pada Mohd Nor saya katakan bahawa saya tidak keberatan untuk 'trade in' kereta Opel saya yang lama itu dengan 'Colt Gallant' jika isteri saya bersetuju.

Lantas saya mencadangkan dia bersama saya pergi 'test-drive' kereta Colt Gallant warna 'beach' itu ke rumah saya, untuk bertemu dengan isteri saya. Bekas isteri saya melihat kereta itu dan mengatakan tidak ada apa-apa halangan untuk saya menukarkan kereta itu dari dasar kami dapat menjimatkan belanja membeli petrol.

Keputusan muktamad membeli kereta itu ditetapkan pada hari Isnin. Hari Sabtu itu kakitangan pejabat, bertugas setengah hari. Namun hari itu saya meninggal-

kan pejabat terkemudian sekali dari 'staff-staff' yang lain.

Pukul 1.15 tengahari saya turun dari pejabat menaiki lif kemudian menyusul deretan kedai-kedai di Jalan Bandar itu dan kemudian membelok ke kiri melampui Bangunan Straits Trading Building. Saya berada bertentangan dengan bangunan tersebut apabila seorang Melayu, tegap, sasa seperti hero 'Hawaii Five O' datang menuju sambil bertanya, "Encik Zulkifli Ahmad?"

"Ya," jawab saya. "Saya Zulkifli Ahmad."

Dia bertanya lagi. "Dulu Encik tinggal di Singapura bukan?"

"Ya. Ya. Saya tinggal di Singapura dulu," balas saya.

Sesudah memastikan sayalah orangnya yang mereka kehendaki, dia memberi isyarat kepada dua orang rakannya yang ketika itu sedang berada di dalam kereta di seberang jalan sana. Merekapun datang menyeberangi jalan sebelah sini di mana saya berada dan memberi isyarat supaya saya mengikut mereka. Yang mula-mula bertanya itu lantas berkata, "Boss saya ajak Encik makan tengahari bersamanya hari ini." Tidak sepeatahpun saya jawab.

Dengan separuh paksa saya ditolak ke dalam kereta, duduk di tengah-tengah di bahagian belakang kereta itu dihimpit oleh empat orang termasuk yang bertanya tadi dan tiga orang lagi rakan-rakannya di hadapan kereta di samping pemandu - seorang China. Kereta itu mula bergerak. Kedua saku seluar saya, pinggang, peha dirasa dan diraba. Mungkin untuk memastikan saya tidak membawa apa-apa senjata.

Lebih kurang lima minit kereta itu bergerak, ketika saya tenggelam dalam keraguan, apakah ini bermulanya tayangan larut malam di siang hari itu. Yang mula-mula bertanya kepada saya, yang saya agak ketua dari rakan-rakannya lantas mengatakan bahawa mereka adalah dari pihak yang berkuasa. Tidak sepele yang saya katakan. Mereka terus memandu kereta itu, membelok ke satu jalan yang sunyi dan kereta itu berhenti. Saya diperintahkan turun. Di sana kelihatan satu kenderaan yang besar berwarna hitam. Itulah 'Black Maria' fikir saya. Pintu 'Black Maria' itu dibuka oleh seorang petugas yang sedang berkawal. Saya diarahkan menaiki pintu belakang 'Black Maria' itu. Kemudian satu bilik kecil dalam 'Black Maria' itu dibuka di mana saya diperintah masuk ke dalam. Kemudian pintu bilik itu dikunci dari luar.

Tidak lama kemudian terasa 'Black Maria' itu bergerak. Dalam bilik itu saya merasa begitu panas sekali kerana tidak ada tingkap, kecuali ada lubang di bawahnya untuk jalan angin keluar. Saya dapati ada sebuah kerusi untuk duduk. Kerana begitu panas, terpaksa saya buka tali leher dan butang baju kemeja saya. Peloh menyimbah keluar dari seluruh badan saya. Itulah kali pertama saya mengalami menaiki 'Black Maria' yang begitu terkenal sebagai seolah-olah keranda. 'Black Maria' itu membelok ke kiri.

Bunyi bising kenderaan di luar sungguh lantang didengar. Bila 'Black Maria' itu membelok-belok dengan kuat, saya terpaksa memegang dinding kurungan itu supaya tidak terhantuk ke dinding itu. Syukur ke hadrat Allah S.W.T. Asas keimanan saya masih ujud dan masih kuat. Saya berastaghfar banyak-banyak dan menyebut nama Allah dan Rasul berkali-kali dan meminta pertolongannya. Ujian yang pertama kali saya tempuhi. Tidak lupa saya meminta Allah melindungi anak-anak

dan isteri saya di rumah yang tentunya masih tidak mengetahui kenapa saya lambat pulang sedangkan saya baru kembali dari seberang laut.

Akhirnya sampailah ke destinasi yang dituju. 'Black Maria' itu tiba-tiba berhenti. Kedengaran riuh rendah di luar. Orang sedang berkata-kata. Pintu kurungan dalam 'Black Maria' itu dibuka. Saya diperintah keluar dan turun ke bawah. Seorang yang pada bahunya tercalit tiga (sarjan) memberi isyarat supaya saya mengikutinya dengan diiringi belakang oleh dua orang polis yang bersenjata. Kami bergerak ke anjung sebuah rumah yang kelihatan seperti balai polis. Sampai di situ Sarjan itu berkata "Encik boleh masuk ke bilik ini dan tanggalkan semua pakaian. Kemudian pakai pakaian ini." Sambil menunjukkan sepasang uniform pada saya.

Saya akur sahaja. Maklumlah sudah menjadi orang yang ditahan yang ada pada mereka itu tidak harus diberi apa-apa layanan istimewa. Untuk menguatkan semangat, saya lantas berkata dalam hati. "Ah. Ini bukan masuk neraka. Aku masih hidup dan ini hanyalah dugaan. Kalau sudah ke Neraka nanti belum tahu siapa lagi yang akan masuk. Di Neraka tidak ada ISA, dan di Neraka tidak ada Kurungan Seorang Diri. Kesemuanya dihumban dan disiksa. Tahanan ini tidak punya apa-apa jika dibandingkan di Neraka nanti."

Saya bertelanjang bulat sebentar. Kemudian saya bersalin 'uniform' yang baru diberi itu iaitu seluar panjang putih yang tebal tanpa tali pinggang. Supaya seluar itu tidak terburai, saya simpulkan seperti menyimpul kain pelikat untuk dipakai. Baju serba putih, lengan panjang, leher terbuka, kaki ayam. Semua barang-barang yang lain seperti kad pengenalan, dompet dan kunci kereta diserahkan kepada Sarjan untuk

disimpan. Walau bagaimanapun, kunci kereta itu telah diambil oleh polis dan memberitahu saya bahawa kereta saya akan dihantar ke suatu tempat yang selamat untuk disimpan buat sementara waktu.

Sesudah bersalin, Sarjan mengarahkan saya mengikut dia diiringi oleh seorang polis yang lain melalui lorong-lorong kecil yang berbelok-belok. Jelas kelihatan bahawa sekitar kawasan itu memang kawasan larangan yang mempunyai pagar berduri tiga lapis. Sepanjang jalan melalui lorong itu tidak dapat saya melihat apa-apa kerana kiri kanannya ada dinding papan lebih kurang enam kaki tinggi menghalang pandangan orang yang menggunakan lorong itu.; Lebih kurang 10 minit di jalan, sampailah kesatu deretan rumah batu empat pintu. Ada seorang polis bersenjata mengawal di luar pintu.

Blok yang pertama dibuka oleh Sarjan tadi. Saya disuruh masuk, pintu bilik itu ditutup kembali dari luar. Keadaan blok itu sungguh menekan sekali. Temboknya sungguh tebal. Begitu juga dengan pintunya seperti pintu gua Nabi Allah Sulaiman.

Bilik itu merupakan bangunan lama. Mungkin dari zaman pemerintahan British dahulu. Sudah sampai ke peringkat ini saya masih lagi mempunyai asas keimanan yang kuat tetapi pertama kali mengalami keadaan yang sebegini, tentulah fikiran menjadi kacau, degup jantung yang makin kuat denyutannya menguasai diri saya. Seperti yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, "What is done cannot be undone," perkara yang sudah terjadi tak dapat ditarik kembali. Fikiran saya teringat pula kepada keadaan di rumah.

"Ya Allah, Ya Rabbi, Ya Tuhanku. Berilah aku petunjuk, kekuatan imanku. Ya Allah, berjanjilah. Kau akan melindungi anak-anakku yang tidak berdosa.

Lindungilah kehormatan isteriku. Kau ujilah aku. Aku akan bersabar. Ya Allah, Kau ujilah aku sekarang kerana aku hidup ini dan yang aku rasa ini adalah bayangan di AkhiratMu nanti. Ya Allah. Engkau ujilah aku supaya aku akan sedar atas kekuasaanMu dan Kau jauhi lah aku dari Api Neraka di Akhirat nanti. Ampunkanlah dosaku. Ya Allah. Ya Allah." Itulah yang saya ucapkan antara kedengaran dengan tidak.

Bilik itu dari segi luasnya berukuran 8 x 12 kaki, gelap tiada tingkap dan lubang angin hanya melalui jaring-jaring halus yang bertutup rapat di sudut bawah belakang kurungan itu. Di hadapan itu ada satu lubang kecil yang ditutup oleh cermin bulat yang membolehkan pengawal yang bertugas di luar sekali sekala menjengok ke dalam kalau-kalau ada penghuni yang mahu berbuat sesuatu atau membuat percubaan untuk membunuh diri.

Dalam bilik itu tidak ada katil kecuali sebuah pangkin yang dibuat dari batu. Tidak ada bantal, tidak ada udara yang bebas masuk ke dalam, tidak ada binatang yang merayap (yang sebenarnya saya tidak nampak kerana gelap). Saya buka baju dan melipat-lipatkan dan saya gunakan sebagai alas kepala untuk berbaring di atas pangkin batu itu.

Sebentar baring, sebentar bangun, sebentar saya duduk dan bersandar di tembok. Kemudian bangun berjalan selangkah demi selangkah seperti binatang liar yang baru ditangkap untuk dijinakkan. Di dalam zoo-pun masih boleh melihat ke luar melihat alam semula jadi.

Pada permulaan, 'environment' yang begitu, saya rasa memang ganjil, asing dan menyakitkan. Keluhan

demis keluhan. Dada saya semakin sebak. Saya semakin rancak berastaghfar.

Apa yang tidak dapat saya ketepikan ialah perasaan kebimbangan yang amat sangat pada anak-anak dan isteri saya. Tahukah mereka bahawa saya telah dicolek oleh pihak berkuasa dan tahukah mereka tentang hal ini? Inilah yang sentiasa mengganggu fikiran saya. Apa yang telah saya lakukan? Apakah dosa saya terhadap Tuhan atau apakah dosa saya terhadap manusia yang lain? Apakah orang-orang yang menahan saya ini semuanya terdiri daripada manusia yang maksum yang tidak berdosa maka mereka tidak harus ditahan seperti saya ditahan sekarang ataupun Tuhan sudah menyediakan Neraka untuk mereka di Akhirat kelak, sebagai satu hukuman yang tidak dapat dikenakan ke atas mereka di dunia ini?

Berbagai-bagai soalan yang tidak pernah saya fikirkan terngiang-ngiang di kepala saya. Malam saya lepaskan keletihan. Saya paksakan diri saya untuk tidur di atas pangkin batu itu. Tapi kerana hawa dalam bilik yang tidak bertingkap itu begitu panas sekali, tak mungkin saya dapat meletakkan mata. Di malam pertama saya ditahan, saya tidak dapat tidur. Walaupun saya mahu menunaikan sembahyang kerana itu senjata untuk saya menahan segala dugaan yang begitu kuat, tetapi tidak dibenarkan oleh pengawal di luar yang telah mendapat arahan supaya saya tidak boleh keluar dari kurungan itu. Dan selama 2 minggu saya di bilik kurungan, selama 2 minggulah saya tidak dapat menyempurnakan sembahyang lima waktu.

INTROGASI DIMALAM PERTAMA

Malam pertama, hari pertama saya ditahan, saya tidak pasti pukul berapa kerana saya tidak mempunyai jam. Kemungkinan subuh hari. Saya terdengar sayup-sayup kokokan ayam. Saya dikejutkan oleh pengawal yang kemudian membuka pintu kurungan. Dan saya dapat tahu, bilik kurungan saya sebelah menyebelah itu tidak ada penghuni. Saya di arahkan mengikut dua orang pengawal lain seolah-olah saya ini dianggap begitu bahaya maka saya digari untuk dibawa ke hadapan para penyoal yang mungkin suci dari dosa itu. Kalau tidak, masakan dilantik menjadi penyoal.

Dalam masa 10 minit berjalan di jalan yang berbelok-belok ke atas, saya dibawa ke sebuah bilik. Bilik kecil yang kekuatan hawa dinginnya menusuk sampai ke tulang hitam. Sudah disediakan sebuah kerusi. Saya disuruh duduk.

Diantara saya dengan penyoal itu ada sebuah meja kosong. Saya sedang melalui proses introgasi pertama. Mereka sedang melihat-lihat sesuatu di atas kertas-kertas seolah-olah Mungkar Nangkir yang sedang menyemak dosa pahala yang telah saya lakukan sewaktu hidup di atas dunia. Mungkar Nangkir yang sedang

menyoal simati yang baru di hidupkan kembali di dalam kubur.

Malam itu, seluruh persoalan bersifat politik (kegiatan politik saya dari A sampai Z). Lebih kurang 40 minit saya berada di bilik tersebut. (Waktu sampai di bilik itu, gari saya dibuka dan setelah habis introgasi itu, saya diarahkan supaya dihantar ke bilik tahanan tadi).

Demikianlah introgasi itu diadakan selang sehari. Soalan-soalan berlanjutan dari aktiviti saya semasa di Singapura sehinggalah peristiwa saya menalipun Tengku itu.

Masa berjalan terus hingga masuk ke minggu ke 2. Kegelisahan saya makin menjadi-jadi. Kegelisahan terhadap anak-anak dan isteri di rumah. Bagaimanakah mereka? Sudahkah mereka tahu selama saya 2 minggu ditahan? Dalam pada itu, saya cuba berbual-bual melalui lubang di pintu kurungan dengan setiap pengawal yang bertukar ganti berkawal di situ. Bolehlah saya katakan pengawal-pengawal itu, walaupun manusia yang tidak punya pangkat (rekrut sahaja) tapi nilai-nilai kemanusiaannya sungguh menyentuh hati. Kemanusiaan mereka amat saya rasai. Walaupun tidak dengan perkataan tetapi dari air muka mereka, mereka amat bersimpati dengan penanggungan saya. Dan tentulah mereka menjalankan tugas itu sekadar untuk mencari rezeki mengisi perut dan mungkin untuk membantu sanak saudara. Ada masanya, waktu-waktu saya minta keluar untuk ketandas untuk membuang air kecil, mereka tidak keberatan membuka pintu kurungan saya. Selepas 2 minggu, saya dibenarkan untuk keluar mengambil air sembahyang.

Keadaan tandas dan bilik mandi hanya untuk kegu-

naan seorang sahaja- tanpa pintu. Mandi dan buang air besar boleh dilihat oleh para pengawal kalau mereka mahu menontonnya.

Sesudah mandi, tanpa tuala, baju yang dialas untuk tidur itu digunakan juga untuk mengesat badan.

Saya dapat berbual-bual dengan pengawal dan seperti yang saya cakap, mereka ini adalah manusia yang 'simple' dan baik hati, yang tahu kesakitan dan perasaan insan yang lain. Apabila didengarnya bagaimana saya rindukan anak-anak dan sesudah tahu saya sebagai suami kepada seorang bintang filem, tergenang air mata di kelopak matanya. Mungkin dia juga punya anak dan isteri di rumah seperti saya. Cuma bezanya dia setiap hari selepas bertugas, dia berada dengan anak isterinya.

Bolehlah dikatakan selama dua minggu saya berada di bilik kurungan yang pertama itu saya mendapat sedikit kelegaan dari simpati yang ditunjukkan dengan 'impression' mereka itu. Diwaktu yang sama saya cuba juga merisik-risik jika ada diantara pengawal-pengawal yang baik hati itu boleh menyampaikan 'message' kepada keluarga di rumah tentang apa yang sebenarnya berlaku ke atas diri saya. Dengan izin Allah, pada minggu kedua saya berada di bilik tahanan itu, ada seorang pengawal (namanya saya tidak ingat) telah bersetuju untuk menyampaikan satu surat kecil kepada keluarga saya dirumah. Kertas dan pensil saya perolehi dari salah seorang pengawal yang lain.

Lebih kurang begini yang saya tulis:-

Isteri dan anak-anak yang kucintai,

Abang berada di dalam tahanan di Kuala Lumpur. Harap dapat berjumpa Tengku supaya abang dibicara-

kan, jika terdapat kesalahan. Jika tidak abang harus dibebaskan. Abang bukan seorang kominis tetapi seorang 'nationalist' yang sanggup mati kerana agama, bangsa dan negara. Bertindak jika kasihkan abang.

Suamimu yang merindu,
Zulkifli

'Message' itu saya simpan seminggu sebelum ianya dapat disampaikan kepada keluarga saya dirumah. Rupa-rupanya pengawal yang baik hati sebagaimana saya katakan itu telah berkorban dan terkorban kerana saya. Ia telah menempah risiko-risiko dalam niat mahu menolong saya.

"Message' itu sampai kepada isteri saya. Tiga hari selepas itu saya diberitahu supaya bersedia untuk bertemu dengan anak-anak dan isteri di Balai Polis High Street. Polis yang berjasa itu khabarnya telah ditukarkan ke satu kawasan pendalaman kerana bersimpati dengan saya.

JUMPA ISTERI DAN ANAK - ANAK

Kerana sangat ghairah mahu berjumpa famili, semalaman itu saya tidak dapat melelapkan mata. Kerana bilik itu 24 jam dikawal secara bergilir-gilir, setiap kali 'change of guard' saya dapat mengira masa .

Pagi yang ditunggu untuk saya menemui isteri dan anak-anak, pengawal membuka pintu 'cell' menyuruh saya mandi segera. Beberapa minit saja saya sudah selesai mandi. Kerana tidak ada tuala untuk mengeringkan badan saya, maka baju yang serba berguna itu, jadi tualanya, dan memakainya bagi menahan sejuk. Badan

saya yang basah itu segera kering kerana baju itu tebal dan panas.

Yang sebenarnya baju itu ditukar ganti hanya 3 kali seminggu. Cuci sendiri. Tanpa sabun, breeze, fab atau cap tiger. Baju itu hanya dipijak dan dilanyak dengan kaki sahaja, kerana 'fabric' itu keras seperti kanves yang digunakan oleh perajurit untuk membena kem di hutan.

Siap berpakaian saya didatangi oleh polis lain dan mengiringi saya ke pejabat tempat mula-mula saya melapurkan diri dulu. Di sana saya dibenarkan menukar pakaian dengan memakai pakaian yang saya pakai pada hari akhir saya ke pejabat FAMA dulu. Jam tangan diberi kembali untuk saya memakainya.

Setelah siap, 'Black Maria' yang akan membawa saya sudah berada di hadapan pejabat itu. Saya naik dan masuklah saya kedalam salah sebuah bilik dalam 'Black Maria' itu lalu dikunci dari luar. 'Black Maria' sudah menjadi biasa bagi saya kerana sejak ditahan sehingga saya dibebaskan sudah 20 atau lebih dari 30 kali saya menaikinya untuk pergi menemui anak-anak saya di High Street, 2 atau 3 minggu sekali. 'Black Maria' itu berhenti di suatu tempat yang berhampiran dengan tempat yang mula-mula saya diturunkan untuk dibawa ke tempat tahanan. Sampai di sana ada sebuah kereta 'Holden' hitam menanti. Saya dipindah ke kereta itu dengan diiringi oleh dua orang pegawai polis yang berpakaian 'freeman'. Seorang polis biasa bersenjata duduk di hadapan kereta itu. Kereta itu mula bergerak melalui Jalan Bandar membelok ke kiri berhampiran dengan pejabat B.P.R dulu. Maka sampailah saya ke High Street.

Saya turun dan dibawa ke suatu bilik di tingkat ba-

wah yang bertutup dengan jaring-jaring kasar. Bilik itu berkunci tingkap-tingkap. Saya disuruh menanti di situ dan pengawal itu keluar. Keadaan bilik itu, bahkan bangunan Balai Polis High Street itu sendiri merupakan sebuah bangunan yang uzur dan usang. Bekas peninggalan dari pemerintahan British dahulu. Bangunan dua tingkat itu merupakan salah satu bangunan 'relic' peninggalan pemerintah penjajah sebelum merdeka. Dan keadaan bilik saya itu sendiri sungguh tidak menyenangkan.

Dinding-dinding papannya sudah berlapuk dan berdebu. Perabut-perabutnya telah berlapuk. Manakala di luar bilik itu sendiri, lorong-lorong yang membahagikan bilik-bilik itu ditutupi dengan jaring-jaring yang ada pengawal-pengawal di luarnya.

Sebentar kemudian pintu bilik saya itu diketuk dan pengawal polis yang berpakaian 'civilian' membukakan pintu dan kelihatanlah bekas isteri saya itu sedang berlari-lari menuju ke arah tempat saya berada dan diikuti oleh anak-anak saya Norhayati, Farawaheeda dan Mohd Jamil. Yang keempat Mohd. Shahril ketika itu masih kecil lagi. Saya bangun terus mendapak bekas isteri saya itu dengan seerat-erat dan semesra-mesranya. Dan ketika itu tidak sepatah perkaataanpun yang dapat saya lahirkan melainkan deraian air mata. Saya lihat anak-anak saya bertangisan melihat saya dan ibunya berkeadaan begitu.

Sarimah yang mengatakan bahawa ia hanya dapat tahu apa yang berlaku kepada saya melalui satu 'message' yang disampaikan oleh seorang yang tidak dikenali kepadanya dan dia juga memberitahu seketika itu dia telah membuat 'appointment' untuk berjumpa dengan Tengku dan akhirnya telah dapat berjumpa

Tengku sendiri di Residensi di mana ia telah merayu kepada Tengku supaya saya dibebaskan. Dan menurut isteri saya itu bahawa Tengku mengatakan perkara itu akan disiasat sambil Tengku menyatakan kekesalan di atas perbuatan saya menalipun beliau itu.

Isteri saya telah membawa anak-anak saya dalam pertemuannya dengan Tengku itu. Begitu juga dia telah memberitahu pada hari yang saya tidak pulang itu dia tidak dapat tidur. Dia telah pergi ke sana ke mari, telah menemui kawan, bomoh dan sebagainya. Hari demi hari Yassin dibacanya sebanyak yang boleh, sembahyang waktu dan sembahyang hajat. Dan ada juga bomoh-bomoh yang mengatakan saya telah dicolek oleh perempuan dan sebagainya.

Dua minggu dalam tempoh saya hilang, hilang tanpa dapat dikesan itu meletakkan isteri saya dalam keadaan dilema. Keadaan yang sangat menderita lahir dan batin. Penyesalan saya pada masa itu ialah mengapakah pihak yang berkuasa menganggap tidak perlu memberitahu keluarga saya apa yang telah berlaku. Pada ketika itu orang kenamaan yang saya ketahui seperti Y.B. Tan Sri Ghazali tidak berada di dalam negeri dan ayah saya di Pahang telah diberitahu oleh bekas isteri saya tentang perkara ini. Khabarnya Allahyarham Tun Razak apabila diberitahu telah berkata, kalau kami semua sayangkan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri, tak usahlah perkara itu disusahkan sangat.

Setelah beberapa ketika mendakap isteri saya dengan penuh rasa cinta, rasa rindu, saya memeluk ketiga-tiga anak saya dengan satu pelukan dan mencium mereka dan tidak mahu melepaskan mereka. Kami berada di dalam bilik itu lebih kurang dalam masa setengah jam. Ketiga-tiga anak saya itu kecuali

Yati menangis tersedu-sedu kerana saya mengatakan saya tidak boleh pulang bersama bahkan untuk beberapa waktu kebelakangan itu.

“Bah, tidak boleh balik lagi kerana Bah sedang mempelajari satu kursus yang sangat penting untuk masa-masa depan. Ida, Jamil dan Yati tentunya mahu Bah berada dalam keadaan senang bukan?” tanya saya kepada anak-anak yang masih belum mengerti apa-apa itu. Mereka mengangguk-anggukkan kepala. Sebelum berpisah. Sarimah bekas isteri saya mengatakan dia mahu saya pulang segera walaupun tanpa pekerjaan, tanpa pendapatan kerana yang perlu baginya ialah saya sendiri sebagai suaminya yang tercinta bukan duit, bukan wang dan bukan pekerjaan. Saya memeloknya sekali lagi dan memberikan kucupan di bibir dalam lilihan air mata isteri saya yang membasahi muka saya dan wajah dia yang jelita dan ayu itu. Kucupan yang telah tidak dirasa selama 2 minggu itu kecuali masa seminggu dalam tempuh kepulangan saya dari Berlin.

Saya tidak dapat menghantar anak-anak saya keluar dari bilik itu. Setelah saya mencium mereka dengan sepuas-puasnya dalam beberapa minit itu saya mengatakan kepada Sarimah supaya buatlah apa yang sepatutnya untuk saya dan jagalah anak-anak dengan baik. Dan dia mengatakan bahawa pihak FAMA telah bersetuju untuk membenarkan dia mengambil wang gaji saya di pejabat tiap-tiap bulan selama saya berada di dalam tahanan itu.

Tidak lama setelah isteri dan anak-anak saya meninggalkan Balai Polis High Street itu, datanglah koperal polis membawa saya keluar dari bilik tersebut. Saya dibawa dengan sebuah kereta awam, diapit oleh polis di kiri dan kanan. Kereta itu berhenti di satu

persimpangan sunyi di Jalan Young. 'Black Maria' yang membawa saya dari tempat tahanan, sedang menunggu untuk membawa saya kembali ke tempat tahanan.

Lebih kurang 16 hari saya dikurung dalam bilik tahanan pertama iaitu setelah menghadiri beberapa sesi interogasi di hadapan pegawai-pegawai ISA, saya dipindahkan dari tempat tahanan pertama ke bilik kurungan lain. Sebuah bilik berek sederet lebih kurang 7 atau 8 pintu. Perbezaan dengan bilik pertama ialah bilik kedua ini mengandungi sebuah pangkin kayu dan di sebelah luar ada 'corridor' yang bertutup kiri, kanan dan atas, selari sepanjang 7 atau 8 pintu itu. Di penghujung 'corridor' itu ada sebuah bilik mandi dan tandas pam. Tahanan di berek ini tidak jauh dengan tahanan pertama dahulu.

Dalam masa 3 -4 bulan saya ditahan, setelah saya menandatangani satu kenyataan atau 'statement' yang telah disediakan oleh pihak polis terlebih dahulu, saya diberi kebenaran bertemu dengan anak-anak saya dan bekas isteri saya di High Street. Pertemuan ini diatur antara dua atau tiga minggu sekali. Setiap pertemuan ini dipenuhi oleh suasana emosi, sedu sedan tangisan anak-anak saya yang tidak berdosa yang tidak mengetahui sebab musabab saya perlu ditahan sebegitu rupa. Dalam setiap pertemuan itu, seboleh yang mungkin saya sembunyikan perasaan saya yang sungguh keciwa dan pedih terhiris. Sudah jelas bagi saya, penahanan itu jika berlanjutan akan membawa kepada satu perpisahan antara saya dengan bekas isteri - dengan apa cara pun yang telah dirancang. Dan perpisahan itu akan mengorbankan keempat-empat orang anak-anak saya. Pengorbanan seperti ini tidak mungkin ada apa-apa erti pada mereka yang berkenaan yang bersedia me-

nindas dan menzalimi dengan kuasa yang ada pada mereka.

Dalam tahanan di berek ini, saya tetap dikurung seorang diri kerana bilik dan 'corridor' itu bertutup keseluruhannya maka ia masih merupakan tahanan gelap. Sepanjang tahanan di sini, ada sesekali terdengar suara wanita menyanyi - lagu Tiong Hwa. Suara itu sungguh merdu dan saya agak penyanyi itu seorang tahanan 'komunis' yang sedang disiasat. Selain dari suara itu, tidak pernah saya dengar suara lain. Tidak pernah saya melihat sebarang tahanan lain, kecuali polis yang datang mengawal secara 'shift' 4 jam sekali.

Dalam sehari, saya dapat keluar dua kali. Pagi dan petang - untuk mandi manda dan mengambil air sembahyang. Harus kerana keselamatan tidak pernah dibenarkan lebih dari seorang tahanan boleh keluar pada satu masa yang sama.

Sebegitu sebaknya saya rasai dalam tahanan itu. Pernah saya katakan kepada pengawal bahawa setiap satu minit saya dapat keluar pagi atau petang untuk menghirup udara di luar kurungan itu, merupakan satu tiket loteri yang sanggup saya tukar dengan pihak yang menahan saya supaya saya dibolehkan tinggal di luar bilik itu sahaja. Saya tidak sanggup dikurung dalam bilik itu. Itu hanya khayalan saja. Saya telah ditahan di situ seperti lembu yang akan disembelih untuk dijual dagingnya keesokan harinya.

Dalam tahanan ini juga saya sukar sembahyang kerana ketiadaan air sembahyang dan kekotoran dalam kurungan itu. Kadangkala, saya terpaksa buang air kecil dalam bilik kurungan - di sudut, di situ. Polis yang mengawal tidak dapat membenarkan saya keluar ku-

rungan lebih dari dua kali sehari. Biar apapun terjadi, saya tidak boleh keluar bilik lebih dari dua kali. Ini merupakan satu siksaan juga.

Dalam tahanan ini tidak ada apa pun yang dapat saya lakukan untuk mengisi masa. Bilik gelap. Hendak membelek tapak tangan pun tak nampak. Hendak tak hendak, saya baca Fatihah, Surah Al-Ikhlas sebanyak mungkin sambil meminta ampun kepada Allah kerana membaca ayat-ayat suci tanpa air sembahyang. Saya yakin kerana Allah itu melihat saya, kerana Allah mengetahui apa yang berlaku kepada saya, saya memohon petunjuk dariNya.

Sepanjang tempuh ditahan, terasa benar kerinduan kepada anak-anak saya, Jamil terutamanya hingga saya diserang demam. Demam lebih disebabkan rinduan anak-anak. Kerap kali saya menyebut, "Amil, Amil." Demam itu akhirnya baik sendiri.

Saya juga tidak ingat berapa kali saya diserang sesak dada, sukar bernafas, terjerit-jerit hinggakan pengawal begitu kasihan dan pernah dalam ketika begitu saya merayu supaya anak dan isteri saya dijemput segera kerana saya merasakan bahawa saya mungkin mengakhiri hayat saya dalam keadaan sedemikian rupa.

Demikianlah saya menjalani siksaan batin dalam peringkat awal di dalam tahanan seorang diri.

Masa yang sangat derita saya alami ialah ketika menjelang Hari Raya Aidilfitri. Dalam bulan Ramadhan itu, saya terus berpuasa tanpa keciciran walau seharipun. Minggu terakhir bulan puasa iaitu tatkala malam 'Lailatulqadar', saya sentiasa mengelamun bagaimana saya harus menerima kedatangan Hari

Raya dalam tahanan tanpa anak-anak dan isteri, menyambut Hari Raya dalam tahanan seorang diri, tahanan dalam bilik kurungan yang gelap gelita.

Dua hari sebelum Hari Raya, saya dibawa keluar sekali ke High Street seperti dahulu, menaiki 'Black Maria'. Bekas isteri saya membawa Yati, Ida dan Jamil. Yati sudah mengerti apa yang telah berlaku. Ida dan Jamil ketika itu (1970) masing-masing berumur sembilan dan enam tahun.

"Bah! Bah baliklah. Kalau Bah tak balik, Ida tak mau Raya...." dalam sedu sedan derai airmata yang membasahi kedua pipi Ida dan Jamil, anak-anak saya yang tidak berdosa itu, merayu mengajak saya balik.

Jamil yang tidak begitu lancar berkata-kata hanya tersedu-sedu. Kedua anak-anak saya ini hanya saya renungi dengan penuh perasaan hampa-pilu yang tidak terlukis kata-kata.

Kehampaan saya kerana saya takkan dibenarkan balik, takkan dibebaskan sebelum Hari Raya, sekadar dua hari sahaja lagi itu.

Masa setengah jam yang dibenarkan kami bertemu muka sebelum hari lebaran, tamat dengan penuh kehibaan. Satu lagi titik hitam yang menyayat hati dan sukar saya lupai. Bekas isteri memimpin ketiga-tiga orang anak saya meninggalkan bilik tempat kami bertemu. Ida dan Jamil terus menoleh ke arah saya duduk itu dengan berhamburan airmata. Airmata anak-anakku yang sangat tercinta. "Ya Allah! Kenapa begini jadinya!" keluh saya dalam hati.

Kembali ke bilik tahanan seperti selalunya saya tidak

lalu makan. Saya lebih membayangkan suasana muram di rumah saya di Jalan Ulu Kelang Lama dalam saat-saat ketiadaan saya menyambut kedatangan Hari Raya. Saya boleh menggambarkan keredupan wajah comel anak isteri ketika itu. Tetapi apakan daya, segala yang telah berlaku itu tidak dapat dielakkan. Saya rujukkan kezaliman ini kepada Allah.

Akhirnya, subuh pagi Raya itu saya duduk berteleku menghadap satu arah. Terdengar bunyi suara takbir, "Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillah Ilham." Suara takbir yang dibawa angin bayu dari sebelah luar kem tahanan itu.

Tentulah pembaca dapat melukiskan ketika begini. Ketika pembaca berada di tengah-tengah keluarga. Anak-anak yang sengaja bangun pagi, mandi, mengenakan baju baru yang dibeli oleh ayah. Anak-anak yang mengganggu ibu supaya mengambil kain, butang baju dan kasut. Pendeknya, anak-anak ini memperlihatkan berbagai-bagai telatah di pagi hari lebaran dengan penuh ria, penuh cinta kepada ibu bapa yang membelikan pakaian indah untuk mereka.

Dalam tahanan, saya hanya dapat mengangkat tangan ke atas, memohon, "Ya Allah, lindungilah anak-anakku. Kau gembirakanlah hati mereka di pagi raya ini. Walaupun aku tidak dapat bersama dengan mereka, kau tanamkan ketenangan dan Ya Allah, jangan biarkan mereka menangis kerana ketiadaanku bersama berhari raya. Kau maha mengetahui perasaan hatiku dan Kau maha mengetahui perasaan anak-anakku. Cintaku, kasihku, cinta mereka dan kasih mereka terhadapku."

Sedang saya dalam keadaan penuh takwa dalam bilik

kurungan itu, pintu besi yang tebal itu tiba-tiba dibuka orang. Saya nampak seorang yang bercalit dua di lengan 'uniform'nya menghulur sebuah mangkuk bersusun.

"Selamat Hari Raya Encik Zul," kata koperal yang baik hati itu. "Encik Zul, ini orang rumah saya kirim. Jemputlah makan. Jangan susah hati."

"Terima kasih datok. Cuma di hari-hari begini saya sangat terkenang kepada anak-anak saya di rumah. Tentu mereka merasa sedih saya tiada bersama di pagi hari ini."

"Sabarlah. Doa orang yang terzalim dikabul Tuhan," kata datok koperal itu. Seolah-olah dia berperasaan saya ditahan tanpa sebab yang adil. Agak-agak saya sahaja.

Setelah menyuruh saya makan, koperal yang baik hati itu meminta maaf kerana terpaksa mengunci pintu kurungan itu kembali. Ada ketupat empat biji, sambal rendang dan beberapa biji kuih yang biasa dihidang di pagi Raya dalam mangkok yang dibawa oleh koperal yang berbudi itu. Saya makan ketupat dan kuih Raya itu di tengah-tengah kepiluan yang menusuk jiwa raga.

Masuk bulan keempat saya ditahan di bilik yang sangat tidak selesa itu, saya dipindahkan ke bilik yang agak teratur sedikit untuk manusia. Seperti yang saya telah sebutkan, perpindahan bilik ini berlaku setelah saya menandatangani 'kenyataan' mengakui kesalahan saya mengugut Tuanku Abdul Rahman. Saya tidak ingat dengan tepat berapa kesalahan yang dikatakan telah saya lakukan.

Keseluruhannya bersangkutan paut dengan Tengku. Saya tidak tahu sehingga saat ini kenapa Zakaria Ahmad tidak ditahan sama jika alasan menalipun jadi sebab saya ditahan - panggilan telefon menasihatkan Tengku berhenti menjadi Perdana Menteri pada 9hb. Mei, 1969 itu. Entahlah!

Tahanan ke tiga ini, merupakan sederet bangunan batu 'terrace' setingkat. Khusus untuk menahan orang-orang yang melakukan kesalahan tertentu. Di sinilah saya ditempatkan dan dikurung sehingga dibebaskan pada 1hb. Oktober, 1970.

Tempat mandi bersambung dengan tandas (6 kaki x 10 kaki) disediakan di sebelah belakang. Di tengah adalah ruangan (20 kaki x 20 kaki). Di situ tersedia sebuah katil bujang. Itulah sahaja perabutnya. (Dua bulan sebelum saya dibebaskan, sebuah peti televisyen ukuran 14 inci hitam putih, dihantar untuk menghibur saya) Bersambung dengan ruangan itu, terdapat pintu yang menghubungkan dengan 'compound' atas tanah lapang berukuran 10 kaki x 8 kaki bertembok keliling setinggi 20 kaki. Ruangan yang terbuka di atas yang membolehkan saya melihat langit itu, ditutup sepenuhnya dengan jaring besi. Dengan itu, pandangan sipenghuni masih tetap dihalangi oleh jaring-jaring ini. Di tengah tembok ada pintu yang hanya boleh dibuka dari luar.

Satu kelebihan di bilik tahanan terakhir ini (walau-pun masih tahanan seorang diri) ialah bilik ini terang seperti di rumah. Ada lampu letrik yang bebas dibuka katup dari dalam.

Masuk bulan ke empat dalam tahanan inilah saya dipanggil menghadiri perbicaraan fasah yang berakhir

dengan lulusnya fasah itu oleh Kadi (seperti yang saya ceritakan dalam buku pertama saya '12 TAHUN BER—SAMA SARIMAH' dan dalam buku ke dua saya 'MENCARI KEBENARAN — Sahkah Fasah Sarimah-Zulkifli?').

Beberapa minggu setelah saya dapat mengatasi emosi - kesebakan dari kehancuran perkahwinan saya itu, saya berjaya mendapat dari Allah kekukuhan batin, kekuatan jasmani dan rohani. Saya dapat menunaikan sembahyang dengan sepenuhnya. Saya penuh masa saya dengan keyakinan Allah menunjukkan jalan yang lurus dan iman yang teguh dan supaya dari sisi keagunganNya, digantikan rohani dan jasmani saya dengan rohani dan jasmani yang lebih kukuh dan takwa.

Dari segi kerohaniah, saya sentiasa menyempurnakan sembahyang tahjud. Tidak kira waktu dan ketika - pagi, tengahari atau malam. Sekeliling tembok dalam ruangan saya tidur itu saya penuhkan dengan contengan beraneka ragam ayat suci, sajak, puisi, pantun dan cogan kata. Tidak ada 'space' atau ruang ditembok bilik itu yang saya mampu menconteng yang kosong. Semua ini saya lakukan untuk menguatkan semangat, mengurangkan rindu kepada anak-anak yang semakin jarang saya temui. Lebih-lebih lagi untuk meredakan ingatan kebahagiaan berumahtangga sebelum ditahan.

Diantara potongan cogankata yang saya masih ingat tersirat di keliling tembok dinding ruangan tempat saya tidur ialah:-

“Pergi jahanam dia yang curang. Isteri yang tidak mencium bau Syurga.” “Allah tidak menjadikan Syurga untuk isteri yang curang.” “Allah akan menerima doa orang yang terzalim,” dan lain-lain lagi.

Kemudian saya cuba mengingati gadis-gadis yang baik dan rupawan yang pernah saya temui dan menulis nama mereka di tembok itu, seolah-olah gadis itu sedang menanti kepulangan saya. Diantara nama yang saya masih ingat ialah seorang pelajar jelita tingkatan 5 (tahun 1969) dari Pasir Mas, Kelantan. Dia saya temui ketika saya pergi memberi syarahan mengenai kegiatan FAMA berkempen untuk tema 'Makanlah Lebih Banyak Buah-Buahan Tempatan' dan saya pada masa itu jadi PRO FAMA. 'SABRINA' nama gadis itu (nama samaran). Bolehlah saya katakan 'Sabrina'lah yang menjadi bahan saya mencuba melupakan perbuatan bekas isteri saya setelah dia berjaya mendapat fasah itu. Sebenarnya, sewaktu saya berjaya memasuki Universiti Malaya, saya telah sekali lagi menemui 'Sabrina'. Dia masuk Universiti Malaya awal setahun dari saya. Melalui seorang teman sekuliah dengan 'Sabrina,' saya ceritakan bagaimana namanya jadi penawar ketika saya dikejar maut dalam tahanan. Tenat selepas perceraian yang dipaksakan kepada saya terjadi. Saya meminta maaf melalui kawannya. Sikawan 'Sabrina' telah menyampaikan cerita itu dan kembali mengatakan kepada saya bahawa 'Sabrina' hanya tersenyum mendengar episod tersebut. Khabarnya, setelah berjaya dengan kelulusan terbaik dari Universiti Malaya, 'Sabrina' yang rupawan itu telah melangsungkan perkahwinan dengan seorang doktor di tempatnya di Kelantan. (Kini sekali-sekala bila ke Kelantan, saya bertemu dengan dia dan menegur sapa dan saya kenalkan isteri saya Fawzia kepadanya.)

Dia sangat berbahagia dengan suaminya dan hidup dalam masyarakat pertengahan yang disegani di Pasir Mas.

8

AMBIL H.S.C.

Pada bulan April, 1970 (sebulan sebelum saya menghadiri perbicaraan di Pejabat Kadi Petaling Jaya, kerana bekas isteri menuntut cerai) saya diserang penyakit 'risa' di dada sebelah kiri. Kemungkinan besar ia tumbuh akibat dari kerisauan dan kesejukan yang berlarutan saya rasai sepanjang masa dalam tahanan. Walaupun begitu, sembahyang lima waktu tidak pernah saya abaikan. Kerisauan yang amat sangat ini berkemungkinan kesan dari keadaan diri saya diorientasikan sebegitu rupa dalam kurungan yang boleh dianggap 'Solitary Confinement' yang sama sekali ganjil dari kehidupan manusia biasa (bebas).

Ada juga orang yang menemani saya iaitu di waktu malam. Salah seorang dari mereka saya panggil 'Wak Kiai'. Beliau berkhidmat dalam bahagian khas 'Special Branch'. Melalui Wak ini saya banyak diberi perangsang supaya bersabar. Dia juga pernah mengajar saya beberapa ayat yang banyak menolong mengurangkan siksaan jiwa yang saya deritai dalam keseorangan begitu.

Adakala juga, saya telah merayu kepada pegawai yang menjaga kes saya. Diantaranya ialah DSP Wan

Yaakob Ibrahim (Kini Dato dan sudah menjawat jawatan 'Senior Assistant Commissioner' atau Penolong Pesaruhjaya Kanan Polis Malaysia) supaya saya dihantar sahaja ke Pulau Jerjak atau ke Pudu.

"Hantar saya ke Pulau Jerjak atau ke Pudu, Encik Wan. Saya tak tahan tinggal seorang diri di sini." Kata saya kepada Encik Wan Yaakob sewaktu dia datang melawat saya dalam bilik tahanan itu.

"Nantilah, kita bawa meeting dulu," jawabnya.

Sehingga saya dibebaskan saya kekal di bilik kurungan itu. Saya tidak ingat berapa kali saya diserang oleh 'hysteria'. Tidak semena-mena saya terasa begitu terharu. Sangat terharu. Ini berlaku di masa-masa saya teringatkan Jamil, Ida, Yati dan anak yang bongsu, Shahrir. Jika saya diserang 'hysteria' beberapa ketika, suara jeritan saya terdengar oleh pengawal di luar. Datanglahh Encik Wan Yaakob ke bilik kurungan saya cuba menenangkan saya. Maka kuranglah sedikit perasaan tidak tenteram itu.

Akhirnya dengan tidak semena-mena sebagai suatu tanda yang diilhamkan Allah, lahirlah keinsafan, jika saya berterusan susah hati, risau, sebak dada, mengelamun dan diserang 'hysteria', saya akan diberi 'passport' ke Tanjung Rambutan, dikaran letrik kepala saya. Berakhirlah nanti hidup saya dengan sia-sia. Terkorban sebagai mangsa si'betina' yang curang. Apakah ini sudahnya? Apakah ini mesti berakhirnya hidup saya? Soalan-soalan ini saya berikan jawapan tegas, "TIDAK, TIDAK!"

Saya bergegas bangun dan menulis dengan pensil perkataan "AKU TIDAK MAHU MATI KERANA

PEREMPUAN !!! AKU MAHU HIDUP 1,000 TAHUN LAGI. PERGI JAHANAM PEREMPUAN CURANG! JALAN KE NERAKA TERBENTANG LUAS BAGI-MU," dan lain-lain.

Justeru dari perasaan yang baru timbul sebagai ilham itu, timbullah hasrat saya mahu mengambil peperiksaan H.S.C. (S.T.P. sekarang). Sekurangnya tujuannya mahu ambil Sijil H.S.C itu sudah boleh saya menggantungkan harapan setinggi langit. Jika lulus nanti, jadi mahasiswa di Universiti. Lulus lagi dapat anugerah Ijazah. Jika ini terlaksana, khayalan hati saya, menanglah saya. Berjayalah saya. Tidaklah saya menjadi gila apabila dibebaskan nanti kerana seorang perempuan yang sudah tidak setia lagi itu.

Demikian lah, beberapa hari, cita-cita mahu belajar itu bermain-main di kepala saya. Sememangnya, sebelum saya dihantar berkursus di Berlin dahulu, sudah tertanam niat mahu terus belajar itu. Takdirnya, masa lapang dalam tahanan itu lebih murni ertinya, jika saya habiskan untuk 'study'. Itulah sebesar-besar peluang keemasan untuk saya melakukan sesuatu yang sangat berguna.

Apabila Encik Wan Yaakob datang lagi melawat saya pada suatu petang, saya mengatakan, seluruh sendi anggota saya terasa sakit. Encik Wan Yaakob memimpin saya keluar dari bilik tahanan itu. Dipapah saya berjalan di sepanjang berek itu. Lega sedikit rasanya. Lepas itu dibawa saya masuk kembali ke dalam. Sepanjang masa Encik Wan Yaakob berada bersama-sama, soalan yang tidak pernah saya lupa kemukakan:-

"Bila saya akan dibebaskan?" Soalan yang tidak pernah dijawab oleh Encik Wan Yaakob, setiap kali

saya bertanya dalam setiap lawatannya ke bilik kurungan saya. Perbualan saya dengan Encik Wan Yaakob tidak tentu. Tidak ada yang khusus. Sesudah menceritakan keadaan biasa saya dalam tahanan itu, saya nyatakan hasrat untuk belajar secara 'correspondence' untuk mengambil peperiksaan H.S.C tahun itu (1970).

"Encik Wan, saya mahu mengambil peperiksaan H.S.C. tahun ini, boleh tidak Encik Wan uruskan nota-nota dari Stamford College?"

"Boleh belajar lagi?" tanya Encik Wan Yaakob.

"Mengapa tidak! Saya akan membuktikan saya boleh belajar dan boleh berjaya nanti. Saya tidak mahu dipindahkan ke Tanjung Rambutan bila sampai waktunya. Lagipun, kalau sembahyang 24 jam nanti gila isim," kata saya.

"Betul you mahu belajar?" Encik Wan Yaakob bertanya dengan serius.

"Betul! Saya sudah berazam. Insyaallah Encik Wan. Percayalah."

"Okay. Nanti I suruh pegawai datang jumpa you besok, apa buku yang you perlu."

"Thanks Encik Wan. I'll show you. I won't let you down," balas saya.

Kesanggupan Encik Wan Yaakob untuk menguruskan kiriman nota-nota H.S.C berhasil melahirkan rasa lapang yang penuh bermakna. Satu petanda saya akan dibebaskan. Encik Wan Yaakob berjanji akan mengun-

jungi saya dalam seminggu dua lagi. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepadanya. Sejurus setelah dia pergi, untuk lebih menguatkan semangat, saya mengambil pensil, mengguris tembok dengan huruf besar, 'TAHUN 1971 AKU AKAN BERJAYA JADI MAHASISWA. TAHUN 1973 AKU AKAN LULUS DARI UNIVERSITI! JADI SEORANG GRADUATE!'. Satu impian yang telah berjaya saya laksanakan.

Sementara menunggu pegawai polis datang mengambil senarai kursus yang saya ingin ikuti, saban pagi saya habiskan masa bermain 'campak getah' (rubber band) bersama seorang pengawal berpakaian 'freeman' yang ditugaskan menemani saya waktu malam (sekali sekala). Pagi sebelum dia meninggalkan bilik tahanan saya, kami main 'campak getah' dalam kawasan yang berjaring di luar ruangan tempat tidur saya. Anak kayu yang tumbuh dalam ruangan ini, kami patahkan hujungnya yang bercabang supaya ia berupa sebatang kayu kecil yang tercacak untuk menangkap getah yang dilemparkan dari jarak 7 kaki. Itulah 'hobby' yang saya lakukan untuk beberapa hari.

Seminggu kemudian, datang seorang pegawai polis, Encik Ibrahim (sekarang mungkin sudah naik pangkat DSP). Encik Ibrahim ini adalah salah seorang dari tiga orang pegawai ISA (dua orang lagi ialah Encik Wan Yaakob dan Encik Hassan) yang jadi juru introgasi di minggu pertama saya kena tahan.

Setelah berbual-bual tentang hal yang tidak penting, Encik Ibrahim meminta saya memberikan senarai buku-buku dan nota-nota yang saya perlukan sebagai persediaan mengambil peperiksaan H.S.C.

Seminggu selepas itu pula, semua senarai buku dan

nota yang saya kehendaki dihantar ke bilik saya. (Mengenai urusan ini, saya sungguh berterima kasih kepada pihak yang berkenaan terutamanya Dato Wan Yaakob kerana inisiatif beliaulah nota-nota itu begitu cepat diuruskan).

Ya. Sehari dua itu, saya rasa begitu gembira sekali. (Gembira orang dalam tahanan). Saya mengatur nota-nota dan buku-buku yang perlu saya 'study.' Saya memilih 2 principal, 2 subsidiary dan 1 general paper. Bermakna, saya mesti lulus dengan baik dalam sekurang-kurangnya 2 principal dan 2 subsidiary untuk kelayakan masuk ke universiti.

Mata pelajaran yang saya pilih ialah:-

Peringkat Principal : Bahasa Malaysia dan Sejarah Tenggara Asia + Perlembagaan British.

Peringkat Subsidiary: Pengajian Islam dan Bahasa Inggeris.

Kertas Am (General Paper) merupakan satu kertas yang mesti lulus. Kalau gagal Kertas Am maka gagal lah kita untuk mendapat sijil penuh.

CARA BELAJAR

Dengan keadaan jiwa yang lebih tenteram dan tenang itu, Allah telah memberi saya hidayah yang sejak saya ditahan, saya mohonkan. Satu kekuatan batin mengambil alih jiwa yang sebegitu lemah dan gundah gulana. Dari satu sudut keagunganNya, dikurniakan satu jalan keluar dari kesesakan hidup terkongkong

zahir batin yang berakhir dengan penceraian yang sedia diatur dan terlaksana. Satu 'mission accomplished' kepada arkitek rancangan itu.

Sesuatu yang menjadi 'instrumental' dalam kejayaan saya mengatasi derita ini ialah sembahyang yang diiringi beberapa 'doa' yang panjang. Melalui kitab yang dipinjamkan kepada saya oleh Wak Kiai Shaari, seperti doa Allah Humaziz Sultan Ayat 7 dan Yassin yang kadangkala, berpuluh-puluh kali saya baca setiap hari. Sehingga hari ini masih saya kekalkan menjadi wirid setiap lepas sembahyang.

Dengan ditambah beberapa cara, strateji, cogankata, potongan ayat, puisi, prosa yang saya contengkan di tembok tahanan itu laksana tulisan kuno orang Mesir di zaman Firaun, saya tambah yakin bahawa akan lahir satu era baru dalam hidup saya yang berkecamuk ini. Era baru setelah saya dibebaskan.

Peperiksaan H.S.C. bakal diadakan pada penghujung bulan November, sebulan setelah pembebasan saya. Saya mula belajar hanya pada bulan April (belajar tanpa guru, tanpa restu dan lebih dari itu saya tidak pernah menjejakkan kaki walaupun ke tingkatan 5. Lulus M.C.E. pun secara 'private tuition' di Singapura). Tetapi kerana azam saya sungguh kuat, membara laksana api di mercu gunung berapi Kalimanjaro, laksana air sudah merempuhi takungan empangan buatan insan, ianya sudah pasti tidak dapat ditahan lagi.

Saya tuliskan hari dan minggu dalam tempuh antara April hingga November, nota-nota dan buku yang mesti saya utamakan membaca. Setelah mengisi borang calon persendirian untuk peperiksaan itu dan mengemu-

kakan kepada pihak Kementerian Pelajaran secara resmi, saya dipanggil untuk ujian lisan di Balai Polis High Street.

Program atau jadual belajar saya atur begini:-
Subjek yang lebih sukar saya dahulukan. Yang mudah difahami seperti Kertas Am, Bahasa Malaysia I, Pengajian Islam itu saya kemudiakan dan pendekkan masa membaca.

Jadi, dalam 6 bulan itu, saya menumpukan membaca nota-nota 'Sejarah' I dan II iaitu Sejarah Tenggara Asia dan Perlembagaan British. Mula-mula, saya baca nota-nota ini secara teratur, lambat dan sambil cuba memahami isinya, seboleh-boleh dengan sepenuhnya. Saya ulangi selama satu hari suntuk. (Tiada tugas lain kecuali tidur, makan dan sembahyang).

Begitu asyik dan 'concentrate' tumpuan hati saya terhadap 'study' ini, hingga sukar lelap mata untuk tidur. Saya anggap 'belajar' begitu satu 'jihad', satu 'mission' yang mesti saya tunaikan dan jayakan. Hidup atau mati 'do or die'. Justeru itu, saya anggar, tiap malam dalam masa 6 bulan sehingga tarikh saya bebas iaitu pada 1.10.1970 saya hanya tidur antara tiga atau empat jam. Ada kalanya, antara masa tidur yang singkat itu, jika saya inginkan kepastian atas satu-satu faktor yang saya telah baca, lantas saya bangun, buka suis lampu, buka semua nota dan ulangkaji. Begitulah, sepenuh minat, sepenuh jiwa raga saya luahkan untuk suatu cogan kata, "BIAR APA PUN TERJADI AKU MESTI BELAJAR." "TAHUN 1971 AKU MESTI BERADA DI UNIVERSITI!" dan 6 bulan itu jadi 'obsession'. Saya hanya belajar, belajar dan belajar!

Berkat azam, berkat hidayah, petunjuk dari Allah,

sehingga penghujung bulan September 1970 itu, hampir keseluruhan 2 principal dan 2 subsidiary itu sudah mantap di otak saya seperti kandungan gas dalam tangki 'cylinder' dapur gas, sekadar mahu dibuka tutupnya untuk ia menyembur keluar.

Dalam keadaan begitu saya mahu jadi seperti padi. Dari ia disemai hingga dituai, dikerat batang dengan alat tajam. Dibanting, dihempas hingga ia bercerai dari batangnya. Proses seterusnya, padi itu ditumbuk lagi, dimesin supaya tercerai dari kulit yang menutupi tubuhnya. Kemudian jadi beras, dimamah untuk mengenyangkan manusia. Beras padi tadi terus diperkosa, ditumbuk untuk jadi debu, jadi tepung, masih lagi ia berharga, jadi makanan manusia. Biar apa perkosaan yang dilakukan terhadapnya dari batang, pucuk, kulit hingga jadi beras, masih lagi jadi bahan penting kepada manusia. Demikian. Biar apa yang telah berkali-kali berlaku dan dilakukan terhadap saya, azam saya tetap kukuh dan setia. Fikir saya lagi, seandainya saya keluar dari tahanan ini, tak sanggup saya jadi sampah masyarakat atau miring otak kerana ditinggal bini. Saya berazam bila bebas dari tahanan, sekurang-kurangnya dapat melanjutkan pelajaran ke universiti. Dan ini terlaksana walaupun Pulau Bahagia yang saya idamkan belum jelas lagi sehingga saat ini.

Saya juga ibarat nakhoda dari kapal yang terlanggar batu karang. Dalam kabus tebal telah berhanyutan dan hanyut dalam samudra yang bergelora di atas kayu pelampung yang ditemu diantara serpihan kapal yang pecah itu. Hanyutlah saya ke sana ke mari dengan menempuhi azab sengsara. Ada masanya diikuti oleh jerung-jerung yang tidak punya hati perut, yang penuh nafsu menelan apa sahaja yang boleh jadi makanannya. Dan akhirnya terdamparlah saya ke pulau yang

serba indah hingga pohon kelapa atas pulau ini tidak perlu dipanjat kerana buahnya boleh dicapai dengan tangan. Ke pulau inilah sedang saya tujui. Masih belum sampai lagi walaupun sudah kelihatan pantainya.

Dalam jangkamasa dua bulan selepas bebas (1 Oktober - 30 November, 1970) berbagai peristiwa hitam berlaku seperti yang saya suratkan di dalam '12 TAHUN BERSAMA SARIMAH'. Mujurlah, segala persiapan (study) sudah saya lengkapi sewaktu masih dalam tahanan. Jadi dari 1 Oktober sehingga peperiksaan, saya tidak perlu kuat-kuat membaca cuma mengulang-kaji secara lalu sahaja.

Akhirnya, waktu yang begitu mendebarkan tiba. Seperti tibanya malam pertama untuk pasangan teruna dara yang baru diijab kabulkan.

Pagi lagi saya sudah sampai ke pusat peperiksaan tersebut, di Jalan Temerloh dekat Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur.

Agak terperanjat juga saya lihat di pusat itu, beberapa orang pegawai polis yang pernah saya temui di balai polis High Street turut mengambil peperiksaan tersebut.

Sudah dengan kurnia Allah yang maha berkuasa, maha agung lagi amat pemurah, selama peperiksaan itu berjalan, dalam semua kertas soalan yang saya ambil, saya merasai seolah-olah saya perlu memilih soalan mana yang perlu saya jawab dengan lengkap. Begitulah apabila Allah mengkehendaki. Jawapan yang saya rakamkan di atas kertas yang tersedia laksana bacaan Al-Fatihah. Laksana timba mencedok air di tasik, di telaga atau membuka paip air, ia me-

ngalir dengan tenang tanpa sebarang gangguan.

Akhbar 'Malay-Mail'lah yang mula-mula menyiarkan keputusan peperiksaan tersebut. Dan nama saya disenaraikan di bawah senarai calon-calon persendirian yang memperolehi Sijil Penuh dalam peperiksaan tersebut. Tarikhnya bulan April, 1971.

Itulah natijahnya (ia dapat dikatakan hikmat) dari penahanan saya selama 11 bulan setengah itu. Ganjil! Saya patut dikorbankan (ditahan) kemudian terpaksa (dipaksa?) mengorbankan rumahtangga untuk mendapatkan sekeping sijil yang sangat berharga, tidak dapat dinilai. Ia bolehlah dianggap 'blessing in disguise'.

'TRIBUTE' SAYA KEPADA DATO WAN YAAKOB IBRAHIM, PENOLONG PESURUHJAYA POLIS MALAYSIA

Satu pengakuan oleh Encik Wan Yaakob yang perlu saya sebutkan ialah dalam beberapa kali ia melawat saya, terus terang dia mengatakan, tindakan menahan saya di bawah undang-undang ISA itu datang dari 'atas'. Sebagai pegawai pemerintah yang mesti menjalankan tugas yang diarahkan, dia tiada pilihan.

Nasihat dan perangsangnya kepada saya pun banyak. Termasuklah memberi semangat supaya saya benar-benar cuba belajar, bukan sekadar memenuhi masa dalam tahanan, tetapi cuba untuk lulus.

Selalu juga dia datang membawa buah tangan, duri-duri dan buah-buahan lain. Bahkan duit. Duit yang kemudian saya berikan kepada anak-anak saya yang saya temui di Balai Polis High Street dua atau tiga minggu sekali.

Sesudah saya bebaspun, saya masih jumpa Encik Wan Yaakob sekali sekala. Dia masih bermurah hati memberi pertolongan wang ringgit kepada saya. Dan bila dikatakan saya telah lulus peperiksaan, beliau, Encik Ibrahim dan Encik Hassan, pegawai-pegawai yang menyoal saya dipermulaan saya ditahan, mengucapkan tahniah dan belanja saya makan di Station Hotel.

Di saat ini, saya jarang jumpa mereka. Semua sudah naik pangkat. Encik Wan Yaakob sudah dapat gelaran Dato. Syabas Dato! Tahniah yang tulus ikhlas. Cuma yang saya sedih bila mendengar Dato Wan sudah tidak sihat dan khabarnya perlu berihat panjang kerana sakit yang bersabit dengan jantungnya.

9

SEPINTAS LALU MENGENAI LAYANAN DALAM TAHANAN KESELURUHAN— NYA.

Banyak dari kawan-kawan yang sering bertanya, bagaimana layanan yang biasa diberi kepada orang-orang tahanan politik? Terlalu baik, baik atau buruk?

Pengalaman saya sendiri. Di peringkat tiga bulan pertama itu memang azab. Tempat tahanan itu sendiri sudah merupakan satu penyiksaan yang memerlukan ketabahan dan iman yang teguh, guna mempertahankan orang yang ditahan tidak jadi gila. Bilik gelap, panas tanpa tempat tidur. Mandi manda tidak menentu. Terpaksa buang air kecil dalam bilik kurungan kerana tidak ada tandas atau paip di dalamnya. Yang siksanya saya ditahan seorang diri.

Makan - ikan kering selar kuning, atau lain-lain jenis ikan yang dibubuh atas nasi semangkok. Tanpa kuah. Dua kali sehari. Tengahari dan petang. Pagi sekeping roti dengan secawan kopi pekat. Itulah 'ration' yang saya nikmati dalam tiga bulan pertama.

Selepas menandatangani 'statement' mengaku salah dan setelah ditukar ke berek 'terrace' yang ter-

akhir pada bulan ke empat, layanan agak baik jika dibandingkan dengan yang terdahulu.

Kali ini nasi dan lauk diberi dalam bekas yang berasingan dalam mangkuk sia (mangkuk bersusun). Nasi putih, kari ikan dan sedikit sayur. Sekali sekala ikan digantikan dengan daging. Dua kali sehari, tengahari dan petang. Untuk sarapan pagi, roti canai atau roti paun sekeping dengan secawan teh susu. Lain-lain kemudahan di berek ini ialah diakhir-akhir saya akan dibebaskan, saya diberi sebuah peti televisyen berukuran 14 inci. Dalam tahanan yang sama saya dibenarkan berpakaian biasa yang dikirimkan dari rumah (dalam tahanan terdahulu pakai uniform seluar baju putih). Ubat dan berus gigi serta sabun dibekalkan.

Layanan sebegini boleh dikatakan baik. Cuma dikurung berseorangan diri di dalam tempat sebegini tetap merupakan satu penyiksaan yang tak ada tolok banding bagi manusia yang biasa hidup bebas.

Ada waktu-waktu, saya terpaksa berlagak seperti orang gila. Dan saat-saat begitu, saya tidak lalu makan. Nasi yang tidak dimakan saya tabur di ruangan luar bilik kurungan yang ruangan di atas ditutup dengan jaring-jaring besi. Hari-hari yang cuacanya baik, burung-burung pipit dari pohon ru, berdekatan dengan berek tahanan itu hinggap di tepi jaring seolah-olah mereka mengetahui ada manusia yang dikurung di dalam. Dan mereka menunggu jika ada sisa-sisa makanan untuk mereka. Peristiwa ini jadi semacam penghibur hati saya yang lara. Nasi dan sisa-sisa lauk yang sengaja saya sajikan untuk kawan baru ini tidak dibiarkan begitu sahaja. Burung pipit itu terbang menjunam melalui jaring ini mematak secepat yang mung-

kin ulas-ulas nasi, tanpa menghiraukan saya yang berdiri hanya beberapa kaki dari mereka. Saya tidak malu-malu berkata, " Hai burung, makanlah engkau rezeki yang halal ini. Alangkah bertuahnya, alangkah bahagiannya engkau! Engkau datang dan sebentar lagi kau bebas terbang pulang menemui anak dan isterimu. Aku ditahan, aku dikurung. Bila aku boleh bebas seperti kau, burung!"

Burung pipit terus mematok ulas nasi tanpa menghiraukan kata-kata saya. Burung pipit yang tidak pandai bertutur, tapi riuh berbunyi, jadi kawan saya. Jadi kawan di daerah yang sangat terasa kesepian dan kesunyiannya. Burung pipit mungkin hairan, ada makhluk seperti manusia yang dikurung seperti haiwan!

Saya tidak mengetahui bagaimana layanan seorang tahanan politik yang ditempatkan di Kemunting, Perak. Kemungkinan mereka diberi layanan yang lebih baik. Sekurang-kurangnya bebas bergaul diantara satu sama lain dan dapat kemudahan membaca buku-buku dan akhbar.

Mengenai bahan bacaan ini, di waktu bekas isteri saya datang meminta cerai, pihak polis sengaja mengirimkan akhbar-akhbar yang mengandungi gambar-gambar bekas isteri saya membuka syarikat perniagaan. Inisiatif ini berkemungkinan untuk menanamkan perasaan 'benci' saya terhadap dia.

Sekian itu gambaran yang dapat saya sebutkan dalam penahanan yang pertama ini.



Allahyarham Tun Dr. Ismail, bekas Timbalan Perdana Menteri/ Menteri Dalam Negeri adalah salah seorang menteri yang mempunyai intergriti yang murni.

KEGIATAN DI KAMPUS

Sebelum ini mungkin ada diantara saudara telah mengikuti perkembangan hidup saya melalui '12 TAHUN BERSAMA SARIMAH'- iaitu setelah berjaya dalam peperiksaan H.S.C. (Sijil Penuh) saya telah ditawarkan biasiswa Persekutuan untuk mengikuti kursus SASTERA (ART) selama tiga tahun di Universiti Malaya. Oleh kerana saya adalah seorang 'activist' yang tidak dapat mengasingkan diri dengan gerakan politik, maka kampus Universiti Malaya itu merupakan satu arena yang telah memberi peluang keemasan untuk saya meneruskan kegiatan tersebut.

Tahun pertama, dengan beberapa orang siswa Johor, diantaranya saudara Ahmad Yusuf (kini Timbalan Pengurus Co-op Universiti Malaya), kami telah membentuk 'Persatuan Mahasiswa Johor Universiti Malaya'. Melalui PMJUM ini beberapa projek telah dilaksanakan seperti membentuk Jawatankuasa bertindak yang telah menemui YAB Menteri Besar Johor, Tan Sri Othman Saat, guna mendesak kerajaan Johor membangunkan asrama untuk siswa dan siswi Johor, meluluskan biasiswa, peluang pekerjaan dan sebagainya.

Dalam bidang sosial pula, satu pentas 'Malam Anak-

anak Johor' telah berjaya diadakan secara besar-besaran di Dewan Tuanku Canselor (1971). Selain dari siswa dan siswi Johor, turut hadir sama ialah Almarhum Tun Ismail bekas Timbalan Perdana Menteri dan isteri beliau Toh Puan Nor Ashikin serta bekas siswa dan siswi Johor yang bertugas di Kuala Lumpur.

Di kampus ini saya mula tertarik dengan seorang 'activist' yang hingga hari ini begitu terkenal -Anuar Ibrahim . Tetapi beliau telah meninggalkan kampus dua tahun lebih awal dari kemasukan saya ke Universiti. Jadi tidak sempat saya mengenal beliau dari dekat. Anuar memang terkenal di kampus sebagai pemimpin pelajar dan salah seorang bekas Presiden Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) yang radikal dan agresif dalam memperjuangkan isu-isu nasional.

Kebanyakan ahli PBMUM terdiri dari mahasiswa dan mahasisua (istilah untuk siswa yang telah lanjut umur) dari kawasan luar bandar seluruh Malaysia yang memang sentiasa menyaksikan kepincangan masyarakat Melayu dan penyelewengan beberapa pemimpin tertentu. Anuar Ibrahim banyak penyokong dan pengikut. Walaupun sudah hampir 10 tahun beliau telah meninggalkan Universiti Malaya, pengaruh dan penyokong beliau di kalangan siswa dan siswi masih kuat dan bertambah kuat. Setelah saya sendiri dipilih dengan suara majoriti menyandang jawatan Presiden PBMUM dalam tahun 1972, baharulah saya berpeluang bertemu dan berkenalan dengan saudara Anuar Ibrahim.

DIPILIH JADI PRESIDEN PBMUM

Sejarah Persatuan PBMUM ini memang cemerlang. Dari detik kelahirannya (ketika Universiti Malaya di Singapura lagi iaitu pada tahun 1950an) PBMUM banyak mencatatkan sejarah dalam perjuangannya. Diantara bekas pemimpinnya (selain dari Anuar Ibrahim) ialah Profesor Engku Aziz sendiri, Musa Hitam (Menteri Pelajaran), Nordin Selat (Bekas Setiausaha Politik Dato Samad Idris), Abdullah Haji Ahmad (Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan) dan lain-lain lagi.

Dan bukanlah mudah untuk dipilih menjadi pemimpin Persatuan yang nasionalis, radikal dan agresif seperti PBMUM. Ia memerlukan berbagai 'criteria' dan keupayaan peribadi yang tersendiri. Siswa-siswa itu merupakan cendekiawan atau intelektual yang matang dan bijaksana. Di kalangan mereka terdapat berbagai-bagai fahaman - nasionalis, sosialis, puak kiri, puak kanan bahkan ada juga 'marxis' (ukuran ini tidak mencampurkan siswa dan siswi bukan Melayu yang kebanyakannya menjadi ahli UMSU).

Justeru prestasi PBMUM yang unggul itu, saya benar-benar bangga berjaya menjadi salah seorang dari Presidennya. Waktu di kampus saya menginap di Asrama ke 4. Saya berjaya mengumpul tenaga beberapa orang siswa dan siswi menyediakan strategi kempen. Beberapa malam sebelum pengundian diumumkan, poster-poster yang menyokong saya tertampal di semua fakulti terutamanya di sekitar 'Art-Concourse' tempat kebanyakan siswa dan siswi Melayu lalu lalang, duduk berihat atau mengulangkaji nota-nota kuliah mereka.

Saya juga menerima sokongan dari beberapa orang siswa dan siswi dari Fakulti Perubatan, Undang-undang dan Sains.

Mungkin kerana setengah dari mereka sudah mendengar tentang latar belakang saya (poster-poster saya memang ada menyebut saya bekas tahanan ISA serta kegiatan saya dalam politik dan perfileman) ianya menjadi antara sebab-sebab saya dianggap pemimpin pelajar yang sanggup berjuang untuk kepentingan PBMUM.

Pada hari Ahad di pertengahan bulan Jun, 1972, pemilihan bagi semua jawatan dalam PBMUM dilangsungkan di Dewan Kuliah F, dewan kuliah yang terbesar sekali di kampus Universiti Malaya. Dewan penuh sesak. Bilangan siswa dan siswi yang hadir melangkaui angka 1,000.

Untuk pilihan Yang diPertua (Presiden) dijalankan, calon-calon yang berkenaan diminta meninggalkan dewan supaya pengundian dapat dijalankan dengan bebas (tiga calon yang bertanding untuk jawatan Presiden). Setelah pengundian dijalankan, calon-calon dijemput masuk. Sebaik-baik sahaja saya memasuki dewan itu, saya diberi 'standing ovation' (tepukan gemuruh) seolah-olah menyambut kedatangan seorang pemimpin baru. Di tengah-tengah tepukan itu, saya bersalaman dengan penyokong-penyokong saya. Pilihan untuk jawatan-jawatan lain diteruskan hingga selesai.

Bolehlah dikatakan, kebanyakan Jawatankuasa PB — MUM tahun 1972-1973 disandang oleh siswa dan siswi dari Kelantan. Satu keistimewaan anak-anak Kelantan, mereka sentiasa cuba mengumpul 'orang-orang'

mereka untuk merebut apa juga peluang atau jawatan yang dipertandingkan di kampus. Watak kedaerahan mereka agak ketara.

Dalam ucapan saya setelah dilantik, saya hanya berterima kasih diatas kepercayaan penyokong-penyokong saya dan ikrar saya untuk berbuat apa sahaja untuk kebaikan, kebajikan siswa dan siswi khususnya dan rakyat di luar kampus amnya.

Perkembangan dan pergolakan yang berlaku di kampus dari tindak tanduk perjuangan PBMUM adalah satu naratif yang panjang. Untuk menyingkap kembali sejarah pergerakan para mahasiswa kita ini, saya sedang mengumpul semua bahan dan maklumat yang akan dibukukan sebagai buku yang tersendiri. Saya akan cuba menulis perjuangan seluruh pelajar itu melalui PBMUM yang merupakan teras sejarah atau induk semua macam pergolakan para pelajar nasional, sehinggalah Parlimen Malaysia meluluskan 'Akta Kolej Universiti' (University College Act). Akta ini telah melumpuhkan kebebasan bersuara dan bertindak dalam kampus atas sebab-sebab keselamatan negara. Buku saya itu akan saya beri judul 'Pergolakan Mahasiswa Nasional dan Akta Kolej Universiti'.

Sepanjang-panjang tahun saya menjadi Yang DiPertua PBMUM 1972-1973, beberapa peristiwa penting berlaku dan beberapa projek dilaksanakan.

Dalam isu nasional misalnya, satu tunjuk perasaan yang besar telah tercetus atas isu Kolej Tuanku Abdul Rahman. Lain-lain isu ialah isu rasuah, isu Tan Sri Abdullah Ayub jadi Canselor Universiti Kebangsaan, isu bahasa dan lain-lain lagi.

Dalam projek kebajikan pula, telah dijayakan per-tunjukkan wayang gambar, pementasan-pementasan untuk derma mangsa pelanggaran keretapi di Lemal, Kelantan dan kematian beberapa orang siswa dalam kemalangan jalanraya dan pertolongan cemas kepada ahli-ahli. Lawatan Jawatankuasa PBMUM ke Indonesia dan perjuangan untuk mendapatkan biasiswa para pelajar yang tidak menerima sebarang biasiswa dan sebagainya.

Bolehlah dikatakan kejayaan perjuangan PBMUM ini hasil dari sokongan dan kerjasama semua Persatuan-Persatuan Institusi Pengajian Tinggi seperti I.T.M., U.T.M., U.P.M. dan lain-lain lagi yang mempunyai pendekatan yang hampir serupa dengan PBMUM.

Satu hal yang patut saya sebutkan, dalam keasyikan menunaikan tugas-tugas PBMUM, saya jarang sekali menghadirkan diri ke kuliah. Dan kerana kebanyakan pensyarah Melayu itu tahu apa yang saya buat, mereka terpaksa tutup mata sebelah. Ketiadaan saya di dewan kuliah dapat saya atasi dengan meminta diantara rakan yang mengambil kursus yang sama supaya memberikan salinan isi kuliah yang disalin itu kepada saya (samaada ditaip atau ditulis). Demikian yang selalu sangat saya lakukan. Kalau ada 'assignment' yang memerlukan masa dan penyelidikan, saya banyak bergantung kepada teman pelajar yang bersimpati.

Mengenai 'tutorial' yang wajib pelajar-pelajar hadir (tutorial ini akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan antara 20-30 orang dan diwajibkan hadir) selalu sahaja saya mencari 'excuse' atau alasan tidak boleh hadir - kerana saya tidak bersedia untuk menjawab soalan-soalan 'tutor' yang dipetik dari kuliah. Saya hanya bersungguh-sungguh mengulangkaji semua kuliah-kuliah itu 6 bulan sebelum peperiksaan.

Method atau cara saya belajar begini memang berjaya bagi saya. Saya mempunyai 'concept' atau formula yang tersendiri. Dalam peperiksaan tiap-tiap tahun sepanjang kursus 3 tahun itu, formula yang sama saya gunakan. Saya akan mengulangkaji setiap isi kuliah yang diberi dari penggal 1 hingga 3 secara objektif dan mengingati isinya untuk peperiksaan. Saya mulai ulangkaji (revision) pada penggal terakhir iaitu lebih kurang 4 bulan sebelum peperiksaan. Dengan izin Allah, saya lulus dalam tiap-tiap peperiksaan selama kursus 3 tahun itu.

PBMUM: SATU INSIDEN YANG TAK DAPAT DI— LUPAKAN

Adalah menjadi satu penghormatan bagi saya dipilih menjadi Yang DiPertua Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya dan memimpin ahli-ahli yang terdiri dari pelajar-pelajar yang bakal menjadi pemimpin dan pentadbir negara. Ia merupakan satu pencapaian prestasi yang murni.

Saya beranggapan PBMUM ialah satu pertubuhan yang ahli-ahlinya terdiri dari gulungan intelek nasionalis tulin. Dan 'trend' perjuangan PBMUM selaras dengan cita-cita nasionalis yang diperjuangkan oleh UMNO. Dan dalam tempoh saya menyandang jawatan Yang DiPertua PBMUM bukanlah menjadi rahsia lagi, saya sering pergi menemui pemimpin-pemimpin UMNO seperti Musa Hitam, (ketika beliau menjadi Timbalan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia), Dato Harun bekas Menteri Besar Selangor dan lain-lain lagi.

Kepada mereka ini saya memberi taklimat mengenai isu-isu semasa, rancangan-rancangan untuk menganjur tunjuk perasaan menentang dasar Kolej Tuanku Abdul Rahman, rasuah, perlaksanaan dasar-dasar kebangsaan dan petanda-petanda anti Malaysia orang-orang bukan Melayu. PBMUM meminta kerajaan supaya tidak salah tafsir tindakan-tindakan jujur oleh PBMUM dalam menganjurkan demonstrasi-demonstrasi dari masa ke masa.

Yang menggalakkan, ialah sokongan Musa Hitam dan Dato Harun secara batin, merestui tindakan-tindakan PBMUM kerana sebagai persatuan yang dianggotai oleh para intelek Melayu yang ada kuasa 'autonomas' pada masa itu, tindak tanduk PBMUM tidak boleh berterang-terang dikatakan arahan dari UMNO di luar kampus. Dan bila PBMUM bertindak UMNO tidak perlu rasa curiga kerana sudah ada persefahaman atau 'understanding' terlebih dahulu.

Cuma dalam satu peristiwa yang PBMUM tidak dapat bertolak ansur dengan UMNO. Dan ini telah mengakibatkan satu tunjuk perasaan yang terbesar, gabungan para pelajar dari semua Institusi Pengajian Tinggi di Kuala Lumpur (1973). Ketika itu YAB Dato Hussien Onn Perdana Menteri menjadi Menteri Pelajaran. Dalam krisis itu, beliau tidak mahu bertemu dengan para pelajar untuk memberi penjelasan atas isu Kolej Tuanku Abdul Rahman. Beberapa pertemuan rombongan pelajar dengan beliau dan pegawai-pegawai kanan di Kementerian tidak berjaya mengatasi perbezaan pendapat.

Secara peribadi, saya tidak bertujuan membuat sesuatu yang boleh menimbulkan pengisiran antara PBMUM dengan kerajaan yang dipimpin oleh UMNO.



Dato Musa Hitam, Menteri Pelajaran. Satu masa dahulu dianggap 'Young Turk' dalam UMNO. Saya tidak nampak benarnya anggapan bahawa beliau adalah seorang 'leftist'. Mungkin beliau 'centre-rightist'.

TAHANAN ISA KALI KEDUA - 1975.

Saya menerima ijazah Sarjana Muda Terpuji bahagian rendah (B.A. Honours Lower Division) dalam bulan Julai, 1974. Satu detik peristiwa yang sangat saya banggakan ke akhir hayat. Gambar warna indah Canselor Universiti Malaya (Sultanah Kedah, bekas Permaisuri Agung) menyampaikan 'scroll' itu ada tergantung di ruang tamu rumah saya. Ia merupakan satu hiasan yang jadi kebanggaan saya sekeluarga.

Seperti yang saya sebutkan dalam buku '12 TAHUN BERSAMA SARIMAH' saya meletakkan jawatan di 'Income Tax Kuantan (selepas lulus dari Universiti Malaya) ini untuk memasuki pilihanraya di Pekan sebagai calon bebas. Saya kalah dengan 400 undi sahaja. Allahyarham Tun Razak sangat kuat membantu calon Barisan Nasional iaitu sepupu saya Puan Shamsiah Dato Abdul Hamid.

Selepas pilihanraya, saya menganggur beberapa ketika. Diketika yang sama, hubungan saya dengan rakan-rakan dalam UMNO tetap baik (waktu bertanding di Pekan, saya memegang jawatan Pengerusi UMNO Kampung Kerinci dan ahli jawatankuasa

Bahagian Damansara). Dengan jasa baik Megat Jonid bin Megat Ayub, ketika itu Setiausaha Politik Dr. Mahathir (Menteri Pelajaran waktu itu) saya telah bertemu dengan Dr. Mahathir sendiri. Atas simpati beliau, saya diberi jawatan guru sementara di Sekolah Ahmad Pekan. Satu bulan sahaja mengajar, saya ditukar ke Kuantan atas tekanan beberapa orang UMNO Pekan yang marah saya bertanding melawan calon Barisan Nasional dahulu.

Saya tidak dapat bertahan lama mengajar di Kuantan. Satu surat yang panjang saya kirimkan kepada Dr. Mahathir. Saya meletakkan jawatan guru itu. Saya hanyut lagi tanpa pekerjaan tetap. Buat 'stage show' bawa artis dari Indonesia, gadai tanah dengan bank untuk modal tubuhkan Persatuan BAPAK (Badan Pengembangan Kebudayaan, Kebajikan, Pelajaran Kebangsaan) dan terus aktif dalam bidang kebudayaan.

Saya selalu berulang alik dari Pekan ke Kuala Lumpur dan Kota Bharu dengan berbagai tugas urusan berniaga. Satupun tidak yang dapat dikatakan berjaya.

Dalam buku '12 TAHUN BERSAMA SARIMAH', ada menyebut saya ditahan kali ke dua di saat para pelajar yang bergabung, menunjuk perasaan secara besar-besaran (1975). Isu yang mencetuskan demonstrasi itu ialah apa yang dituduh oleh para pelajar 'kebuluran' yang berlaku di Baling Kedah.

Kali ke dua saya ditahan ini dapat saya anggap, retak mencari belah. Pihak yang merasa tidak dapat menelan segala pendedahan saya dalam kempen 1974 itu sememangnya mencari alasan yang sesuai untuk mem-berkas saya sekali lagi. Dan peristiwa demonstrasi atas isu Baling itu jadi alasan yang dianggap halal menahan saya lagi — semata-mata kerana pihak yang

berkenaan nampak saya berkereta melalui kampus semasa para pelajar sedang berkumpul di pintu besar masuk ke kampus dari arah Jalan Bangsar.

Dalam penahanan ini, (Disember 1975) saya dibawa ke Balai Polis High Street. Saya dibawa dari rumah di Pekan ke Kuala Lumpur oleh Inspektor Shamsuddin dari Bahagian Khas yang bertugas di Pekan. Tiba di balai polis itu, saya dibawa masuk ke bahagian belakang bangunan itu melalui satu lorong yang bertutup. Sebelah kiri lorong itu mengandungi lima bilik lokap berjaring. Lokap ini juga bertutup kecuali satu lubang untuk pengawal 'mengintai' apa yang sedang dibuat oleh orang yang ditahan.

Saya berjalan dengan iringan seorang detektif berpakaian biasa melalui lokap demi lokap. Apabila melintasi lokap yang pertama, saya sengaja menjengah siapa ada di dalam. Alangkah terkejutnya saya, di lokap itu kelihatan saudara Anuar Ibrahim. Saya lantas memberi salam kepada beliau.

"Bila you kena Anuar?" tanya saya.

"Sudah seminggu. You pasal apa?" Anuar bertanya kembali. (Beliau sedang duduk di atas pangkin dalam 'cell' tersebut)

"Polis nampak I lalu di kampus."

"Itu sahaja?" balasnya.

"Ya. Itu saja."

"Masya Allah!" keluh Anuar.

"Tak apalah, kita ada saing yang lain di sebelah," kata Anuar lagi.

"Siapa?"

(Mujur detektif tadi memberi peluang saya berbual cepat dengan Anuar.)

"You tengoklah!"

“Okay Anuar, nanti kita simbang lagi.”

“Inshaallah” ujar Anuar.

Saya melambatkan langkah. Betul. Di sebelah ‘cell’ Anuar kelihatan saudara Syed Hussien Ali, bekas Ketua Jabatan Sosiologi/Antropologi Universiti Malaya. (Kini sudah bebas kembali dengan syarat).

Beliau sedang duduk bersandar ke tembok. Saya tidak menyapa beliau dan terus maju lagi. Sampai ke ‘cell’ ke tiga itu, detektif itu membuka pintu ‘cell’ tersebut dan mengarahkan saya masuk.

Kerana tahanan kali ini merupakan kedua kali bagi saya, tidaklah saya terasa rimas sangat jika dibandingkan dengan penahanan kali pertama dahulu. Lagipun, kali ini saya tidak keseorangan. Ada tokoh-tokoh yang terkenal sama ditahan. Dalam lokap, saya melenggong sambil memandang keliling. Tiba-tiba saya terpandang tulisan yang diguris dengan paku. Tulisan itu jelas berbunyi “Raja Shamsul Bahrin ditahan pada.....sehingga.....” Saya kira orang yang ditahan itu dibebaskan setelah ditahan seminggu sahaja. Beliau ini, (saya dengar namanya sahaja) bertugas sebagai Ketua Jabatan Ilmu Alam, Universiti Malaya dan adik kepada Datok Raja Alias orang kuat Felda. (Profesor Syed Hussein Ali dan beberapa pensyarah lain ditahan kerana ucapan mereka kepada perhimpunan mahasiswa sebelum tercetusnya tunjuk perasaan, mengenai isu Baling).

Dari hari pertama itu, Syed Hussein Ali, Anuar dan saya sering dapat keluar dari bilik ‘cell’ masing-masing. Dapatlah kami berbual, bertanyakan berita masing-masing. Kami tidak pula ada memperkatakan soal-soal politik - kalau ada hanya sepintas lalu. Anuar Ibrahim tidak duduk diam dan membuang masa. Kalau

saya melintas di hadapan bilik 'cell'nya, dia khusus membaca terjemahan Al-Quran. Syed Hussein membaca buku. Yang lebih jelas diantara kami bertiga ialah, kalau kami sembahyang Magrib, Isya' dan Subuh, suara bacaan kami lantang mengalun ke seluruh bilik tahanan itu. (Syed Hussein sembahyang senyap-senyap). Datuk-datuk yang bertugas, bertimbang rasa dan menghormati kami. Kalau tiada pegawai datang, kami bebas keluar lokap dan bersimbang. Kalau pegawai datang, lebih dahulu bilik menuju ke ruangan 'corridor' bilik tahanan itu diketuk atau dipicit suis tanda ada pegawai datang. Masa itu, kami yang sekali sekala dibenar berada bersama-sama di luar lokap masing-masing bergegas-gegas masuk ke bilik dan datuk-datuk pengawal segera mengunci lokap kami masing-masing.

Syed Hussein jelas sekali amalan sosialismunya. Hampir setiap hari isteri beliau, Puan Sabariah (seorang guru) datang membawa nasi dan lauk (selalunya ayam goreng). Kalau saya dengan Anuar sedang bersembahyang, Syed Hussein akan menunggu sehingga selesai kami sembahyang untuk makan bersama-sama.

Anuar dan saya hanya dapat 'ration' balai polis sahaja kerana saudara mara jauh. Syed Hussein selalunya akan membahagi-bahagikan ayam goreng itu sama banyak antara kami bertiga.

Lebih kurang seminggu saya ditahan di situ, saya diperintah bertukar tempat. Khabarnya, bilik lokap saya itu mahu digantikan dengan orang baru, bangsa China.

Sayapun pindah ke lokap di belakang bangunan Balai Polis itu. Saya dapati, lokap itu sedia penuh sesak dengan semua jenis penjenayah. Saya telah diberitahu, oleh kerana kekurangan tempat, tahanan politikpun



Kepintaran Tan Sri Ghazali Shafie tidak dapat ditan-
dingi oleh mana-mana pemimpin UMNO. Cuma beliau
kurang sokongan dari bawah 'grassroot-level'. Beliau
adalah tergulung sebagai 'Negarawan of International
Standing.'

terpaksa diletakkan di lokap jenayah. Anuar Ibrahim pun terpaksa ke situ selama seminggu pada mula-mula beliau ditahan. Saya tidak tahu, selama seminggu itu, Anuar juga terpaksa mandi telanjang dan menggunakan tandas yang sama digunakan oleh penjenayah-penjenayah lain di situ.

Saya ditempatkan disalah satu lokap, berdua dengan seorang pelajar Universiti Malaya yang terlibat dengan tunjuk perasaan isu Baling itu. Nama teman selokap ini Hamzah, siswa kursus UndangUndang tahun tiga.

Selain dari Hamzah, ramailah pemimpin-pemimpin pelajar dari I.T.M dan U.K.M. Diantara yang terkenal ialah Ibrahim Ali, Abdul Rahman Rokaini, Gordial Singh (peguam) dan Lim Mah Hui (pensyarah di Universiti Malaya). Sebelum mereka dipindahkan ke Balai Polis High Street, pemimpin-pemimpin pelajar ini telah ditahan beberapa minggu di Lokap Jalan Campbell.

Kami dari kalangan 'tahanan politik' tidak pula dicampurkan selokap dengan penjenayah sosial- perogol, pencuri, penyamun, kaki dadah, pecah rumah dan sebagainya walaupun kami semua dalam bangunan yang sama.

Saya dan pelajar-pelajar tadi ditahan di lokap ini selama 60 hari, sehingga masing-masing dibebaskan atau ditahan terus di kem tahanan politik di Kemunting, Perak.

Sesuatu yang lucu mengenai lokap High Street ini ialah banyaknya pijat-pijat yang terdapat di tiap-tiap bilik lokap. Hamzah dan saya tidak dapat lelap tidur tiap malam. Siang hari pijat-pijat ini tidak kelihatan. Gelap sahaja, kita akan tergaru-garu. Kalau tidur tanpa seluar dalam 'pak dol' pun bengkak disengatnya.

Pijat-pijat ini bukan merayap, tetapi menjatuhkan diri dari atas celah-celah siling, seolah-olah komando payung terjun. Kami gelar pijat-pijat ini, pijat-pijat CID yang seolah-olah sengaja diberi tugas khas menyengat penghuni lokap. Untuk mengelakkan diri dari pijat-pijat ini, kami berdua bentang suratkhbar yang tidak dibaca lagi di atas simin, di bawah pangkin dan disitulah kami dapat tidur lelap sedikit.

Tahanan politik seperti kami, diberi sedikit hak istimewa. Umpamanya, lokap-lokap kami para pemimpin pelajar, tidak dikunci. Kami juga diberi kebebasan keluar untuk mandi dan mengambil wuduk (air sembahyang). Tiap waktu, kami bersembahyang berjumaah. Imamnya ialah Abdul Rahman Rokaini. Pelajar-pelajar dari U.K.M ini siap dengan tukang bilal sekali. Bergemalah lokap itu dengan suara azan. Suara si bilal itu merdu, kuat dan lantang. Datuk-datuk (polis) yang bertugas, menghormati kami. Sekurang-kurangnya kerana kami ini bersembahyang.

Insiden-insiden yang lucu memang tidak dapat dilupakan. Mereka yang ditahan kerana kesalahan jenayah, tidak diberi peluang langsung. Mereka tidak bebas keluar masuk kecuali dalam masa yang tertentu. Kerana itu, bila mereka terasa mahu kencing, mereka hanya mengeluarkan 'dol'nya dan menghulurkan 'dol'nya di celah batang-batang besi lokap. Kita orang yang berada di sekeliling lokap itu mahu tidak mahu 'terhibur' juga dengan pandangan babak lucah itu.

Dan ada diantara penjenayah ini (mereka di lokap sementara menunggu hari perbicaraan) sudah biasa keluar masuk lokap dan sudah biasa keluar masuk Pudu. Bila sahaja ada penjenayah baru masuk, penjenayah yang senior dan 'seasoned' itu pun bertanya.

Perbualan penjenayah India dengan penjenayah China

"Hei, lu apa kes?"

"Kes rape (rogol)"

"Bila bicara?"

"Gua tak tau. Lagi siasat."

"Bila lu kena?"

"Last Sunday."

"Mana tempat?"

"Estate Rawang."

"Lu rape siapa?"

"China."

"Berapa umur dia?"

"17 tahun."

"Berapa kali?"

"Satu."

"Apa macam? Itu girl reportkah?"

"Lain orang nampak."

"Oh, kalau lain orang tak ada tengok, lu savelah."

"Ialah, dia syok sama aku."

Si China itu bertanya pula,

"Hei, lu nama apa?"

"Thomas."

"Thomas, lu ingat gua kena berapa tahun?"

"Hei, lu jangan susah. Lu panggil lawyer Karpal Singh. Dia tau apa macam mau defend lu. Kalau lu nasib baik, lu tak ada kena cane (rotan). Lu tak usah hati susah. Ini kes guaranti Karpal Singh boleh tolong. itu girl suka sama lu, mesti lepas punya."

"Mana lu tau?"

"Lu apa cakap, saya sudah 7 kali Pudu tinggal."

"Lu cakap sama lu punya lawyer, itu girl lu punya lover dan mahu kahwin sama lu. Lu tak ada force (paksa) sama dia.

Suka sama suka. Dia syok punya pasal."

"Yalah!"

Pendek kata berbagai 'character' dapat ditemu di lokap itu. Penagih dadah dan pengedar dadah merupakan jumlah terbesar dari penjenayah-penjenayah tersebut. Beberapa orang dari mereka sudah bicara dan dihukum penjara beberapa kali, tapi masih terus melakukan kesalahan yang serupa.

Golongan ini bukan sahaja tahu berapa tahun mereka akan dipenjara dan dirotan tapi boleh menentukan di bawah 'section' yang mana satukah mereka akan dikenakan tuduhan. Dengan begini, lokap High Street yang sudah berumur dari zaman penjajah itu sentiasa hingar bingar dengan soal jawab diantara pendatang baru dengan kaki masuk penjara yang berlagak sebagai peguam atau pendakwaraya yang tidak bertauliah.

Di kalangan kami yang ditahan itu juga termasuk seorang peguam — Gordial Singh, bekas seorang 'magistrate' (kini Gordial Singh jadi peguam di Johor Bahru). Gordial Singh yang beristerikan perempuan Inggeris itu tidak sombong dan dapat menyesuaikan dirinya dengan keadaan di lokap itu. Dia sentiasa bermesra dengan penjenayah-penjenayah dan memberi mereka nasihat, perangsang dan bersedia menjadi peguam mereka jika dia (Gordial Singh) dapat bebas segera.

Makanan di lokap itu ala kadar supaya kita tidak lapar sahaja. Pagi minum air kopi dan sekeping roti tawar. Tengahari, nasi bungkus seragam. Nasi bungkus beras hancur yang tidak ditanak dengan sempurna dengan sekerat anak ikan kembung goreng atau gulai tanpa sayur. Ada masa, kalau ikan tawar tak ada, diganti dengan dua ekor anak ikan selar kuning kering. Itulah jenis 'ration' yang kami santap sehingga kami meninggalkan lokap itu.

Sebahagian dari pemimpin-pemimpin pelajar itu ditahan lebih awal dari saya. Genap 60 hari, kebanyakan mereka pun dibebaskan. Ini termasuk Gordial Singh dan Lim Mah Hui, Pensyarah di Universiti Malaya. Ibrahim Alilah yang kelihatan begitu gelisah kerana hampir semua rakan-rakannya telah dibebaskan. Dia gelisah kenapa tidak dibebaskan seperti rakan-rakan yang lain.

Cukup dua bulan, saya pun dibebaskan dengan beberapa syarat. Diantaranya syarat-syarat itu, tidak boleh meninggalkan Pekan, Pahang tanpa izin polis. Mesti lapur diri di Balai Polis Pekan tiap-tiap awal bulan. Tidak boleh melibatkan diri dalam Kesatuan Pelajar Universiti Malaya, mana-mana persatuan atau pertubuhan politik. Jika mahu keluar dari daerah Pekan, mesti beritahu polis seminggu lebih awal. Jika polis di tempat yang hendak dituju itu membenarkan, luluslah permintaan itu. Jika tidak, tak boleh ke mana-mana. Saya terima semua syarat-syarat itu.

Di hari saya dibebaskan itu juga, Ibrahim Ali menerima perintah ditahan terus di kem tahanan politik di Kemunting, Perak. Saya lihat menitis airmata Ibrahim Ali. Mungkin beliau baru pertama kali ditahan begitu lama. Ibrahim memang dikenal umum terutama di kalangan pelajar sebagai pemimpin pelajar yang agresif dalam pidatonya dan gemar mencabar. Beliau jadi lebih terkenal dalam krisis politik PAS yang berakhir dengan kejatuhan PAS di Kelantan dahulu.

Sebelum pulang, saya sempat pergi menemui Anuar Ibrahim dan Syed Hussein Ali. Anuar memberikan saya sehelai kain pelikat kepunyaannya sebagai tanda kenangan. Kami berpelukan. Ya, sehingga hari ini saya masih berkawan mesra dengan pemimpin ABIM ini.

Pada saya, ketokohan dan integriti Anuar sukar di-
tanding walau di kalangan pemimpin negara. (Dalam
siri '4 BULAN DALAM BURUAN' saya ada mencerita-
kan jasa baik Anuar kepada keluarga saya.)

Anuar dan Syed Hussein turut juga terlibat dalam
perintah ISA untuk terus ditahan di Kemunting, Perak.
Anuar dan Syed Hussein adalah dua orang tokoh
pemimpin yang penuh dedikasi dan prestasi mereka
menepati perjuangan mereka.

Saya tidak pernah menjadi ahli PSRM atau ABIM.
Namun saya sangat menghormati pemimpin-pemimpin
mereka seperti Syed Hussein Ali, Kassim Ahmad dan
Anuar. Cuma masa dan ketika belum sampai untuk
mereka membuktikan objektif perjuangan masing-
masing.

Perintah menahan terus mereka ini disambut dengan
tenang oleh kedua-kedua Anuar dan Syed Hussein.
Di pagi mereka akan bertolak, saya ada bersama.
Lebih-lebih kepada Anuar, saya sungguh merasa sangat
kagum. Dia sungguh tenang, sungguh beriman dan penuh
dengan keyakinan pada kebenaran perjuangannya.

Pernah, diketika saya merasa risau dan susah hati,
kepada Anuarlah saya meminta nasihat. Anuar sentia-
sa memberi perangsang yang dengan segera dapat
meringankan kerisauan saya.

"You tak usah susah. Mereka itu 'guilty-conscious'
kerana menahan kita. Kita seorang tapi mereka meng-
gunakan satu undang-undang negara untuk menahan
kita. Kita dipihak yang benar. Kerana kita dipihak yang
benar, maka Allah akan menolong pihak yang benar."

“Pilihan kita ialah antara Abu Lahab atau Nabi Muhammad S.A.W. Kita pilih Nabi Muhammad bukan Abu Lahab!!”

Itulah ungkapan nasihat Anuar bila saya mengatakan saya risau. Kami berpisah buat sementara. Anuar, Syed Hussein dan Ibrahim meneruskan perjalanan ke kem tahanan di Kemunting. Di sana sudahpun menunggu Kassim Ahmad yang juga telah ditahan dalam waktu demonstrasi dahulu.

Saya pulang ke Pekan, Pahang. Rupanya dalam masa ketiadaan saya, anak-anak saya telah ditukar sekolah ke Kuala Lumpur oleh ibu mereka. Saya bawa mereka balik bersekolah di Pekan.

Syarat-syarat pembebasan saya itu menjadikan saya seolah-olah seorang tawanan pula. Tidak dalam penjara tetapi dalam lengkungan daerah yang sunyi dan terpencil seperti Pekan.

Dalam masa kuatkuasa perintah itu, saya tetap berusaha menulis surat kepada Tun Razak, Perdana Menteri dan Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Dalam Negeri, supaya syarat-syarat itu ditarik balik dan saya dapat peluang mencari pekerjaan di mana juga.

Tiap awal bulan saya melapurkan diri di Balai Polis Pekan. Beberapa kali, setelah dapat kebenaran, saya pergi ke Kuala Lumpur dan Melaka kerana sesuatu urusan. Satu ketika, saya tinggal di Kuala Lumpur lebih dari masa yang dihadkan. Nasib baik ada Encik Yahya Yeop, Pegawai Kanan Polis menyelesaikannya. Kalau tidak, saya harus ke lokap lagi. Demikian, dengan adanya syarat-syarat itu, pergerakan saya sangat terhad dan tersekat. Ini sungguh mengganggu fikiran dan jiwa saya yang semakin memberontak.

Surat demi surat, telegram demi telegram saya hantarkan kepada Tun Razak dan Tan Sri Ghazali. Saya jadi begitu sangat 'frust' dan keciwa. Saya tidak ingat tarikh yang tepat, apabila saya terbaca Tun Razak akan ke Australia kerana lawatan resmi. Saya telah menghantar satu telegram 'direct' ke Seri Taman.

Saya katakan, segala perbuatan yang zalim kepada saya tetap di dalam perkiraan Allah. Tidak di dunia di akhirat Tun dan saya akan bertemu Hakim yang maha adil.

Saya percaya, telegram itu telah diterima oleh Allah-yarham itu sebelum Tun bertolak ke Australia (di mana beliau telah dikecam oleh pelajar-pelajar Malaysia di Australia, yang menunjuk perasaan kerana membantah layanan kerajaan kepada pelajar.)

Tan Sri Ghazali menandatangani perintah menarik kembali semua syarat-syarat yang telah dikenakan terhadap saya selepas beberapa bulan, setelah Tun Razak meninggal dunia. Saya pun bebas seperti burung yang terbang, seperti manusia normal, bebas seperti sediakala.

Saya akui watak saya agak 'anarchist'. Demikian itu, sukar sekali peluang saya untuk makan gaji. Ada tak ada, satu tawaran bekerja sebagai seorang Pegawai Executive di Genting Highland telah ditawarkan kepada saya dengan jasanya baik DYMM Sultan Pahang yang kenalkan saya secara peribadi. Pada mulanya keadaan saya begitu mendesak. Saya terima jawatan itu. Pergi periksa doktor. Tiga hari, sebelum melapurkan diri, saya menolak tawaran tersebut atas nasihat kawan yang 'prejudice' dengan jenis perniagaan di Genting Highland itu.

Berbagai-bagai pekerjaan saya buat. Diantaranya mengajar 'part-time', menganjurkan pertunjukkan pentas, jual beli tanah untuk meneruskan hidup dan memelihara anak-anak saya yang pada masa itu masih dalam pemeliharaan saya di Pekan, Pahang.

Saya masih juga sangat berminat dalam politik. Permohonan saya untuk menjadi ahli UMNO di Pekan tidak disokong oleh pemimpin UMNO Bahagian itu kerana saya pernah bertanding (walaupun sebagai calon bebas) menentang calon Barisan Nasional. Mereka menganggap saya seorang 'personal-non-granta' dalam UMNO.

Saya masih penuh semangat dan berazam satu waktu nanti akan dapat aktif kembali dalam politik tanah air. Sebagai seorang 'nationalist,' saya masih yakin dapat memberi sumbangan kepada bangsa dan negara melalui politik. Hak berkhidmat kepada Negara bukan hak monopoli mana-mana golongan atau parti politik.

Kepincangan dalam negara tidak dapat dikaburi dengan cogankata-cogankata walaupun dengan memonopoli segala mass-media dan dengan kekuatan senjata kerana sudah jadi hukum alam, manusia akan tambah mengerti, faham dan dapat membuat perhitungan sendiri. Untuk ini kita perlu belajar membaca sejarah kejatuhan sesebuah negara. Tidak jauh -negara yang menjadi jiran tetangga kita.

Setiap orang yang insaf akan nasib bangsa dan negeranya di masa depan, berkewajipan dengan apa cara yang halal untuk menuju ke arah membentuk sebuah negara yang benar-benar ideal, bukan ideal untuk tembolok para pemimpin tetapi mengisi erti kemerdekaan yang seratus peratus demokrasi oleh

rakyat untuk rakyat dari rakyat kepada rakyat.

Pemimpin harus mengingati sendiri. Kita semua bukan 'infallible' hingga kita sanggup mendabik dada kita tidak bersalah. Kita ada kuasa dan takkan sesiapa boleh menyalahkan kita. Kita akan buat apa sahaja undang-undang atas nama demokrasi dan keselamatan negara semata-mata untuk membendung musuh politik satu demi satu. Rakyat menjadi semakin sempit penglihatannya, rakyat menjadi semakin sempit pendengarannya, rakyat kian menjadi sempit hidupnya dan rakyat kian sempit pemilihannya.

Ingat dan menolehlah kita lambaran sejarah Firaun yang sanggup mengakui dirinya tuhan akhirnya hancur, bukan oleh musuh tetapi binasa oleh dirinya sendiri. Kita sanggup menyiksa orang, menganiaya orang biar apa pun korbannya dan sengsara orang itu. Tetapi bukankah kita juga akan menemui siksaan, balasan mungkin bukan dalam bentuk yang biasa tetapi dalam bentuk yang luar biasa. Siksanya, apabila nyawa kita hendak diragut oleh Malaikul Maut melalui beberapa proses yang dapat kita dengar dan lihat dengan dua mata kepala sendiri.

Demikian itu pegangan saya. Pegangan ini saya kuatkan dengan rayuan kepada Allah S.W.T yang sangat mengetahui, maha adil dan maha penyayang.

Dia yang zalim akan terzalim juga.

Dia yang menghukum akan terhukum juga akhirnya.

Hingga Allah menghukum mereka yang menganiaya, saya serahkan segala-galanya kepada Mu,

YA ALLAH.

Itulah selingkar pengalaman pahit hidup saya yang banyak mengorbankan ketenteraman dan kebahagiaan hidup saya dan keluarga saya.

Sebuah lagi autobiografi berjudul '4 BULAN DALAM BURUAN' yang saya yakin sungguh 'suspense' dan 'tragic' akan saya persembahkan kepada saudara. Dan akan saya buktikan orang yang bertanggungjawab menjadikan saya seorang buruan atau 'fugitive'. Orang itu telah menerima akibat perbuatannya dan pembalasan yang sungguh menghina dan menghancurkan kedudukannya. Beliau adalah seorang yang angkuh dan menyalah guna kuasa.

PERISTIWA TENGKU MEMINTA SAYA MENEMUI DIA SELEPAS DIBEBAS— KAN.

Setelah saya menyelesaikan masalah keluarga di Pekan dan Kuala Lumpur (setelah masuk Universiti), saya pergi menemui Tan Sri Ghazali Shafie di pejabatnya di Bangunan Parlimen. Banyak nasihat yang diberinya supaya saya tidak menaruh dendam kepada siapa sahaja yang saya syaki bertanggung jawab memberi perintah menahan saya.

Selain dari peristiwa-peristiwa dalam zaman kampus, saya kerap berkunjung ke rumah UMNO Malaysia di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Diantara yang saya temui ialah Dato Senu Abdul Rahman, bekas Setiausaha Agung UMNO. Dato Senu dalam pertemuan itu menyampaikan pesan Tuanku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri, supaya saya dapat bertemu beliau di tempat kediamannya di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Oleh kerana beria-ia benar pesan Tengku itu, saya pun menetapkan hari dan tarikh saya akan pergi menemui Tengku.

Rupanya, dalam pertemuan saya dengan Tengku di tempat kediamannya, beliau mahu saya mencerita-

kan sepenuhnya tentang latar belakang peristiwa saya menalipun dia, meminta dia meletakkan jawatan dahulu (9.5.1969). Tengku hendak tahu siapa berdiri di belakang saya. Tengku mencadangkan supaya perbualan saya dengan beliau itu dirakamkan dalam pita 'tape recorder'.

Saya katakan pada Tengku, rakaman itu tidak perlu kerana saya akan menceritakan apa yang sebenarnya telah berlaku secara peribadi.

Sebagai tanda saya menghormati Tengku sebagai seorang pemimpin negara, dalam perbualan itu saya meminta maaf jika perbuatan saya itu benar-benar menyinggung Tengku. Namun begitu, saya juga bertanya kepada Tengku, apakah hukuman menahan saya di bawah Undang-Undang ISA merupakan tindakan yang manasabah dan berperikemanusiaan dan setimpal dengan kesalahan saya? Mestikah diakhiri penahanan saya dengan kemusnahan rumahtangga saya dan kehilangan anak-anak saya?

Tak payahlah saya menulis setiap patah kata-kata Tengku terhadap Tun Razak bekas Perdana Menteri. Menurut Tengku, penahanan saya adalah urusan Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri ketika itu.

Apa yang boleh saya ramalkan, ada komplot tertentu telah mengambil kesempatan untuk menutup rahsia gulungan mereka yang anti Tengku. Dan perbuatan saya menalipun Tengku dijadikan 'scape goat'. Penahanan saya telah dapat menghasilkan maksud komplot yang benar-benar mahu Tengku meletakkan jawatan. Mereka cuba mengalih sikap anti Tengku mereka kepada saya. Kononnya sudah tertangkap orang yang sebenarnya mahu Tengku digulingkan.

Takkanlah telefon Tengku suruh letak jawatan memerlukan mereka bertindak menggunakan Undang-Undang ISA! Kan saya boleh dibawa ke Mahkamah Awam sahaja. Kesalahan saya menalipun Tengku adalah tindakan 'straight-forward'. Anih!

Penahanan saya dan tuduhan berikutnya merupakan satu trajedi yang punya rahsia yang tersendiri yang belum masanya lagi dapat dihuraikan secara mendalam. Kerana Allah itu maha mengetahui dan maha berkuasa - satu demi satu sikap kezaliman (jika betul zalim) dibuktikan. Kerana saya juga banyak menunaikan sembahyang 'Tahjud' memohon pertolongan dari Allah supaya setiap yang zalim itu terhukum lambat laun dan sebenarnya ada diantara doa-doa saya telah dimakbulkan oleh Allah.

Kalau kita mengkaji sejarah perbuatan orang-orang yang zalim, tidak dapat tidak kita dapati, kezaliman itu berakhir dengan pembalasan. Cuma cara pembalasan itu berlainan masa, ketika, bentuk dan rupanya. Dan seorang penzalim yang menerima balasan dari perbuatannya, menerima siksa zahir batin yang tidak tertanggung, seperti kejatuhan darjat, pangkat, kuasa, maruah dan seterusnya mati tidak sempat bertaubat apatah lagi untuk mengucap dua Kalimah Syahadat. Pada masa mereka berkuasa, mereka terlalu angkuh hingga dunia ini mereka anggap kekal abadi dan seolah-olah pangkat dan kuasa mereka juga kekal abadi.

Mungkin ada orang berkata saya 'emotional'. Tapi apakah mereka yang pandai berkata itu dapat meletakkan diri mereka di tempat saya dan berkeupayaan mengawal emosinya?

Tengku Abdul Rahman sendiri (dalam pertemuan

empat mata), beliau tidak menyangka bahawa saya akan ditahan di bawah Undang-Undang ISA. Pada zahirnya, tindakan pihak yang mengarahkan penahanan saya itu seolah-olah mahu membela Tengku, tetapi Tengku sebagai pemimpin yang matang, dapat membuat penilaian tersendiri apakah di sebalik penahanan tersebut.

Proses tindakan menghancurkan nama dan masa depan saya masih diteruskan. Itulah sebabnya siri terakhir dari sisa hidup saya itu akan termuat dalam buku saya yang akan datang, berjudul '4 BULAN DALAM BURUANI'. Buku ini termuat dengan tindakan bekas Menteri Undang-Undang yang telah mengeluarkan tiga waran menangkap saya (serempak dalam satu hari) atas tiga tuduhan yang berasingan di bawah Undang-Undang 'Penal Code' (Jenayah). Dan kerana merasakan ketiadaan adil tindakan-tindakan yang berat sebelah ini, saya terpaksa lari menyelamatkan diri buat sementara waktu sehingga saya ditangkap semula di Selatan Siam. Dalam pelarian inilah berbagai-bagai kisah sedih yang benar-benar berlaku. Dalam pelarian inilah juga isteri saya melahirkan anak sulungnya. Dengan tindakan ini juga, pemergian saya ke London untuk mengikuti kursus Undang-Undang telah terpaksa dibatalkan walaupun biasiswa telah diluluskan dan dihantar ke London.

Adalah diharapkan buku ini akan dapat diolah tanpa sekatan. Kerana bekas Menteri Undang-Undang itu tidak lagi dapat menyalahgunakan kuasanya. Dia terpaksa meletakkan jawatan atas alasan kesihatan. Kalaulah dia tidak meletakkan jawatan, kerajaan pun sudah pasti bertindak memberhentikan dia dari jawatannya itu. Kalau BSN itu bebas menyiasat seperti apa yang telah dilakukan terhadap Dato Harun, mungkin Dato Harun akan tidak keseorangan.



Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan. Beliau adalah salah seorang pemimpin UMNO yang sangat disayangi oleh Allahyarham Tun Razak. Hubungan politik beliau dengan Dato Seri Dr. Mahathir tidak se-mesra yang dijangkakan.

Buku '4 BULAN DALAM BURUAN' akan dapat mencerminkan sikap penindasan beberapa individu yang punya kuasa, menindas saya kerana dendam yang tidak saya tahu bila berakhirnya. Buku yang harus dibaca oleh setiap orang yang punya rasa kemanusiaan sejagat.

Lagi pun, seandainya penahanan saya atas kesalahan menalipun Tengku, panggilan telefon itu sekadar meminta Tengku meletakkan jawatan.

"It's advisable for you to step down." (Terjemahan, "Adalah lebih baik Tengku meletakkan jawatan.") Apakah cakap seperti ini menghalalkan tindakan menahan saya di bawah Undang-Undang ISA? Dan saya ditahan dalam kurungan seorang diri sebegitu lama sehingga bekas isteri saya dapat melakukan segala-gala penyelewengan mendapatkan 'fasah' walaupun dengan merasuahkan Kadi sehingga saya menderita (hingga saat ini) kerana diserang 'risa' di dada sebelah kiri yang harus dibedah? Kenapakah mereka memejamkan mata atas semua ini?

Dan kebenaran hujjah saya ini telah saya buktikan dengan segala keterangan dalam 'MENCARI KEBENARAN - Sahkah Fasah Sarimah-Zulkifli?'

Anihnya, tiada tindakan dari Jabatan Ugama untuk bertindak di atas buku ini. Walaupun ianya menjejaskan nama baik Jabatan Ugama Islam Selangor sendiri khususnya. Demikianlah proses perlaksanaan keadilan di negara kita ini.

Seterusnya, jika benar saya mengugut nyawa Tengku Abdul Rahman seperti yang dituduh, kenapa orang seperti Zakaria Ahmad, bekas Setiausaha Peribadi Tun Razak tidak ditahan sama? Padahal dia juga turut

bekerjasama untuk membolehkan saya menalipun Tengku? banyaklah persoalan atau teka teki yang menyelubungi rahsia penahanan saya, hanya sejarah yang mungkin dapat menyingkap mistrinya.

Kemudian, dalam penahanan saya yang ke dua (1975) di bawah Undang-Undang ISA juga (selama dua bulan). Akibatnya, anak-anak saya terpaksa kembali kepada ibu mereka. Apakah tindakan ini juga adil?

Kerana saya tidak bersalah, lalu mereka telah membebaskan saya selepas 60 hari saya ditahan. Pihak polis telah menyoal berhabis-habisan, menyiasat secara bersungguh-sungguh samada saya ada terlibat dalam rancangan mengadakan tunjuk perasaan atas isu kelaparan di Baling dahulu. Demi Allah, saya tidak terlibat. Dan para pemimpin pelajar yang ditahan itu juga mengesahkan mereka tidak pernah bertemu saya sepanjang tunjuk perasaan itu dirancangan.

Hal ini diberi tahu kepada saya tatkala para pemimpin pelajar itu ditahan bersama-sama saya di lokap High Street.

Dan begitu juga halnya dengan keahlian saya dalam parti politik. Professor Syed Hussein Ali telah juga memberitahu saya, sewaktu kami bersama di lokap High Street, dalam masa penyiasatan ke atas dirinya, pihak polis telah bersungguh-sungguh bertanya apakah saya pernah menjadi ahli Parti Sosialis (PSRM). Memanglah saya tidak pernah. Bertemu Kassim Ahmad pun tidak pernah. Bertemu Syed Hussein Ali di kampus pun tidak pernah. Kalau adapun bertempuh bahu, kami tidak tegur sapa.

Jadi, mengapa pihak-pihak yang tertentu masih

meneruskan tindakan menganiaya saya? Sedangkan saya pada hakikatnya tidak pernah jadi wakil rakyat apatah lagi jadi menteri yang telah menggunakan kedudukan politik saya untuk menghimpunkan kekayaan seperti setengah-setengah mereka yang dapat kita lihat hari ini. Dan mereka yang berjaya menghimpunkan kekayaan dari kedudukan politik, selamat tanpa sebarang gangguan dari BSN jauh sekali ISA.

Dalam keadaan yang ujud di saat ini, saya hanya dapat membuat andaian iaitu segala-galanya dilakukan untuk mententeramkan keadaan 'status quo' dan selanjutnya mengekalkan kedudukan bekas isteri saya dalam semua implikasi rancangannya beroleh fasah kerana dia bintang filem yang terkenal sekali di tanah air. Ini adalah hasil beberapa skandal yang tetap akan jadi rahsia yang dikatakan 'Classified matter'.

Dan dengan itulah, bekas isteri saya dengan suaminya dapat menyelamatkan diri dalam banyak hal yang bersangkutan dengan kes-kes syarikat-syarikat, pemegang saham dari syarikat-syarikat itu, MARA dan bank-bank tanpa menjejaskan kedudukan mereka yang mana jika ia dilakukan oleh rakyat seperti Subki Latif atau Anuar Ibrahim atau Dato Harun, tindakan 'criminal' mungkin telah diambil.

Ini semua dapat saya buktikan jikalau BSN yang terlepas dari kuasa Perdana Menteri, ujud di negara kita yang tercinta.

SIKAP PERIBADI SAYA TERHADAP PEMIMPIN UMNO

MENZIARAH JENAZAH ALLAHYARHAM TUN RAZAK DAN TUN ISMAIL

Sikap saya terhadap parti politik UMNO sudah jelas. Saya pernah berkecimpung dalam UMNO sejak tahun 1960, sewaktu di Singapura lagi. Aktif dan menjawat jawatan penting dalam cawangan dan bahagian. Waktu berada dalam tahun akhir di Universiti Malaya, (1973/74) saya menjadi Pengerusi UMNO Cawangan Kampung Kerinci dan Jawatankuasa Bahagian Damansara.

Sikap saya terhadap pemimpin tertinggi UMNO yang tertentu juga jelas. Saya menentang sehingga sanggup saya bertanding sebagai calon bebas menentang calon Barisan Nasional dalam kawasan negeri di Pekan (1974).

Penahanan saya di bawah ISA sebanyak dua kali lebih merupakan satu mistri - bersifat dendam - bukan politik.

UMNO adalah satu ideologi berparti yang dianggotai oleh orang Melayu yang yakin kepada perjuangannya dan kepada perlembagaannya. Pemimpin dan ahli UMNO cuma merupakan pendukung cita-cita UMNO., Menentang pemimpin UMNO tidak boleh disama ertikan menentang UMNO. Menentang pemimpin



Dato Hamzah, ipar Allahyarham Tun Razak. Kemerosotan kedudukannya ternyata setelah kematian Tun Razak.

curang, tidak boleh diertikan menentang parti. Inilah sikap saya hingga ke saat ini.

Walaupun pada zahirnya saya memusuhi setengah setengah pemimpin individual dalam UMNO. Tetapi rasa silaturrahim diantara seorang muslim dengan muslim yang lain tetap kukuh. Saya menghormati Tun Razak sebagai pemimpin dan sebagai Pembesar Pahang. Begitu juga saya menghormati pemimpin seperti Tun Dr. Ismail, bekas Timbalan Perdana Menteri.

Penghormatan saya yang terakhir kepada mereka ini dapat juga saya sempurnakan.

Bila jenazah Tun Razak sampai dari London, saya berada di Pekan, Pahang, sedang menyelesaikan beberapa masalah peribadi.

Saya bertolak dari Pekan ke Seri Taman. Saya dapat sama-sama menyambut ketibaan jenazah bekas Perdana Menteri dan membaca 'Al-Fatihah' untuk Allahyarham itu. Saya bersama Anuar Jusoh, sepupu Allahyarham dan lain-lain pembesar negara semuanya berada di Seri Taman. Saya juga melihat Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh Hamzah dan Hamzah Abu Samah. Saya terus berada di Seri Taman sehingga larut malam. Saya balik berkereta ke Pekan malam itu juga. Oleh kerana dalam perjalanan hujan turun dengan lebatnya, saya sampai di Pekan subuh hari.

Begitu juga, bila kematian Tun Dr. Ismail diumumkan oleh radio, subuh-subuh hari. Kebetulan saya berada di Kuala Lumpur. Tun Ismail, pernah menjadi Menteri Dalam Negeri. Pada masa saya ditahan di bawah Undang-Undang ISA 1969, Tun Dr. Ismail adalah Menteri Dalam Negeri.

Pagi-pagi lagi saya sudah sampai ke rumah kediaman Tun di Jalan Maxwell. Belum ada orang melawat lagi. Saya dapat melihat wajah Tun Ismail, wajah yang biasa - tenang dan serius, yang biasa ditatap oleh rakyat Malaysia. Sesudah selesai saya menghadiahkan Al-Fatihah dan membaca Yassin, saya lihat Tan Sri Arshad Ayub, Dato Abdul Rahman Yaakub dan Aziz Yassin boss FAMA dahulu ada sama.

Di ketika begini, saya jadi tambah insaf, bahawa kematian merupakan penamat kepada perjalanan melalui titian di alam ini. Sebanyak mana dan sekuat mana seseorang manusia waktu dia hidup, dalam kematiannya dia jadi seperti sehelai daun kering yang terbang ditiup angin bayu- tinggal segala-gala yang indah, lumayan dan mengkagumkan.

Dalam kepercayaan kita terhadap ugama Islam yang maha suci, tiap-tiap yang mati itu akan bermula untuk menempuh alam 'Barzakh', satu babak terakhir yang mesti dihadapi - iaitu mahkamah Ilahi yang akan mengadili dengan seadil-adilnya segala tindak tanduk insan di dunia ini. Walaupun sebesar debu terbang apa yang telah dilakukan pada masa hidup di dunia, tidak akan terlepas dari pengadilan Allah.

Semoga Allah merahmati roh Allahyarham Tun Razak dan Tun Ismail. Al-Fatihah.

SIKAP POLITIK SAYA SEKARANG

Kempen Pilihanraya Umum 1974.

Pendirian saya sebagai seorang nasionalis masih tetap kukuh. Perihal banyak pula gulungan-gulungan tertentu menganggap saya seorang *extremis*, *essentrik*. Tetapi banyak pula kata-kata celupar saya yang jadi sungguhan.

Misalnya, dalam pilihanraya 1974, dimana saya berdiri sebagai calon bebas, keseluruhan isi ucapan rapat umum (kini rapat umum sudah diharamkan), saya mengecam bekas Menteri Besar yang saya tuduh mengamalkan '*nepotism*' dan bertanggungjawab di atas kerugian berjuta-juta ringgit dalam mengendalikan syarikat-syarikat separuh kerajaan di Pahang seperti Syarikat IBAM (kayu balak), Syarikat Perdagangan Negeri Pahang dan lain-lain lagi. Walaupun keadaan ini memang disedari oleh pihak pucuk pimpinan UMNO, bekas Menteri Besar itu hanya dibersarakan setelah kematian Tun Razak. Kematianannya menyebabkan kemerosotan politik saudara maranya di Pahang Dan masalah penyelewengan negeri Pahang itu sudah jadi pengetahuan umum dan ia masih berterusan lagi tanpa sebarang tindakan, jauh sekali untuk menyeret mereka yang bertanggungjawab ke mahkamah.

Hasil bumi Pahang seperti kayu balak hanya dimonopoli oleh segelintir gulungan orang parti dan gulungan tertentu. Rakyat biasa hanya menelan air liur sahaja.

Wakil-wakil rakyat dari peringkat negeri hingga ke peringkat Dewan Rakyat melonggok harta. Dan lihatlah krisis politik di Pahang ini kian bertambah hebat. Rahim Bakar yang tidak diduga dilantik menjadi Menteri Besar sedang menghadapi tekanan dan ketegangan. Gulungan yang merasa kepentingan menambahkan kekayaan mereka terhalang, sedang mencuba dengan berbagai strateji untuk menggulingkannya.

Pengisiran politik gulungan Rahim Bakar dengan gulungan istana sudah jadi pengetahuan rakyat Pahang dan terus meruncing. Namun demikian, kedudukan Rahim Bakar agak lebih kukuh apabila dia terpilih sebagai salah seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO (MKT) pada 27.6.1981 yang lalu.

Saya pernah menyatakan, adalah menjadi hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh setiap orang bahawa UMNO merupakan sebuah parti Induk yang mendapat tempat dalam hati orang-orang Melayu. Ia sebuah parti politik bersifat liberal, sesuai untuk kegiatan secular dan dikatakan bersemangatkan nasionalis Islam. Dan perlembagaan UMNO itu masih terus dilengkapi untuk menyesuaikan perkembangan dari masa kesemasa dan ia menjadi sebuah 'bible' yang sentiasa sesuai untuk sebilang masa dan waktu dari satu dekad ke satu dekad yang lain sehingga saat ini. Kerana ada proses ini UMNO dapat menyesuaikan dirinya dengan segala rupa situasi yang dihadapinya. Selain dari perlembagaan UMNO itu sendiri yang menguasai tata

tertib dan disiplin dalam parti, UMNO yang menjadi tulang belakang pemerintah atau kerajaan hari ini terus melaksanakan dasar-dasar atau objektif-objektifnya yang kemudian disalurkan ke dalam Perlembagaan Malaysia yang mudah dapat dilakukan, kerana UMNO merupakan kuasa penentuan di dalam Parlimen.

Kerajaan Barisan Nasional yang dikuasai oleh UMNO terus berupaya mengubah dan menambah satu demi satu undang-undang atau akta tanpa sebarang halangan. Barisan Nasional pimpinan UMNO menguasai lebih dari 2/3 suara dalam Parlimen Malaysia. Dan rasa saya, biar apa pun kelemahan, kekurangan mahupun kepincangan (*To err's is human to forgive is divine*), dalam UMNO kita mesti mengakui samada kawan atau lawan, iaitu Barisan Nasional merupakan pilihan rakyat yang tidak dapat dielakkan dalam Malaysia yang mempunyai berbilang bangsa, kebudayaan dan ugama. Biar apa pun kelemahannya, negara kita masih merupakan sebuah pulau bahagia di mana keadaan politik dan ekonominya stabil dan menjadikan sebilangan rakyat hidup dalam aman dan gembira. Dan kita masih boleh melihat ketaatan rakyat terutamanya orang-orang Melayu hari ini tidak pernah menjejaskan secara serius gulungan-gulungan dan pemimpin-pemimpin yang menyeleweng, samada dalam kerajaan atau pun di dalam parti. Kalaulah kategori pemimpin-pemimpin serupa ini hidup seperti di Iran misalnya, sudah lama mereka sudah tinggal nama sahaja. Dalam menganalisa secara ringkas, satu demi satu kehendak-kehendak yang terkandung dalam 'Rukun Negara' yang dicipta oleh pemimpin terkenal Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Dalam Negeri, kita akan dapati, pelaksanaan kehendak-kehendaknya tidak sampai ke tahap yang semestinya.



Anuar Ibrahim Presiden ABIM dan tokoh generasi muda yang paling terkenal di peringkat 'national' dan 'international'. Dia penuh dedikasi. Kewibawaannya, ketinggian budi pekertinya, serta pengabdianya terhadap konsep perjuangan Islam dikagumi. Kini dipilih oleh seluruh badan-badan bukan politik semua bangsa (termasuk Majlis Peguam Negara) sebagai Pengerusi Kelihatan Anuar sedang menerangkan sesuatu kepada YTM

Jawatankuasa Bertindak terhadap 'Akta Pindaan Per-tubuhan' yang baru diluluskan oleh Parlimen.

Isteri beliau pula seorang yang waraq dan bertugas sebagai Doktor Perubatan di Universiti Hospital, Kuala Lumpur. Mereka telah mempunyai seorang cahayamata (perempuan).

Tuanku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Malaysia.

RUKUN NEGARA DAN PERLAKSANAANNYA

1. KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
2. KESETIAAN PADA RAJA DAN NEGARA
3. KELUHURAN PERLEMBAGAAN
4. KEDAULATAN UNDANG – UNDANG
5. KESOPANAN DAN KESUSILAAN

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

Benar! Kita sekadar berjaya menjadikan 'Islam' sebagai agama resmi negara Malaysia walaupun bilangan yang bukan Islam menjangkau angka 40%. Tetapi secara praktiknya, Islam tidak dapat dikatakan sebagai undang-undang yang dilaksanakan mengikut lunas-lunas Islam yang sebenarnya berdasarkan Quran dan Hadith. Pelaksanaan hukum Islam di Malaysia masih terus menyambung tradisi pelaksanaan pentadbiran daripada masa penjajah dahulu iaitu di mana misalnya kuasa-kuasa mahkamah syariah hanya terbatas kepada membicarakan masalah-masalah yang melibatkan orang-orang Islam sahaja. Kalaupun ada perubahan, ialah dengan pembentukan badan-badan dakwah, dengan ujudnya Pusat Islam dan dengan penambahan kakitangan pengurusan hal ehwal Islam termasuk program 'Musabaqah' yang diadakan setiap tahun itu. Tetapi selain daripada itu, kita tidak nampak satu-satu tindakan yang dapat dikatakan dilaksanakan mengikut akidah Islam yang selaras dengan Quran dan Hadith seperti yang selalu diucapkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO sendiri. Kita masih dapat melihat tempat-tempat berjudi yang direstui oleh pemerintah sendiri seperti di Genting Highland. Kita juga melihat pelacur-pelacur berkeliaran di segenap lorong dan jalan di bandar-bandar besar. Kita melihat perbuatan zina yang dilakukan di hotel-hotel besar dan kecil yang ter-

lepas dari tindakan-tindakan pihak Jabatan Ugama Islam atas sebab-sebab yang tertentu. Kita boleh melihat kelab-kelab malam yang dibanjiri oleh orang-orang Melayu yang beragama Islam dan dengan pelayan-pelayan yang terdiri dari wanita-wanita Melayu yang beragama Islam (selain dari bangsa lain juga). Kita boleh melihat minuman keras dijual di merata tempat tanpa sebarang halangan dan kita masih boleh melihat orang-orang Islam berbagai peringkat masih minum arak tanpa segan dan silu dan seribu satu macam maksiat lagi. Dan kita juga dapat melihat penyelewengan yang dilakukan oleh pentadbir-pentadbir Islam sendiri yang hanya bertindak terhadap orang-orang kecil sahaja.

Orang-orang besar dan berpengaruh boleh melakukan apa sahaja yang bertentangan dengan Islam tanpa gangguan. Maka perkara-perkara penyelewengan serupa ini dengan sendirinya menjadikan kenyataan Islam sebagai ugama resmi itu sebagai momok sahaja ataupun cogankata semata-mata. Bukankah satu keanehan, kita menangkap orang Islam yang tidak berpuasa tapi mendiamkan perjudian, pelacuran, jual beli minuman keras, khalwat di hotel-hotel, di mess-mess dan sebagainya yang bercanggah sama sekali dengan hukum Islam? Apa yang lebih jelas kita hanya menekan pembangunan fizikal dan melaksanakan secara ala kadar pembangunan kerohanian (moral) yang dapat mengelakkan keruntuhan kesusilaan identiti masyarakat bangsa. Kita bangga dengan banyaknya industri-industri yang dapat menampung pekerjaan-pekerjaan dalam negara kita. Bagaimana dengan perkembangan moral pekerja-pekerja di dalam industri-industri ini?

KESETIAAN PADA RAJA DAN NEGARA

Sememang diakui bahawa dalam keadaan masyarakat majmuk negara ini, orang Melayu memerlukan satu simbol yang dapat mengekalkan rasa ketuanan yang mutlak, bahawa Malaysia ini adalah negara yang berteraskan bangsa Melayu, kebudayaan Melayu yang beragama Islam. Raja adalah Raja Perlembagaan. (Constitutional Monarch). Tetapi trend yang kita lihat hari ini ialah kedudukan Raja-Raja tersebut dapat diperkukuhkan dan diperakui dengan lebih meyakinkan dengan cara dibuat satu penentuan bahawa Raja-Raja ini tidak melibatkan diri dalam politik dan pentadbiran negara yang bercanggah dengan kedudukan istimewa mereka sebagai Raja berperlembagaan. Memanglah kita terdengar desas desus beberapa perkara yang boleh memalukan bangsa kita sendiri. Misalnya, pada tiap-tiap sambutan menyambut hari kelahiran Sultan-Sultan kita, ada orang samada diketahui atau tidak, cuba mendapatkan atau menerima apa yang disebut hadiah dengan harapan mendapatkan gelaran J.P. atau gelaran yang lebih tinggi mengikut nilai hadiah yang disalurkan kepada orang-orang yang mengakui dirinya orang Raja. Mungkin perkara ini tidak benar ataupun mungkin jika ianya dilakukan, tanpa diketahui oleh Raja-Raja kita. Tetapi jika perkara ini tidak dicegah, tidak dibasmi, ia hanyalah akan memalukan kedudukan Raja-Raja kita yang kita taati. Kerajaan yang berindukkan parti UMNO, seharusnya meletakkan garis-garis supaya jangan terdapat Raja-Raja kita ini hanya ditaati, dihormati, disayangi oleh orang Melayu. Orang-orang Melayu menyusun jari sepuluh menjunjung duli dan menyembah kerana taat dan hormat kepada Raja-raja tetapi orang-orang asing boleh memegang bahu, bergurau senda dan hanya bersalaman sahaja dengan Raja-raja kita. Akuilah realiti ini demi

kehormatan Raja-raja kita. Kerana Raja kita adalah simbol kehormatan Negara dan Bangsa, kehormatan Ugama Islam dan kebudayaan Melayu. Apa juga yang boleh menjejaskan sifat-sifat suci dan murni, ini akan juga menjejaskan kehormatan ugama, bangsa dan negara. Apa juga yang dilakukan oleh Raja-Raja kita adalah mencerminkan sifat-sifat dan watak orang Melayu sendiri. Raja-Raja adalah wira dan harus maksum dari cela dan nista. Kita tidak rela orang lain mengatakan Raja kita berketurunan lanun.

UMNO sebagai induk yang memerintah negara kita perlu mengadakan batas-batas undang-undang dan artika supaya Raja-Raja kita itu diberi layanan yang sewajarnya, setaraf dengan kedudukan mereka sebagai Raja yang berdaulat dalam Perlembagaan. Dengan lain perkataan, kerajaan haruslah mengadakan satu 'vote' atau peruntukan untuk memerhatikan perbelanjaan pentadbiran Raja-Raja ini ditentukan jumlahnya supaya ia tidak menimbulkan rasa tidak puas hati. Kita haruslah mengetahui bahawa rakyat sentiasa berfikir dan sentiasa bertanya dan memerlukan jawapan. Trend perubahan zaman dari gelap kepada terang, dari buta kepada celik, dari zaman batu kepada zaman Sains dan Teknologi dalam proses yang tidak dapat dibendung. Manusia bertambah arif dan pintar dan ilmu pengetahuan bertambah maju. Maka persoalan-persoalan untuk memelihara tradisi kita yang kita cintai akan sentiasa tercabar dan dicabar dan ini sangat memerlukan pemerintah memberikan perhatian supaya keadilan antara pihak atasan dengan rakyat biasa diperseimbangkan. Lihatlah negara Jepun. Negara yang merupakan negara perusahaan yang termaju sekali di Asia yang dapat menandingi negara-negara perusahaan di Barat. Jepun juga mempunyai Raja yang berperlembagaan. Tetapi kedudukan Raja Jepun tidak pernah terganggu kerana adanya batasan yang kita

sebutkan diatas tadi. Ada setengah pihak-pihak tertentu yang meragui perlunya kita mempunyai sistem beraja ini. Tetapi mereka tidak pula mahu memikirkan, bahawa di negara tanpa Raja (republik) tidak kurang berlakunya perkara-perkara yang merosakkan bangsa itu sendiri - seperti di Iran, walaupun Shah disingkirkan, namun mala petaka terus melanda negara itu dan rakyat menjadi semakin menderita. Dengan lain perkataan, kita tidak boleh menjamin bahawa apabila negara kita menjadi sebuah negara republik, ia akan bertambah baik dan bertambah makmur, dan boleh memberi kebahagiaan kepada rakyat seperti yang mahu difikirkan oleh orang-orang cinis terhadap sistem beraja ini.

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

Keluhuran Perlembagaan boleh dimaksudkan sebagai keagungan, kesucian, kemuliaan dan kemurnian Perlembagaan. Tidak seorangpun akan terlepas dari hukum jika ia berani melanggar dan mencemar Perlembagaan Negara.

Perlembagaan kita juga dapat dikatakan agung kerana dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, tiap-tiap rakyat yang berbilang bangsa, keturunan, kebudayaan (bahasa dan ugama), mempunyai hak, tempat dan peluang yang sama dan hak-hak ini diberi perlindungan oleh Perlembagaan.

Dan jika hak mana-mana rakyat tanpa mengira bangsa, keturunan dan kebudayaan itu diancam dan digugat, ia diberi hak menuntut haknya kembali melalui kedaulatan undang-undang iaitu Mahkamah.

Termaktubnya dalam Perlembagaan - Islam ugama resmi dan bahasa Malaysia sebagai bahasa resmi dan beberapa kedudukan istimewa Raja-Raja dan hak seorang Melayu tidak boleh dipertikaikan dan dianggap oleh golongan bukan Melayu sebagai tidak adil. Kerana Perlembagaan juga menyebut dengan jelas bahawa semua rakyat bukan Melayu adalah bebas untuk mengekalkan kepercayaan bertuhan mereka dan mengembangkan kepercayaan itu. Bahasa Malaysia sebagai resmi adalah satu dari faktor yang tidak boleh dipertikaikan juga kerana bahasa berfungsi menyatupadukan bangsa yang berlainan keturunan. Sebaliknya, Perlembagaan juga membenarkan penggunaan bahasa lain dalam kehidupan sehari-hari bahkan hari ini kita lihat terdapat sekolah-sekolah yang mengajar dan mengembangkan bahasa ibunda mereka (Bahasa China dan Tamil).

Apa yang meragukan kita ialah sikap dan semangat yang ditunjukkan oleh sebilangan besar rakyat bukan Melayu bukanlah semangat dan sikap rakyat Malaysia sejati.

Sebagai contoh, setiap kali kerajaan menganjurkan upacara sambutan bersabit dengan semua aspek kebudayaan Malaysia, yang memenuhi dewan auditorium hanyalah orang Melayu. Tulisan-tulisan asing di papan-papan tanda tertulis secara besar-besaran, seolah-olah ianya bahasa resmi Malaysia. Begitu juga dengan sebilangan rakyat bukan Melayu masih banyak lagi tidak mampu bertutur dalam bahasa resmi. Ini lebih merupakan watak keangkuhan mereka atau perasaan 'Superiority Complex' mereka. Sebaliknya pula, mereka melaung-laungkan hak mereka sebagai rakyat Malaysia yang kononnya dianak tirikan. Kononnya, mereka merasai diri mereka rakyat kelas dua.

Tetapi apa yang kita lihat, anak tiri ini menguasai semua sektor ekonomi, anak tiri ini duduk di bandar-bandar, memperolehi semua kemudahan moden, anak tiri inilah yang menduduki banglo-banglo. Dan anak tiri ini sedang cuba menguasai bank-bank. Sebaliknya, orang Melayu yang dianggap anak kandung, duduk di rumah-rumah setinggan, dihimpit, ditekan, disabotaj dalam persaingan perniagaan dan sebagainya.

Sifat tamak dan ingin merebut sepenuh hak sebagai rakyat Malaysia tetapi tidak mahu menghayati kebudayaan Malaysia adalah satu sifat yang harus dikutuk dan dihapuskan.

Dan sifat-sifat ini adalah bercanggah dengan 'Ke-luhuran Perlembagaan' yang bukan sahaja menjamin tetapi mempertahankan semua hak rakyat tanpa mengira bangsa dan keturunan.

KEDAULATAN UNDANG – UNDANG

Memanglah kita akui bahawa negara kita ini dari segi pentadbiran penghakiman masih mewarisi sistem penghakiman ala British. Kita harus mengangkat topi bahawa penghakiman di negara kita ini boleh dikatakan sebaik-baiknya jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara yang mencapai taraf negara 'anar-chist'.

Penghakiman adalah berasingan dan tidak melibatkan diri dalam soal-soal politik dan politik tidak pernah dicampur aduk dalam pentadbiran penghakiman di negara kita.

Kedaulatan Undang-Undang boleh diertikan: Setiap

hak rakyat Malaysia adalah dilindungi oleh undang-undang. Dan undang-undang ini pula adalah merupakan pancaran dari apa yang telah disiratkan dalam Perlembagaan. Kedaulatan Undang-Undang ini bererti setiap rakyat berhak mencabar mana-mana pihak, individu, kumpulan, gulungan, yang cuba merampas hak rakyat tadi ke mahkamah pengadilan.

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Kesopanan dan Kesusilaan dapat diberi pengertian yang lebih luas sehingga boleh mencakup pengertian 'Universal humanitarianism' atau ungkapan lebih mudah, 'perasaan kemanusiaan sejagat'.

Dalam konsep dan kontek ini, kita tidak mungkin dapat menjadi manusia individualistik dalam meminta orang lain menganuti ciri-ciri nasionalistik kita yang asli.

Lebih mudah, dalam kita mencari penyelesaian yang lebih luas iaitu 'Kesopanan dan Kesusilaan' ialah mencari ciri-ciri universal yang dapat diterima dan diamal oleh semua individu. Misalnya sifat menghormati jiran, menolong orang dalam kesusahan, menghormati orang tua, menghormati pemimpin, menghormati bendera negara, menghormati lagu Kebangsaan, menghormati kebudayaan orang lain (bahasa, cara hidup dan kepercayaan), adalah ciri-ciri Kesopanan dan Kesusilaan yang bukan sahaja diterima oleh individu dan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia tetapi diterima dan diamalkan oleh masyarakat sejagat-masyarakat antarabangsa.

Dalam perlaksanaannya, kita dapat dikatakan berjaya melaksanakan konsep Rukun Negara ini sepenuhnya. 'Civic Minded' rakyat kita terutama orang-orang

Melayu terkenal ke seluruh dunia oleh semua bangsa. Kita liberal dalam banyak cara hidup. Kita bukan 'extreme'. Kita berat kepada aktiviti 'secular' walaupun 'non secular' jadi sebahagian ciri hidup kita yang terpenting dan diterima oleh majoriti rakyat kita.

SIKAP SAYA KEPADA KEPIMPINAN NEGARA SEKARANG

Biarpun terdapat akta-akta yang menghalang kejayaan dan perkembangan parti-parti pembangkang, masih terdapat keadaan politik dan ekonomik yang stabil di Malaysia. Umpamanya UMNO sebagai parti nasionalis pro-secular, banyak dianggotai oleh gulungan cendekiawan yang terdiri dari para intelek yang berkeupayaan. Hujah-hujah menyeru orang-orang Melayu bersatu padu melalui UMNO mempunyai tujuan-tujuan yang jujur.

Dalam kepimpinan UMNO pula terdapat berbagai gulungan. Gulungan ini terbahagi kepada dua kategori:

- a) 'Conservative'
- b) 'Progressive'

Gulungan pertama ini nampaknya terdiri dari gulungan 'ahli politik veteran' yang sudah menurun kepopularan mereka. Peranan mereka memperjuangkan kemerdekaan Negara dahulu hanya menjadi catitan sejarah yang diingati sekali sekala.

Pemilihan satu set kepimpinan UMNO pada 26.6.

1981 belum lagi memperlihatkan perubahan yang jelas dan nyata. Pemilihan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Dato Musa Hitam sebagai Presiden dan Timbalan Presiden dan beberapa muka baru dalam Majlis Tertinggi UMNO membawa era baru dalam proses perkembangan UMNO.

Gulungan (b) ini saya anggap gulungan 'Progressive.'. Perihal kemenangan kedua-dua Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Dato Musa Hitam yang pernah disingkir dari UMNO oleh Tuanku Abdul Rahman, Perdana Menteri pertama (gulungan 'conservative') memperkuat lagi anggapan bahawa kedua-dua pemimpin yang baru dilantik ini akan menyelidik kembali sedikit demi sedikit (walaupun secara evolusi jika tidak secara revolusi) pendekatan mereka terhadap isu nasional dan isu international. Kemenangan mereka ini dianggap kemenangan bagi mereka yang inginkan perubahan pesat dan kemenangan ini juga merupakan kejayaan gulungan generasi muda yang agak radikal. Bolehlah dikatakan, masa depan Malaysia di bawah kepimpinan Dato Seri Mahathir adalah cerah dan kebanyakan orang optimistik terhadap destinasi ini.

KEPIMPINAN KERAJAAN

Apabila kita menyebut kegagalan dalam pelaksanaan undang-undang atau satu-satu rancangan untuk kepentingan rakyat maka kita adalah mengemukakan cadangan atau kritik yang membina, (jika kritik seumpama itu terbit dari ahli parti sendiri). Tidak ada seorang manusia atau sebuah organisasi, institusi bahkan sebuah negara yang 100 peratus ideal dan bercorak 'utopian' di mana-mana juga. Namun demikian, ada kalanya pemimpin-pemimpin kita terlalu sensitif

terhadap kecaman-kecaman ini walaupun kecaman-kecaman itu dikemukakan oleh rakan seperjuangannya sendiri. Akhirnya, kecaman-kecaman itu dianggap sebagai 'destructive' dan pengkritik tadi dianggap sebagai musuh pula dan dia akan cuba diketepikan dan kemungkinan disingkir terus. Contohnya, penyingkiran Dato Seri Mahathir Mohamad dan Dato Musa Hitam oleh pemimpin UMNO dalam tahun 1960an dahulu adalah diatas sebab yang sama.

Tetapi bukanlah pula boleh dinafikan, bahawa kecaman-kecaman dari parti pembangkang pula boleh merosakkan kredibiliti atau kepercayaan rakyat terhadap pemerintah. Kerana memanglah menjadi objektif pembangkang membangkitkan rasa tidak puas hati rakyat dengan mencari apa juga kesalahan, kepincangan terutamanya jika terdapat penyelewengan, salah-guna kuasa, rasuah dan sebagainya di kalangan orang-orang kerajaan.

Bagi saya, kepincangan-kepincangan di atas bukanlah kepincangan dasar, tetapi kelemahan dalam pelaksanaan dasar itu sendiri. Ini adalah 'administrative inefficiency'.

Dalam semua bentuk 'administrative inefficiency' ini saya hanya suka menekankan satu isu penting sebagai satu 'priority' iaitu 'Rasuah'.

BIRO SIASATAN NEGARA (BSN)

Adalah wajar kerajaan memberikan perhatian berat terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh banyak orang yang terkemuka samada mereka ahli politik atau tidak, yang menganjurkan supaya BSN ini di-

berikan kuasa 'independent' atau autonomi supaya dia dapat melancarkan gerakan-gerakannya tanpa halangan ataupun tanpa menerima arahan dari pihak yang tertentu yang menaunginya. Apa yang berlaku sekarang ialah BSN ini masih lagi diletakkan di bawah Portfolio Pentadbiran Jabatan Perdana Menteri. Dengan adanya situasi serupa ini maka kita tidak dapat menolak kenyataan yang dibuat bahawa pihak pendakwa hanya bertindak ke atas segelintir manusia sahaja sedangkan masih terlalu banyak lagi orang-orang yang rasuah yang masih bebas daripada tindakan-tindakan undang-undang semata-mata kerana mereka mempunyai kedudukan dan pengaruh samada pengaruh jawatan atau pengaruh politik. Justeru itu BSN tidak dapat dikatakan telah berjaya dalam pelaksanaan tugas-tugasnya. BSN sendiri sebagai satu institusi yang dibentuk oleh kerajaan terpaksa mematuhi 'course of action' yang telah ditentukan, dimana setiap tindakan yang penting mesti mendapat kelulusan daripada pihak yang tertentu di Jabatan Perdana Menteri. Cuma pada satu masa dahulu sebelum ujudnya BSN ini, BPR (Badan Pencegah Rasuah) yang diketuai oleh Encik Harun Hashim (kini bergelar Dato dan seorang Hakim Mahkamah Tinggi) telah bertindak dengan tegas tanpa mengira bulu. Diantara yang didakwa ialah bekas Menteri Besar Perak dan beberapa orang lagi pemimpin-pemimpin parti. Mungkin tindakan beliau yang begitu tegas telah menyebabkan beliau ditukarkan ke Jabatan Perhakiman. Tetapi hari ini kita masih meragui bahawa BSN sanggup dan boleh bertindak terhadap semua orang-orang yang rasuah lebih-lebih lagi terhadap ikan-ikan yu yang kuat pengaruh politik dan pengaruh wang.

Adakah penjara Pudu itu khususnya untuk rakyat biasa dan 'political trouble-maker' seperti Dato Harun sahaja?

Selalu kita dengar BSN berkata, mereka perlukan bukti untuk mengambil tindakan terhadap orang-orang yang rasuah. Justeru itu, kita mencadangkan supaya BSN sendiri, yang semakin hari semakin ramai tenaga pegawai-pegawainya, mengambil inisiatif, menyiasat latar belakang ahli-ahli politik tertentu atau pegawai-pegawai kerajaan dan swasta yang tiba-tiba mendapat 'Lampu Aladin'. Barangkali kita dapat melihat dengan jelas, ada diantara orang-orang yang 'corrupt' ini menjadi golongan 'elite' ataupun perubahan 'standard of living' mereka yang begitu mendadak setelah sehari dua menjadi Wakil Rakyat baik di peringkat negeri apatah lagi di peringkat kebangsaan. Atau seorang pegawai hutan Division 1 atau Super Seale G, mempunyai 3 atau 4 buah rumah banglo untuk disewakan dan punya anak 3 orang yang sedang belajar di Universiti seberang laut. Lebih cepat BSN diberi kuasa autonomi lebih bermaknalah seruan yang selalu dilaungkan oleh pemimpin kita untuk menghapuskan rasuah. Rasuah sudah sampai ke tahap yang serius dan ia adalah seperti barah dalam tubuh manusia.

Rasuah akan merosakkan ekonomi negara, menjejaskan maruah negara, menambahkan rasa tidak puas hati rakyat dan melemahkan keutuhan, kewibawaan negara dan pemimpin yang akhirnya akan mendedahkan rakyat kepada pengaruh fahaman yang akhirnya akan ekstremis dari golongan yang sentiasa mengambil kesempatan dari isu yang dianggap benar terjadi. Akhirnya, suka saya tekankan isu-isu ini adalah 'purely administrative - inefficiency' dan tidak sekali-kali menyentuh keseluruhan dasar kerajaan kita yang membina. Menghapuskan semua macam penyelewengan adalah satu 'mission impossible' yang mesti diteruskan untuk melahirkan sebuah negara yang kaya dan bahagia. Bukan bahagia untuk golongan yang sudah

sedia kaya tetapi memberi tempat berlindung kepada rakyat, meningkatkan taraf hidup mereka ke tahap yang lebih manasabah. Ini sesuai dengan kekayaan semula jadi bumi Malaysia.

Kita masih mempunyai masa depan yang cemerlang jika kepimpinan yang ada mahu membawa rakyat bersama ke arah 'destinasi' yang mereka cita-citakan iaitu keadilan, kemakmuran dan pembahagian kekayaan kepada rakyat. Sekian.

